



LAPORAN TAHUNAN
2010



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR



LAPORAN TAHUNAN
2010

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

© Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Hak Cipta Terpelihara 2010

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Disunting oleh :

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Aras G-7 Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2

62100 Putrajaya

ISSN 1823-5689

Sumber Gambar:

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Labuan

Pejabat Pengarah Tanah & Galian WPKL

KANDUNGAN

4 Perutusan

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

6 Perutusan

Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

7 P

- 8 1P : Pembangunan
2P : Perumahan
- 9 3P : Penguatkuasaan
4P : Pengangkutan Bandar
- 10 5P : Penyelenggaraan
6P : Penjaja dan Peniaga Kecil
- 11 7P : Prihatin

12 Kalendar Korporat

Laporan Unit-Unit dan Bahagian-Bahagian KWPKB

- 23 Unit Komunikasi Korporat
- 33 Unit Penasihat Undang-Undang
- 37 Unit Audit Dalam
- 41 Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan
- 47 Bahagian Dasar dan Program Kesejahteraan Bandar
- 59 Bahagian Perancangan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang
- 63 Bahagian Perkhidmatan Teknikal dan Geospasial
- 69 Bahagian Kemiskinan Bandar
- 73 Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- 89 Bahagian Pengurusan Maklumat
- 93 Bahagian Perkhidmatan Korporat

100 Laporan Agensi-Agensi KWPKB

- 101 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- 113 Perbadanan Putrajaya (PPj)
- 119 Perbadanan Labuan (PL)
- 127 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP)
- 131 Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP)

Perutusan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar



"Wilayah Persekutuan adalah kebanggaan Negara. Setiap komponen Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya adalah permata Negara yang sangat tinggi nilainya."

(Majlis Jamuan Teh HWP 2010)

"If we really want people to measure well, improve their performance, and meet their public accountabilities, they must own this process. This means the measurement tools and the improvement process must make sense to them and even be uplifting."

(Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2010)

"Memahami dengan penuh keinsafan bahawa business is not as usual dan kepentingan imej kerajaan dan penegasan YAB Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara berpendapatan tinggi, maka saya ingin menyarankan agar kesegeraan dalam membuat keputusan-keputusan dan kepantasan dalam melaksanakan keputusan mestilah menjadi priority kepada setiap warga KWPKB dan agensi-agensi."

(Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2010)

"Semua penjawat awam perlu menampilkan imej yang bersih, amanah, berintegriti dan nilai-nilai murni semasa memberikan perkhidmatan kepada pengguna. Selain itu, tabiat suka menimba ilmu dan menghasilkan idea kreatif serta melakukan penambahbaikan yang berterusan mampu mengekalkan standard perkhidmatan awam yang dikelaskan sebagai masyarakat Negara maju."

(Majlis Perhimpunan Menteri WPKB Bersama Penjawat Awam di Labuan 2010)



YB. DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Menteri Wilayah Persekutuan
dan Kesejahteraan Bandar

Perutusan
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
dan Kesejahteraan Bandar



"Sebagai penjawat awam, kita adalah dituntut untuk menanam budaya kecemerlangan melalui usaha meningkatkan kesedaran supaya menitikberatkan prinsip ketepatan dari segi pengurusan masa, jadual penyampaian dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan kita."

(Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2009 KWPKB Bersama Agensi:
Dibuat pada 2010)

"Warga yang berdisiplin akan sentiasa dapat menjalankan tugas dengan cemerlang kerana disiplin merupakan kunci utama ke arah kecemerlangan dan menjadi asas yang penting dalam usaha mewujudkan perkhidmatan awam yang bersih dan cekap."

(Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2009 KWPKB Bersama Agensi:
Dibuat pada 2010)

"Setiap jabatan kerajaan inginkan kualiti dan produktiviti dalam perkhidmatan kakitangannya, walau bagaimanapun, peningkatan kualiti dan produktiviti tidak akan terjadi dengan sendirinya tetapi perlu di wujud melalui usaha-usaha yang dirancang dengan teliti dan berterusan."

(Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Wilayah Persekutuan
bagi Sektor Awam Tahun 2010)

"Penglibatan setiap lapisan kakitangan dalam organisasi adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya pembangunan modal insan sektor awam dijadikan keutamaan. Pandangan penjawat awam diambil kira dalam proses penyelesaian masalah di mana pendekatan ini dapat mewujudkan perasaan kekeluargaan atau belonging di kalangan penjawat awam yang diterjemahkan kepada keutuhan perpaduan dan seterusnya membawa kebaikan kepada organisasi kementerian atau jabatan terbabit secara keseluruhannya."

(Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Wilayah Persekutuan
bagi Sektor Awam Tahun 2010)



YBHG. DATO' HJ. AHMAD PHESAL BIN TALIB
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar



1P : PEMBANGUNAN

- Rancangan Greater KL sebagai satu teras untuk menjana kejayaan ekonomi negara.
- Rancangan pembangunan Kampung Bharu secara komprehensif.
- Rancangan Pembangunan semula Flat 4 Tingkat Kerinchi, Pantai Dalam.
- Pembangunan "Little India" di Brickfields.
- Cadangan Bandar berkembar Kuala Lumpur – Chennai.
- Hub pengedaran Halal Labuan.
- Pembangunan Taman Botani di Tasik Perdana sebagai tarikan baru pelancongan dalam dan luar Negara.
- Pembangunan Taman Ampang Hilir sebagai tumpuan rekreasi warga kota.



2P : PERUMAHAN

- Melancarkan skim penjualan rumah PPR MTEN dan Perumahan Awam DBKL dengan sasaran unit sebanyak 44,146.
- Menawarkan rumah-rumah PPR kepada golongan sasaran seperti setinggan tanah Kerajaan dengan fokus kepada golongan ibu tunggal, OKU dan rakyat berpendapatan rendah.
- Menawarkan penduduk segera unit-unit rumah di Labuan bagi menyelesaikan masalah setinggan.
- Meningkatkan keupayaan persatuan penduduk dengan mengadakan seminar khas pemimpin-pemimpin persatuan penduduk seluruh Wilayah Persekutuan.



3P : PENGUATKUASAAN

- Mengadakan operasi berterusan untuk memantau penjaja-penjaja haram, kebersihan, trafik dan premis perniagaan.
- Mengadakan operasi memantau kerja-kerja binaan dan keselamatan tapak bina.
- Mengadakan operasi merobohkan binaan-binaan haram dan melanggar peraturan.
- Mengadakan operasi penguatkuasaan efektif di Hentian Puduraya dan Brickfield bagi menyelesaikan masalah trafik.



4P : PENGANGKUTAN BANDAR

- Pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu Bandar Tasik Selatan.
- Penambahbaikan Hentian Puduraya.
- Pembukaan jejambat Jalan Dewan Bahasa – Jalan Hang Tuah siap 10 bulan lebih awal.
- Pembukaan laluan bawah tanah di Cheras: Jalan Loke Yew – Jalan Yaacob Latiff dan Jalan Cheras – Jalan Pudu .
- Penambahan bilangan bas Nadi Putra di Putrajaya kepada 85 buah.



5P : PENYELENGGARAAN

- Mewujudkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia untuk membantu menyelenggara flat dan rumah kos rendah swasta.
- Menyelenggara rumah PPR dan PA DBKL.
- Menubuhkan Unit Tindakan Khas (Flying Squads) untuk perumahan dan untuk jalan, longkang dan perabot jalanan.
- Memperkasakan Skwad Pemantauan DBKL dengan peningkatan perkhidmatan kepada 24 jam.



6P : PENJAJA DAN PENIAGA KECIL


- Pada 11 Januari 2010 Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul telah dibuka dan seramai 122 penjaja dan peniaga mendapat peluang berniaga yang lebih baik dan tersusun.
- Untuk menggalakkan pengunjung pelbagai kemudahan lain untuk masyarakat setempat disediakan seperti Perpustakaan Awam serta gelanggang Futsal.
- Berikutan pengumuman YAB PM sempena 100 hari sebagai Perdana Menteri dalam bulan Julai 2009, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengurangkan kadar lesen perniagaan penjaja kecil Wilayah Persekutuan sebanyak 50 peratus bagi lesen baru atau lesen diperbaharui.
- KWPKB dan agensi sentiasa berusaha menambahbaik dasar berkenaan penjaja dan peniaga kecil. Antaranya pendekatan yang diambil ialah mengadakan Lab Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berlangsung pada 22 Feb 2010.



7P : PRIHATIN

- Melancarkan Program Amanah Saham Wawasan 2020 Bandar untuk membantu golongan miskin tegar dan miskin Bandar.
- Menambahkan bajet dan jumlah penerima Program Bantuan Persekolahan untuk pelajar-pelajar seluruh Wilayah Persekutuan.
- Melancarkan Skim Prihatin 1Wilayah Persekutuan.
- Memberikan geran berjumlah RM1.74 juta kepada 74 Pertubuhan Belia seluruh Wilayah Persekutuan.
- Memberikan sumbangan kepada lebih banyak NGO sekolah individu dan golongan memerlukan setiap minggu.
- Memberikan bantuan segera kepada mangsa bencana.
- Mengadakan bengkel-bengkel maklumat awam dengan pemegang taruhan dan orang awam untuk menyampaikan maklumat dan mendapatkan maklumbalas.
- Meningkatkan perkhidmatan aduan dan tindakbalas dengan mewujudkan Pusat Panggilan Setempat DBKL menggunakan Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (i-SPAAA).

Kalendar Korporat



4-9 JANUARI 2010



Lab Perancangan, Penetapan Strategi dan Pendekatan Pelaksanaan Program Kemiskinan dan Kesejahteraan Bandar

5 JANUARI 2010



Pensijilan MS ISO 9001:2008

31 FEBRUARI 2010



Majlis Pelancaran Sambutan dan Festival HWP Tahun 2010



Majlis Pelancaran Tabung TP-1Malaysia Sempena Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2010

1 FEBRUARI 2010



Istiadat Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan

3-5 FEBRUARI 2010



Bengkel Pindaan Akta Wilayah Persekutuan (Perancangan) Kuala Lumpur 1982 (Akta 267)

21 FEBRUARI 2010



Golf Persahabatan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

28 FEBRUARI 2010



Majlis Penutupan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2010

27 MAC 2010



Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan 2010



Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan 2010 (Pantai Kg. Sg. Miri, Pantai Layang-Layangan dan Pantai Tg. Aru, Labuan)



Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan 2010 (Presint 2, Putrajaya)

6-9 APRIL 2010



Bengkel Semakan dan Penambahbaikan Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan serta Lawatan Sambil Belajar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Ukur Sarawak Anjuran Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP)

14 APRIL 2010



Majlis Pelancaran Pelan Strategik dan Pelan Strategik ICT KWPKB Tahun 2010-2014

19 APRIL - 15 MEI 2010



"Green Generation Exhibition"



Program Gotong Royong Bukit Bintang Central 2010



Lawatan ke Sukunan, Yogyakarta

29 MEI 2010



Majlis Penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah Kampung Bharu di Putra World Trade Centre (PWTC)

1-5 OGOS 2010



Lab Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu

7-8 OGOS 2010



Program Penghargaan Media Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi

28 OGOS 2010



Majlis Jom Sahur

2 SEPTEMBER 2010



Majlis Nur Ramadhan KWPKB Bersama Agensi

6-8 OKTOBER 2010



Pertandingan 36 Hrs Open Source Web Development 2010

9 OKTOBER 2010



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Wilayah Persekutuan

25-27 OKTOBER 2010



Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Kebangsaan

27 OKTOBER 2010



Majlis Perasmian 'Little India' di Brickfields, Kuala Lumpur

11 DISEMBER 2010



Blog for Ft Cares

Unit Komunikasi Korporat



PENGENALAN

PENGURUSAN ADUAN DAN ISU SEMASA


Seksyen ini amat komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti dalam mengendali pengurusan aduan. Pada masa yang sama seksyen ini menyelaras dan menjawab aduan dikemukakan oleh orang ramai melalui pelbagai saluran seperti media cetak (akhbar), media elektronik (televisyen dan radio) serta blog dan portal rasmi/individu.

Semua jawapan Surat Kepada Pengarang (SKP) akan di muatnaik dalam laman web Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi serta dimuat naik ke dalam portal BERNAMA Online. Aduan juga diterima menerusi surat, panggilan telefon, e-mel dan lain-lain saluran.

Aduan juga diterima melalui sistem-sistem pemantauan aduan seperti (I-SPAAA) i-aduan dan e-akhbar. Aduan-aduan lazimnya daripada media cetak diterima dalam dua bentuk iaitu SKP dan berita.

Dalam memastikan pengurusan aduan dapat dipantau secara sistematik, KWPKB dan Agensi telah menggunakan I-SPAAA yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Untuk memastikan kesinambungan pengurusan aduan di KWPKB, KWPKB telah menggunakan tatakara pengurusan aduan dalam tempoh 15 hari seperti yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 tahun 2009 (Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam).

Carta 1: Aliran tatakara pengurusan aduan




Sepanjang tahun 2010, KWPKB dan agensi telah menerima aduan daripada semua saluran penerimaan aduan. Laporan terperinci berkaitan penerimaan dan kadar penyelesaian aduan oleh KWPKB dan agensi adalah seperti pada jadual di bawah.

JADUAL 1: Statistik Aduan Mengikut Agensi Tahun 2010

AGENSI	JUMLAH ADUAN					
	Terima	Peratus Aduan	Selesai	Peratus Selesai	Dalam Tindakan	Peratus dalam Tindakan
DBKL	25379	94.32	21719	85.57	3660	14.43
Perbadanan Labuan (PL)	327	1.22	327	100	0	100
Pejabat Tanah & Galian (PTG)	42	0.16	42	100	0	100
Perbadanan Putrajaya (PPJ)	1158	4.30	1142	98.62	16	1.38
JUMLAH	26906	100	23230	86.34	3676	13.66

Jumlah Aduan dan Kedudukan Agensi dari Januari Hingga Disember 2010

CARTA 1: Jumlah Penerimaan Aduan dan Status Penyelesaian Aduan Bagi Tahun 2010



PENGURUSAN PERKHIDMATAN PELANGGAN

Semua urusan berkaitan perkhidmatan pelanggan dirancang, diurus, dilaksana dan dipantau oleh Seksyen Pengurusan Pelanggan dan Hal Ehwal Antarabangsa dengan cekap, efisien dan berintegriti tinggi menjadi misi dan visi utama dalam pengurusan perkhidmatan pelanggan di KWPKB. Layanan mesra kepada pelanggan oleh pegawai khidmat pelanggan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan melalui panggilan telefon dan semua perkhidmatan kaunter menjadi keutamaan di KWPKB. Pegawai khidmat pelanggan di KWPKB dilatih menggunakan kemahiran hubungan interpersonal yang positif iaitu hormat, mesra, responsif, bertimbang rasa dan

berkomunikasi dengan baik dan berkesan. Dalam menjamin pengurusan perkhidmatan pelanggan yang bermutu, KWPKB telah melaksanakan beberapa program yang berorientasikan pelanggan seperti Hari Bertemu Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan.

Hari Bertemu Pelanggan

Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan bersama Agensi selaras dengan arahan Kerajaan untuk mengeratkan hubungan antara sektor awam dengan orang

ramai. Pelaksanaan program ini juga memberi peluang kepada KWPKB dan Agensi mendapatkan maklumat secara terus mengenai masalah yang dihadapi oleh pelanggan masing-masing, di samping meningkatkan kualiti perhubungan awam di KWPKB dan Agensi.

Pada tahun 2010, Program Hari Bertemu Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan bersama Agensi telah dilaksanakan sebanyak 3 kali seperti berikut:

TARIKH	TEMPAT
19-20 Jun 2010	Kompleks Ujana Kewangan Labuan
10-11 Julai 2010	FIORIA 2010 - Putrajaya
11 Disember 2010	Blog for Ft Cares 4T - Kuala Lumpur

Daripada maklumat balas yang diterima dari pelanggan, ianya menunjukkan peningkatan berbanding dengan Program Hari Bertemu Pelanggan pada 2009.

PENGURUSAN AKTIVITI PROMOSI, PUBLISITI, PERIKLANAN DAN PENERBITAN

Pelan komunikasi merangkumi elemen promosi, publisiti bagi semua program/aktiviti Kementerian dan Agensi, periklanan, penerbitan dirancang, diselaras dan dilaksanakan oleh UKK. Dalam menguruskan dan menyelaraskan aktiviti promosi, publisiti dan periklanan bagi program-program yang dilaksanakan di peringkat Kementerian, UKK memainkan peranan yang amat penting dalam menyediakan pelan komunikasi yang komprehensif.

Terdapat banyak aktiviti promosi, periklanan dan advertorial yang telah dilaksanakan oleh UKK seperti pengumuman dan hebahan di media-media elektronik dan media massa. Ini dapat dilihat melalui siaran rerayap (crawlers) dan *slide show* yang utama disiarkan di stesen televisyen utama, pengumuman oleh deejay-deejay radio serta pengiklanan dan advertorial di dalam surat khbar berkenaan aktiviti dan program utama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk dimaklumkan kepada orang ramai sebelum program berlangsung juga merupakan salah satu dari aktiviti promosi yang dilaksanakan. Selain itu, pihak Kementerian juga membuat periklanan dan publisiti di stesen LRT bagi menghebahkan kempen "Ulat Tiket" dan Terminal Bas Sementara Bukit Jalil.



Iklan di stesen LRT Masjid Jamek, KL



Risalah

Promosi mengenai program/aktiviti Kementerian juga dibuat dan dipaparkan di dalam bentuk e-mel, paparan aktiviti di laman web, poster, flyers dan banner beberapa minggu sebelum program/aktiviti berlangsung. Keberkesanan aktiviti promosi dan periklanan korporat ini membolehkan orang ramai dalam mendapatkan maklumat lengkap berkenaan sesuatu program/aktiviti Kementerian dan Agensi.

Manakala aktiviti-aktiviti publisiti mengenai Kementerian turut dilaksanakan dan diselarasakan di bawah pentadbiran Unit Komunikasi Korporat. Semua perkara yang dapat memberikan peluang publisiti yang positif kepada Kementerian akan dikelolakan oleh UKK dan digunakan secara maksimum. Dapat dilihat peranan utama Unit Komunikasi Korporat menjurus kepada memperkenalkan KWPKB dan memberikan impak yang positif berkenaan persepsi orang ramai terhadap perkhidmatan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

UKK juga turut memberi fokus dalam peningkatan imej dan penjenamaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar melalui barang-barang cendermata yang disediakan untuk tetamu-tetamu rasmi Kementerian.



Poster Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2010 yang dimuatnaik ke dalam laman web KWPKB dan Agensi serta ditampal di dalam bas Nadi Putra

Unit Komunikasi Korporat menyediakan cenderamata rasmi berupa tali leher, selendang dan pendrive 1Malaysia untuk tetamu-tetamu rasmi Kementerian. Manakala buku nota, pen, fail korporat, beg kertas merupakan barang promosi yang melambangkan dan memperkenalkan Kementerian di mata luar.

Unit Komunikasi Korporat juga turut melaksanakan kerja-kerja penerbitan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Antara bahan penerbitan utama adalah:

1. Buku Warna Warni Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2010;
2. Buku Laporan Tahunan 2009;
3. Buletin Wilayah Persekutuan 2010; dan
4. Info Booklet dan flyers berkenaan program-program rasmi KWPKB.



Info Booklet Blog For FT Cares!

PENGURUSAN LAMAN WEB KWPKB

Unit Komunikasi Korporat bersama-sama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bertanggungjawab dalam pengemaskinian maklumat-maklumat di laman web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Antara kandungan utama yang diselenggara oleh Unit Komunikasi Korporat adalah 'uploading' ucapan YB. Menteri, kenyataan/siaran media, serta gambar-gambar aktiviti/program Kementerian dan agensi untuk orang ramai dalam mendapatkan maklumat dan informasi terkini di laman web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

UKK juga memantau berita-berita berkenaan KWPKB dan Agensi dari akhbar-akhbar utama melalui media *monitoring* di laman web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berkenaan aduan, kenyataan dan isu-isu semasa setiap hari.

PENGURUSAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat bertanggungjawab dalam mengurus dan mengendalikan perhubungan media dengan menyediakan Nota Kepada Pengarang untuk Liputan Media tiga (3) hari sebelum program/majlis Kementerian berlangsung. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 61 jemputan kepada Ketua Pengarang Media Massa telah dikeluarkan untuk liputan pelbagai Program dan aktiviti Kementerian.

Program Penghargaan Media Bersama YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi

Program Penghargaan Media Bersama YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah dilaksanakan untuk julung kalinya dalam



Buletin Wilayah Persekutuan 2010



Laporan Tahunan 2009



Buku Warna-Warni Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2010

usaha memberi penghargaan atau pengiktirafan kepada media massa yang telah memberi sumbangan terhadap penyaluran maklumat/berita berkaitan dengan Kementerian.

Program Penghargaan Media Massa ini melibatkan kesemua wakil-wakil media di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Program ini dianjurkan oleh Unit Komunikasi Korporat KWPKB dengan kerjasama Pejabat YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Agensi.

Konsep dan pengisian program memberi keutamaan ke arah pemupukan hubungan akrab antara pihak Pengurusan Kementerian dan Agensi dengan pihak media massa.

Objektif penganjuran program ini ialah:

- Mengeratkan hubungan yang sedia terjalin antara KWPKB dan media massa;
- Menghargai dan mengiktiraf sumbangan media massa dalam meningkatkan imej KWPKB;
- Meraikan pihak media massa di atas sumbangan promosi, publisiti, liputan dan hebahan aktiviti-aktiviti dan berita-berita mengenai KWPKB dan Agensi; dan
- Mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada para wartawan, bloggers dan organisasi media melalui Anugerah Khas Media YB. Menteri.

Program ini akan melibatkan warga Kementerian dan Agensi serta wakil-wakil daripada pihak media dengan pengisian aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Aktiviti Sukan Muhibbah (treasure hunt, golf dan bowling)
- Lawatan ke Wilayah Persekutuan Labuan (melibatkan pelbagai aktiviti)
- *Treasure hunt*
- *Bowling*

Antara jemputan wakil media massa pilihan yang terlibat:

1. Media Cetak

BERNAMA, Berita Harian, Utusan Melayu, Harian Metro, Sinar Harian, Kosmo, The News Straits Times, The Star, The China Press, Nan Yang Siang Pau, Sin Chew Daily, Tamil Nesan, Malaysia Nanban, Tamil Daily dan The Sun.



Iklan Carnival Bank di akhbar Nanyang Siang Pau

Iklan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di akhbar Harian Metro

Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ialah unit yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelaras KPI YB Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar terutamanya dalam proses penyediaan KPI, pemantauan, pelaporan dan penilaian.

Berikut adalah beberapa yang dijalankan oleh Unit KPI sepanjang tahun 2010:

BIL.	PERKARA
1	PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (OPEN DAY GOVERNMENT TRANSFORMATION PROGRAMME)
1.1	<p>Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dianjurkan oleh PEMANDU, JPM merupakan program bertujuan menyampaikan maklumat pencapaian NKRA/NKPI dan MKRA/MKPI kepada rakyat melalui kaedah mempamerkan di <i>booth</i> yang disediakan. Program tersebut telah diadakan seperti berikut:</p> <p>Pada 15 dan 16 Januari 2010 di Sarawak; Pada 21 dan 22 Januari 2010 di Sabah; dan Pada 28 dan 29 Januari 2010 di Kuala Lumpur <i>Convention Centre</i>.</p> <p>Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar merupakan salah satu daripada lima (5) Kementerian terpilih bagi mempamerkan '<i>selected KPI/KRA</i>' di <i>booth</i> MKRA.</p>
2	PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KETUA SETIAUSAHA KWPKB TAHUN 2009 BAGI TUJUAN PENILAIAN OLEH PIHAK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
2.1	<p>Penyediaan Laporan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.</p> <p>Pasukan Penyediaan KPI KWPKB telah menyediakan Laporan Penilaian KPI KSU KWPKB Tahun 2009 bermula April 2009 bagi tujuan penilaian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.</p>
2.2	<p>Sesi Penilaian KPI Ketua Setiausaha KWPKB Tahun 2009 oleh pasukan penilai dari Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Korporat, Jabatan Perkhidmatan Awam.</p> <p>Membentangkan Laporan Penilaian KPI Ketua Setiausaha KWPKB Tahun 2009 kepada pihak penilai pada 17 Februari 2010 yang telah diadakan di Bilik Bahan, Aras 4, KWPKB.</p>
3	PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN PETUNJUK-PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAGI PENGURUSAN TERTINGGI
3.1	<p>Kamus Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</p> <p>Pasukan Penyediaan KPI KWP telah menyediakan Kamus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha untuk Jabatan Perkhidmatan Awam dengan mengadakan sebuah Jawatankuasa khas. Mesyuarat Penetapan KPI KSU KWPKB Tahun 2010 telah diadakan pada 29 Mac 2010 dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' KSU.</p>
4	MKPI REVIEW SESSION

BIL.	PERKARA
4.1	<p><i>PM Minister Review Session</i></p> <p><i>Prime Minister Minister Review Session</i> (MKPI 2009) telah diadakan pada 28 Januari 2010. Proses Penyediaan Pencapaian MKPI 2009 telah diuruskan oleh Unit KPI bagi setiap MKPI dalam masa yang ditetapkan.</p> <p><i>PM Minister Mid Term Review Session</i></p> <p>Sesi review ini telah diselenggarakan oleh pihak Pemandu, JPM. Di mana, Perdana Menteri bertemu Menteri bagi membincangkan prestasi semasa setiap MKPI Menteri. Pihak Kementerian menyediakan maklumat mengenai pencapaian MKPI 2010 sepanjang bulan Januari hingga Jun 2010 untuk dibentangkan oleh YB. Menteri kepada YAB. Perdana Menteri pada 28 Jun 2010.</p> <p><i>Review Session between KSU and YB. Datuk Sri Idris Jala</i></p> <p>Sesi review ini telah diadakan pada 9 Disember 2010 di pejabat YB. Datuk Sri Idris Jala. Semasa sesi tersebut, Kementerian telah diwakili oleh 10 pegawai dari kementerian dan agensi. Sesi ini diadakan bertujuan membentangkan pencapaian MKPI 2010 serta mendapatkan maklum balas elemen-elemen MKPI 2011 sebelum diangkat kepada YAB. Perdana Menteri.</p>
5	<p>PEMUKTAMADAN MKPI DAN KPI KSU KWPKB</p>
5.1	<p><i>Ministerial Key Performance Indicator</i></p> <p>MKPI YB. Menteri telah dimuktamadkan pada 28 Jun 2010 iaitu semasa <i>PM Minister Mid Term Review Session</i>. Pemuktamadkan tersebut setelah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri dan disahkan oleh pihak Pemandu, JPM.</p> <p>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha</p> <p>Kamus KPI KSU Tahun 2010 telah dimuktamadkan pada 12 Ogos 2010 setelah mendapat pengesahan pihak JPA.</p>
6	<p>PROGRAM LATIHAN KEFAHAMAN DAN KEMAHIRAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA KPI KWPKB</p>
6.1	<p>Program Pengenalan dan Pemahaman Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama (KRA)</p> <p>Unit KPI dengan usaha sama Unit Pembangunan Kompetensi, telah mengadakan Program Pengenalan dan Pemahaman Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) sebanyak tiga (3) siri pada tahun 2010 iaitu:</p> <p>Siri 1 - 20 Julai 2010 (Selasa) Siri 2 - 29 Julai 2010 (Khamis) Siri 3 - 06 Ogos 2010 (Jumaat)</p> <p>Program ini telah mendapat khidmat profesional daripada penceramah KRA Consultancy Resources.</p> <p>Lab Petunjuk Prestasi Utama YB. Menteri dan Ketua Setiausaha</p> <p>Unit KPI dengan usaha sama Unit Pembangunan Kompetensi, telah mengadakan Lab Petunjuk Prestasi Utama YB. Menteri dan Ketua Setiausaha pada 14 Oktober 2010. Lab ini telah diadakan sehari di Dewan Serbaguna, Aras 1, Blok 1, Menara Seri Wilayah dan telah dihadiri lebih 50 orang pegawai dari Kementerian dan Agensi. Lab ini telah mendapat khidmat profesional daripada pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBSB) dalam berkongsi maklumat dan pengalaman berkaitan KPI.</p>

Unit Penasihat Undang-Undang



PENGENALAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang adalah komponen utama kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berdasarkan kepada objektif utama penubuhan Pejabat Penasihat Undang-Undang iaitu memberi nasihat kepada Kementerian berhubung dengan semua urusan perundangan yang melibatkan Kementerian dengan agensi-agensinya yang dipertanggungjawab di bawahnya.

Pencapaian Pejabat Penasihat Undang-Undang Bagi Tahun 2010

Pandangan Undang-Undang

Bagi tahun 2010, Unit ini telah mengemukakan 27 pandangan undang-undang bertulis kepada Kementerian dan agensi di bawahnya. Manakala pandangan undang-undang secara lisan telah diberikan dari semasa ke semasa.

Penggubalan Rang Undang-Undang / Akta / Perundangan Subsidiari.

1. Rang Undang-Undang
Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 telah dibentangkan untuk Bacaan Kali Pertama di Parlimen pada 14 Disember 2010.
2. Perundangan Subsidiari yang telah disiarkan dalam warta sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:
 - a. Perintah Pemerluasan dan Ubahsuaian Undang-Undang
 - (1) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Penggubalsuaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U.(A) 62/2010]
 - (2) Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan Parit dan Banguan 1974) 2010 [P.U.(A) 394/2010]
 - (3) Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992) 2010 [P.U.(A) 395/2010]
 - (4) Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2010 [P.U.(A) 439/2010]
 - (5) Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [P.U.(A) 441/2010]
 - (6) Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U.(A) 442/2010]
 - b. Undang-Undang Kecil, Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah
 - (1) Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Labuan (No.2) 2010 [P.U.(A) 144/2010]
 - (2) Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2010 (Pembetulan) 2010 [P.U.(A) 362/2010]
 - c. Pelantikan
 - (1) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989
Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat [P.U.(B) 570/2009], [P.U.(B) 39/2010], [P.U.(B) 120/2010], [P.U.(B) 293/2010], [P.U.(B) 332/2010], [P.U.(B) 425/2010].
 - (2) Kanun Tanah Negara
Pelantikan Pegawai di bawah Seksyen 12 (1B)(b) [P.U.(B) 496], [P.U.(B) 162], [P.U.(B) 163], [P.U.(B)43], [P.W. 26144], [P.W. 27183], [P.W. 27184], [P.W. 27185] dan [P.W.27881].
 - (3) Akta Eksais 1976
Pelantikan Ahli Lembaga Pelesenan [P.U.(B) 410/2009]

- (4) Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan A dan Ahli Lembaga Perolehan B [P.W. 12132] - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan A dan Ahli Lembaga Perolehan B [P.W. 12133]-Perbadanan Labuan
 - (5) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267]Pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan [P.U.(B) 73]
 - (6) Akta Pengangkutan Jalan 1987 Pelantikan Warden Lalulintas [P.W.31379]
- d. Perintah Penahanan dan/atau Perintah Pembebasan di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Bagi tahun 2010, sebanyak 9 Perintah Penahanan dan atau Pembebasan di bawah Kanun Tatacara Jenayah telah disemak.
 - e. Perizaban Tanah di bawah Seksyen 62 dan 64 Kanun Tanah Negara. Sebanyak 69 perizaban tanah bagi maksud awam, telah diwartakan bermula Januari 2010 hingga Disember 2010.


Perjanjian

Bagi tahun 2010, sebanyak 72 dokumen perjanjian yang dikemukakan oleh pihak Kementerian, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah disemak dan diluluskan oleh Unit ini.

Kertas Siasatan

Sebanyak 29 kertas siasatan yang dikemukakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah disemak bagi tahun 2010 untuk kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara, Akta Hotel (WPKL) 2003 dan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006 [Akta 663].

CARTA 2: Dokumen Perjanjian yang Telah dan Diluluskan





Unit Audit Dalam



Kajian semula bagi aktiviti utama UAD telah dilakukan pada pertengahan tahun 2010. Semakan semula telah dilakukan setelah mengambil kira beberapa faktor dan berdasarkan kepada maklum balas serta persetujuan dari Ketua Setiausaha KWPKB. Enam (6) tajuk pengauditan telah ditukar kepada tajuk baru dan dua (2) aktiviti audit digugurkan pada pertengahan tahun 2010.

JADUAL 2: Tajuk Pengauditan yang Ditukar

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN DIRANCANG	TAJUK PENGAUDITAN DILAKSANA
1.	Pengauditan kutipan hasil cukai tanah di PTG KL, PTG Putrajaya dan PTG Labuan	Pengauditan khas di Perbadanan Labuan
2.	Pengauditan terhadap perbelanjaan mengurus di bawah objek 29000 di KWPKB	Pengauditan pengurusan rekod cuti di KWPKB
3.	Pengauditan terhadap projek (PRE) membaikpulih bumbung perumahan DBKL	Pengauditan pengurusan tiket kapal terbang di KWPKB
4.	Pengauditan terhadap projek perumahan kakitangan awam Labuan	Pengauditan siasatan di Perbadanan Labuan
5.	Kajian terhadap pembangunan <i>Diplomatic Enclave</i> di Putrajaya	Pengauditan pengurusan pendahuluan diri di KWPKB
6.	Pengauditan Susulan terhadap Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara	Pengauditan susulan terhadap Laporan Naziran Jabatan Akauntan Negara dan Laporan UAD KWPKB di Pejabat Tanah dan Galian Labuan

JADUAL 3: Tajuk Pengauditan yang Digugurkan


BIL.	TAJUK KAJIAN
1.	Kajian terhadap projek Pembangunan Kampung-kampung Labuan
2.	Kajian terhadap pembangunan Taman Tasik Pudu Ulu, Cheras



Pencapaian kerja Unit Audit Dalam KWPKB bagi tahun 2010 adalah seperti di Jadual 4:

JADUAL 4: Pencapaian Kerja

BIL.	TAJUK	DILAKSANAKAN
1.	Menyediakan Rancangan Audit UAD 2010	Januari
2.	Menyediakan Laporan Tahunan UAD 2009	Mac
3.	Pengauditan khas di Perbadanan Labuan	Januari
4.	Pengauditan Susulan Pengurusan Kewangan Pejabat Tanah dan Galian Putrajaya	Februari
5.	Pengauditan pengurusan stor di KWPKB	Mac - April
6.	Pengauditan pengurusan rekod cuti di KWPKB	Mei - Julai
7.	Pengauditan siasatan di Perbadanan Labuan	Jun
8.	Pengauditan pengurusan tiket kapal terbang di KWPKB	Ogos - Oktober
9.	Pengauditan susulan terhadap Laporan Naziran Jabatan Akauntan Negara dan Laporan UAD KWPKB di Pejabat Tanah dan Galian Labuan	November
10.	Pemeriksaan mengejut Panjar Wang Runcit di PTG Labuan	November
11.	Pengauditan pengurusan pendahuluan diri di KWPKB	Disember
12.	Pemeriksaan mengejut Panjar Wang Runcit di PTG KL.	Disember
13.	Pemeriksaan mengejut Panjar Wang Runcit di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	Disember
14.	Pemeriksaan mengejut Panjar Wang Runcit di KWPKB	Disember



Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2010

Pengenalan Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan

1. Melaksanakan mesyuarat JKT mengikut jadual yang ditetapkan tertakluk kepada pindaan yang dipersetujui oleh Pengerusi JKT.
2. Memastikan mesyuarat JKT dikendalikan dengan lancar dan tersusun serta rekod urusan mesyuarat disimpan dengan baik untuk tujuan rujukan.

Program Penjualan Unit Kediaman Civil Servant Reserved Unit (CSRU) di Putrajaya

1. Memproses permohonan dan mengeluarkan tawaran dengan segera kepada pemohon yang diperakukan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.
2. Menyediakan khidmat nasihat dan panduan yang jelas dan berkesan kepada pemohon di sepanjang proses permohonan dan jual beli.

Penyediaan Maklum Balas dan Laporan

1. Mengumpul maklumat yang tepat dan terkini dari berbagai sumber yang berkaitan serta menjalankan sendiri siasatan ke atas lokasi yang terlibat.
2. Menyediakan laporan yang komprehensif, profesional dan seimbang bagi membantu proses membuat keputusan.
3. Melaksanakan dengan sempurna arahan yang berkaitan setelah keputusan dibuat.

Pengurusan Urusan Pentadbiran Tanah bagi Wilayah Persekutuan

1. Menyelaras dan melaksanakan semakan serta penambahbaikan kepada undang-undang dan peraturan pentadbiran tanah di WP yang berkuatkuasa berdasarkan perkembangan



semasa bagi menyokong pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan.

2. Melaksanakan urusan dengan segera pewartaan pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Kanun Tanah Negara 1965, Ordinan Tanah 1930 (Sabah, Cap. 68), dan Akta Mahkamah Rendah 1948.
3. Melaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak undang-undang urusan pewartaan perizaban dan pembatalan perizaban tanah bagi maksud awam.
4. Melaksanakan urusan pewartaan penyenaian syarikat/institusi kewangan di bawah Jadual Kedua dan Ketiga Enakmen Rezab Melayu 1946.





Pencapaian Tahun 2010

Keurusetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

PENCAPAIAN		
Kuantiti : JKT KL <ul style="list-style-type: none"> • 16 kali mesyuarat dijadualkan (sehingga 31 Disember 2010). • 14 kali mesyuarat diadakan (sehingga 31 Disember 2010). 	Kuantiti : JKT Labuan <ul style="list-style-type: none"> • 6 kali mesyuarat dijadualkan (sehingga 31 Disember 2010). • 4 kali mesyuarat diadakan (sehingga 31 Disember 2010). 	Kuantiti : JKT Putrajaya <ul style="list-style-type: none"> • 6 kali mesyuarat dijadualkan (sehingga 31 Disember 2010). • 6 kali mesyuarat diadakan (sehingga 31 Disember 2010).

Program Penjualan Rumah CSRU Di Putrajaya

Sehingga 31 Disember 2010 unit-unit CSRU yang telah ditawarkan mengikut presint dan jenis kediaman adalah seperti berikut:

	PRESINT 8	PRESINT 9	PRESINT 10	PRESINT 11	PRESINT 14	PRESINT 16	PRESINT 18	JUMLAH
Banglo	-	-	7	-	14	3		24
Semi-D	14	17	14	7	30	9	23	114
Teres	19	114	-	66	45	43	19	306
Kondominium	-	-	-	46	-	-		46
Townvilla	-	-	-	-	-	30		30
JUMLAH KESELURUHAN								520

Urusan penawaran unit kediaman dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kepada jumlah unit yang diserahkan oleh pihak pemaju kepada Kerajaan serta kelayakan pemohon berdasarkan merit serta garis panduan yang telah ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2010 bilangan pemohon yang masih berada di dalam senarai menunggu mengikut kategori rumah yang dipilih adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS RUMAH	BILANGAN MENUNGGU
1.	Banglo	109
2.	Semi-D	575
3.	Teres	1144
4.	Kondominium	558
5.	<i>Townvillas</i>	265
JUMLAH KESELURUHAN		2,651

Kewujudan senarai menunggu adalah disebabkan bilangan unit-unit CSRU yang ditawarkan terhad dan bergantung kepada tahap kemajuan pembangunan di setiap presint dan pada masa yang sama permohonan sentiasa diterima oleh UJKTWP. Termasuk di dalam senarai menunggu tersebut adalah pemohon yang telah menolak tawaran dan meminta dipertimbangkan semula tawaran pada masa hadapan.



Pelaksanaan Program Tahun 2010

Bengkel Semakan dan Penambahbaikan Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Serta Lawatan Sambil Belajar Ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Ukur Sarawak Anjuran Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP).

Bengkel Semakan dan Penambahbaikan Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan serta Lawatan Sambil Belajar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Ukur Sarawak Anjuran Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP) telah diadakan pada 6 hingga 9 April 2010 di Grand Margherita Hotel, Kuching, Sarawak. Seramai 30 orang peserta daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Tanah dan Galian Labuan dan Putrajaya telah menghadiri bengkel ini.

Objektif utama bengkel adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan agar sesebuah jabatan/ agensi menyemak dan memperbaiki proses kerja bagi mempermudah urusan rakyat dan seterusnya dapat mengurangkan kerenah birokrasi dan kelewatan sebarang permohonan khususnya di PTGWP. Selain daripada itu, bengkel ini juga bertujuan untuk mencari kaedah yang terbaik untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan melalui penggubalan kaedah serta mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi perwakilan kuasa bagi peruntukan-peruntukan tertentu.



Bengkel Penyediaan Kaedah-Kaedah Hakmilik Stratum Wilayah Persekutuan anjuran Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Bengkel Penyediaan Kaedah-Kaedah Hakmilik Stratum Wilayah Persekutuan anjuran Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah diadakan pada 13 hingga 16 Julai 2010 di Bayview Hotel, Melaka. Seramai 30 orang peserta daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Pejabat Tanah dan Galian Labuan dan Putrajaya telah menghadiri bengkel ini.

Objektif utama yang hendak dicapai melalui bengkel ini adalah untuk penyediaan Kaedah-Kaedah Stratum Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta membincangkan secara terperinci garis panduan dan tatacara dalam pengurusan hakmilik stratum di Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu, ianya bertujuan untuk mengenalpasti idea-idea dan pendekatan terbaik bagi memastikan pelaksanaan pentadbiran hakmilik stratum di Wilayah Persekutuan memenuhi hasrat dan aspirasi Kerajaan dan rakyat.





Bahagian Dasar dan Program Kesejahteraan Bandar



SEKSYEN PEMBANGUNAN SOSIAL

PENGENALAN

Seksyen Pembangunan Sosial menjalankan fungsinya di bawah Bahagian Kesejahteraan Bandar dan diselaraskan di bawah sektor Perancangan dan Pembangunan. Seksyen ini terdiri daripada tiga (3) unit iaitu:

1. Unit Perumahan dan Petempatan;
2. Unit Pembangunan Insan dan Komuniti; dan
3. Unit Kesejahteraan Sosial dan Pengurusan Keselamatan.

Fungsi setiap unit adalah seperti berikut:

Unit Perumahan dan Petempatan

- Merancang, memantau dan melaksanakan dasar yang berkaitan perumahan bagi memperbaiki kualiti dan persekitaran perumahan khususnya dari segi infrastruktur, utiliti dan kemudahan masyarakat.
- Memastikan penjualan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada golongan yang berkelayakan dilaksanakan secara sistematik bagi mencapai sasaran setinggi sifar.
- Memastikan isu berkaitan dengan rumah Ibadat bukan Islam dapat ditangani dengan berkesan.

Unit Pembangunan Insan dan Komuniti

- Untuk mengatasi masalah-masalah sosial dan jenayah seperti dadah, curi, ragut, maksiat dan lain-lain.
- Menanam nilai murni masyarakat seperti menjaga harta awam, menjaga kebersihan persekitaran, membenci dadah dan lain-lain yang berkaitan;
- Menjalin dan mengerat kerjasama di antara penduduk supaya sama-sama bertanggungjawab terhadap permasalahan yang timbul di kawasan perumahan mereka termasuk bekerjasama dengan Jabatan/Agensi Kerajaan seperti mengadakan program gotong-royong, sukan rakyat dan sebagainya.

Unit Kesejahteraan Sosial dan Pengurusan Keselamatan

- Memastikan pengurusan berkaitan keselamatan, jenayah, bencana, kemudahan rekreasi dan lain-lain di Wilayah Persekutuan diselaraskan bersama agensi-agensi yang berkaitan.
- Menyelaras penyediaan input dan maklumat berkaitan keselamatan, jenayah, bencana, kemudahan rekreasi di Wilayah Persekutuan.
- Menyelaras dan memantau tindakan terhadap aduan orang awam berkaitan masalah sosial, pengurusan bencana, jenayah dan keselamatan.

DASAR BARU TAHUN 2010

Dasar dan Garis Panduan Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pada tahun 2010, terdapat satu (1) dasar baru yang telah digubal di bawah Seksyen ini iaitu Dasar dan Garis Panduan Hiburan. Dasar dan Garis Panduan Hiburan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam industri hiburan khususnya kepada pihak berkuasa dalam perancangan pembangunan, pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan lesen-lesen hiburan dan tempat-tempat hiburan di bandar raya Kuala Lumpur. Bandar raya Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang berkembang maju dan menjadi destinasi pelancongan, aktiviti dan pusat hiburan merupakan elemen penting dalam pertumbuhan bandar raya Kuala Lumpur bagi memenuhi kehendak warga kota dan para pelancong. Justeru, satu dasar dan garis panduan yang komprehensif adalah perlu untuk membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menimbangkan permohonan lesen hiburan dan tempat operasi hiburan secara telus, terurus dan terkawal.

Latar Belakang

Pembangunan pesat bandar raya Kuala Lumpur hasil daripada peluasan perbandaran, peningkatan bilangan penduduk, kemasukan expatriate serta kedatangan pelancong-pelancong asing telah membawa perubahan kepada keperluan dan permintaan dalam pelbagai aktiviti dan jenis hiburan. Permintaan terhadap hiburan semasa telah dan akan menggalakkan pertumbuhan tempat-tempat dan aktiviti-aktiviti hiburan seperti kelab malam dan dangdut, pusat disko, karaoke, snuker, Pusat Hiburan Keluarga dan seumpamanya.

Pertumbuhan tempat hiburan ini telah menyumbang kepada perkembangan kegiatan ekonomi bandar dan membuka peluang pekerjaan dalam industri hiburan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan tempat-tempat hiburan yang banyak tanpa dasar dan garis panduan yang jelas, kemas dan terancang, boleh membawa kepada peningkatan gejala sosial dan kesan negatif di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, dalam usaha merealisasikan visi dan misi pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selari dengan aspirasi dan keperluan mempertahankan nilai, budaya dan peradaban bangsa, maka suatu dasar penstrukturan, pengawalan dan penguatkuasaan aktiviti hiburan perlu dilaksanakan.

Dasar dan Garis Panduan Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada peraturan dan undang-undang serta kerangka perancangan pembangunan industri hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Meski pun industri hiburan akan membawa faedah kepada ekonomi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, namun kesan yang negatif perlu dielakkan bagi memastikan kedamaian, kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat bandar raya Kuala Lumpur.

Status Terkini

Dasar dan Garis Panduan Hiburan ini masih lagi dalam rangka penggubalan. Pada 9 Mei 2011 fungsi penggubalan Dasar dan Garis Panduan Hiburan ini telah bersetuju untuk di serahkan kepada Bahagian Dasar bagi memastikan fungsi ini dapat dijalankan dengan segera dan lancar.

Pencapaian Tahun 2010

- Berjaya mencapai KPI YB. Menteri dan KSU bagi tahun 2010 dalam Penjualan Rumah PPR MTEN dan PA DBKL.
- Karnival Bank Penjualan Rumah PPR MTEN dan PA DBKL bagi tahun 2010.
- Pelancaran Program Gerak Tumpuan 2010 di Brickfields.



Aktiviti Program Sepanjang Tahun 2010

Aktiviti dan program Unit Pembangunan Insan dan Komuniti adalah seperti berikut:

KALENDER AKTIVITI/PROGRAM GERAKAN TUMPUAN BAGI TAHUN 2010 KAWASAN BRICKFIELDS (SUMBANGAN KWPKB)

BULAN	PROGRAM/AKTIVITI	JABATAN /AGENSI	TEMPAT	PERSERTA	PERUNTUKAN (RM)
Mac 13.3.2010	Kursus Penyembelihan Binatang	KEMAS/JAWI	Masjid Al Khadijah Pantai Dalam	80 orang 18-45 Tahun	5,000.00
Mei 29.5.2010	Sambutan Bulan Perpaduan 1 Malaysia	Jabatan Perpaduan Negara Dan Intergrasi Nasional	PPR Sri Pantai	3,000 orang Semua Peringkat Umur	50,000.00
	Community Policing	Polis Diraja Malaysia			50,000.00
Jun 24.6.2010	Kursus Dandanan Diri – Juru Kecantikan Tahun 2010	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Wilayah Persekutuan	Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS, Jalan Ipoh Kuala Lumpur	12 orang golongan belia, remaja lepasan sekolah, suri rumah dan ibu tunggal, kawasan Pantai Dalam	6,580.00
Julai 15.7.2010	Lawatan Warga Emas PPR Pantai Ria, Lembah Pantai Ke Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka	Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka	70 orang penduduk warga emas pelbagai kaum	5,000.00
Julai 17-18.7.2010	Program Kem Permata Kasih	LPPKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lembah Azwen Resort, Hulu Langat, Selangor	80 orang pelajar Tingkatan 4, dari 8 Sekolah di kawasan Brickfields, KL	21,075.00
September 25-26.9.2010	Citra Keluarga Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010	AADK Brickfields	Dewan Seminar Utama Masjid Sayidina Abu Bakar, Bangsar	120 orang peserta	11,800.00
November 12-14.11.2010	Kem Kesejahteraan Remaja Modul <i>I'm In Control</i>	LPPKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	35 orang remaja Tingkatan 1 & 2 dari Sekolah sekitar Brickfields, KL	8,470.00
	26-28.11.2010	Program Patriotisme Pemimpin Muda	Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan	Sukida Resort, Sg. Tekala, Semenyih	100 orang
Disember 3-5.12.2010	Kursus Pembangunan Personaliti Belia	Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan	Sukida Resort, Sg. Tekala, Semenyih	100 orang	15,000.00
12-16.12.2010	Kursus Integriti Dan Kepimpinan RADA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	RADA Cheras	Sandy Beach Training Centre, Langkawi, Kedah	100 orang	42,150.00
25.12.2010	Program Pengkisahan	Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan	PPR Pantai Ria, Lembah Pantai	1000 orang	20,000.00
30.12.2010	Pentarama			3000 orang	
	Forum Perdana 1 Malaysia		Apartment Putra Ria, Jalan Bangsar	2000 orang	28,000.00
JUMLAH					140,420.00

SEKSYEN PEMBANGUNAN EKONOMI

Seksyen Ekonomi berperanan dalam menyelaras dan memastikan dasar penjaja, program-program peningkatan ekonomi, pembangunan usahawan dan penyertaan bumiputera dilaksanakan dengan efektif, memastikan program penswastaaan selaras dengan dasar yang ditetapkan dan menangani masalah projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan secara berkesan. Seksyen ini juga berperanan bagi merancang dan menyelaras usaha pembangunan semula Kampong Bharu Kuala Lumpur.

UNIT PEMBANGUNAN PENIAGA KECIL DAN PENYERTAAN BUMIPUTERA

Unit Pembangunan Peniaga Kecil dan Penyertaan Bumiputera bertanggungjawab dalam menyelaras dan melaksanakan program pembangunan dan pengurusan yang berkaitan dengan hal-hal penjaja dan peniaga kecil serta penyertaan bumiputera dalam kegiatan ekonomi di Wilayah Persekutuan. Unit ini akan bekerjasama dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan Kesejahteraan Bandar iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Putrajaya (PPJ).

Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- Lab Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan pada 22 hingga 24 Februari di Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan. Lab ini diadakan bertujuan bagi mencapai objektif-objektif berikut:
 1. Membentangkan Deraf Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah dirangka pada tahun 2006 kepada wakil Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mengemas kini deraf dasar tersebut;
 2. Mendapatkan pandangan dan cadangan baru mengenai isu semasa daripada Persatuan-persatuan penjaja berkaitan deraf Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
 3. Membentangkan dan mengemaskini cadangan Penubuhan Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan.

Lawatan Kerja YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Ke Republik Singapura

- Lawatan kerja ke Republik Singapura telah diadakan pada 28 hingga 29 Ogos 2010 yang bertujuan untuk melihat, mengkaji dan mempelajari konsep penganjuran dan pengurusan bazar Ramadhan supaya ianya dapat memberi kesan terhadap pembangunan sektor penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan.
- Lawatan tersebut diketuai oleh YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan turut disertai oleh tiga (3) orang pegawai dari KWPKB dan tiga (3) orang pegawai dari DBKL. Lokasi utama lawatan adalah Bazar Ramadhan Geylang, Singapura.



Retreat Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- Hasil lawatan tersebut dijadikan panduan bagi penambahbaikan bazar Ramadhan sedia ada dan bazar baru yang akan diwujudkan pada masa akan datang di Wilayah Persekutuan.

Laporan Pencapaian M-KPI Tahun 2010

- Sehingga Disember 2010, KWPKB dengan kerjasama Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Peniaga Kecil, DBKL telah berjaya melesenkan sejumlah 1615 lesen gerai tepi jalan dan mencapai sasaran KPI YB Menteri.

Kejayaan/ Pencapaian Sepanjang Tahun 2010

- Program Turun Padang (TUPA) Pusat Penjaja Wilayah Persekutuan

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

1. Program Turun Padang (TUPA) di 53 pusat penjaja milik DBKL telah diadakan pada 29 April 2010, 4 Mei 2010 dan 20 Mei 2010. Program ini disertai oleh pegawai-pegawai daripada Unit Pembangunan Peniaga Kecil dan Penyertaan Bumiputera, KWPKB dan Jabatan Pengurusan Dan Pembangunan Peniaga Kecil, DBKL.
2. Lawatan ke 53 pusat penjaja tersebut bertujuan bagi meninjau pengurusan pusat penjaja berkenaan dan mendapatkan maklumat perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pihak DBKL untuk setiap pusat penjaja.

Wilayah Persekutuan Labuan

1. Program TUPA di Wilayah Persekutuan Labuan (WPL) telah diadakan pada 28-29 April 2010. Program ini telah disertai oleh beberapa pegawai dari KWPKB dan Perbadanan Labuan. Sebanyak 10 pusat penjaja milik Perbadanan Labuan telah dilawat bagi mencapai objektif berikut:
 - a. Memantau pembangunan dan melihat sendiri keadaan pusat penjaja di WPL
 - b. Mengenal pasti isu-isu berkaitan pengurusan dan pembangunan pusat penjaja di WPL

Aktiviti-aktiviti Program Sepanjang Tahun 2010

- Program Pembangunan dan Peningkatan Ekonomi Penjaja dan Peniaga Kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
 1. Program ini diadakan untuk memberi pendedahan, pengetahuan dan kemahiran kepada golongan sasar terdiri dari penjaja dan peniaga kecil yang dikategorikan dalam golongan berpendapatan rendah.
 2. Program merupakan kursus yang telah disesuaikan dengan aktiviti perniagaan peserta-peserta yang terdiri dari golongan penjaja sedia ada yang berminat untuk mendalami bidang perniagaan yang berkenaan. Pencalonan peserta diperoleh daripada pihak Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Peniaga Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
 3. Pendekatan pelaksanaan kursus ini adalah secara ilmu dan amal dengan memberi kursus teori beserta latih-amal sepanjang kursus-kursus tersebut dijalankan.
 4. Objektif kursus yang dilaksanakan adalah bagi memberi peluang dan ruang kepada golongan penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. Ia juga sebagai satu usaha bagi melahirkan usahawan yang berilmu bagi membantu meningkatkan pendapatan mereka. Memberikan pendedahan kepada golongan penjaja dan peniaga kecil bagi memantapkan dan mengembangkan ilmu serta bakat keusahawanan yang dimiliki untuk kemajuan dan peningkatan diri.




5. Antara kursus yang diadakan seperti berikut:
 - a. Kursus Jahitan Pembuat Pakaian pada 12 Oktober 2010 dan berakhir pada 29 Disember 2010.
 - b. Kursus Bakery (Roti dan Kek) 20 hingga 22 Oktober 2010.
 - c. Kursus Refleksologi 24 hingga 26 November 2010.
 - d. Kursus Peningkatan Kendiri 15 hingga 16 Disember 2010.



Laporan Pencapaian M-KPI Tahun 2010

CARTA 1: Jumlah Penjaja Tepi/Bahu Jalan yang DileSENkan oleh DBKL 2010



Program Turun Padang (TUPA) Pusat Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Pusat Penjaja Desa Aman




Pusat Penjaja Arked Ibu Kota

Program Turun Padang (TUPA) Pusat Penjaja Wilayah Persekutuan Labuan



Gerai Makan Pantai Layang-Layangan



Anjung Selera (Tanjung Aru)

UNIT PENSWASTAAN

Program Penswastaan

Pelaksanaan projek-projek pembangunan yang melibatkan kerjasama di antara Kerajaan dan sektor swasta dilihat dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara amnya dan Wilayah Persekutuan khususnya. Ini kerana penglibatan sektor swasta melalui konsep perkongsian pintar dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan di samping meningkatkan taraf ekonomi penduduk melalui penyediaan lebih banyak infrastruktur dan peluang perniagaan berskala besar.

Pada tahun 2010, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah meneliti dan mempertimbangkan beberapa cadangan projek penswastaan yang memberikan faedah dan manfaat yang optimum kepada masyarakat sekaligus menjana pertumbuhan fizikal dan ekonomi di Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, projek-projek penswastaan yang dipertimbangkan di peringkat Kementerian perlulah dikemukakan kepada Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri selaku agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras projek-projek Penswastaan, dan projek kerjasama sektor awam-swasta serta menjadi urus setia Jawatankuasa Penswastaan dan kerjasama awam-swasta dan memperakukan cadangan projek-projek penswastaan dan kerjasama awam-swasta untuk pertimbangan bagi persetujuan Kerajaan/Jemaah Menteri.

Pada tahun 2011 pula, KWPKB akan lebih menumpukan kepada projek-projek pembangunan semula bandar atau *urban redevelopment* terutama di kawasan-kawasan *slum*, usang dan lama bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk di kawasan bandar kepada persekitaran yang lebih indah, bersih, selesa dan selamat dalam konteks kesejahteraan bandar secara holistik.

Unit Penswastaan KWPKB

Unit Penswastaan di Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan bagi memastikan program penswastaan dilaksanakan selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Unit penswastaan turut berperanan untuk menangani masalah projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan secara berkesan di samping memastikan kaedah

penyelesaian dan pelan-pelan tindakan bagi memulihkan projek-projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan. Ini penting bagi mewujudkan sebuah pembangunan yang lebih terkawal dan sistematik. Isu-isu mengenai projek penswastaan dan projek terbengkalai sentiasa diselaraskan, dipantau dan diselesaikan mengikut garis panduan dan dasar sedia ada ke arah kemajuan dan kesejahteraan Wilayah Persekutuan.

Jawatankuasa-Jawatankuasa yang Ditubuhkan

Kementerian ini telah menubuhkan Jawatankuasa Penswastaan yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Wilayah Persekutuan sendiri dan Jawatankuasa Kerja Penswastaan yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian. Jawatankuasa tersebut berperanan dalam menyelaras, memantau serta menyelesaikan hal-hal berkaitan projek-projek penswastaan di Wilayah Persekutuan. Ini bagi memastikan kesemua projek-projek penswastaan yang akan dilaksanakan dapat memberi pulangan yang optimum kepada Kerajaan dan juga masyarakat. Penubuhan jawatankuasa tersebut dapat memberi faedah kepada KWPKB dan agensi-agensi dibawahnya dalam memainkan peranan sebagai pemacu pembangunan di Wilayah Persekutuan. Cadangan projek yang telah disaring dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa akan dapat memudahkan proses membuat keputusan di peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, Jawatankuasa Pemandu Menangani Projek Terbengkalai dipengerusikan oleh YB. Menteri dan Jawatankuasa Kerja Menangani Projek Terbengkalai dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha turut ditubuhkan untuk memainkan peranan dalam menangani masalah berkaitan projek-projek terbengkalai di sekitar Wilayah Persekutuan.

Program dan Aktiviti Unit Pembangunan Kampong Bharu Bagi Tahun 2010

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Lawatan YAB Perdana Menteri ke Kampong Bharu	6 Feb 2010
2.	Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri ke Mesyuarat Jemaah Menteri	5 Mei 2010
3.	Majlis Penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah di Putra World Trade Centre (PWTC)	29 Mei 2010
4.	Sesi-sesi Perjumpaan Kampong Bharu	
	NGO Kampong Bharu	9 Jun 2010
	Tokoh dan anak tempatan Kampong Bharu	14 Jun 2010
	Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	17, 20, 26 Mei 2010
5.	Lab Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	1-4 Ogos 2010
6.	Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu ke Mesyuarat Jemaah Menteri	10 Dis 2010
7.	Pembentangan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu di Parlimen	14 Dis 2010

Lawatan YAB. Perdana Menteri ke Kampong Bharu

YAB. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengadakan lawatan berkonsepkan *walk-about* ke kawasan di sekitar Kampong Bharu pada 6 Februari 2010. YAB. Perdana Menteri yang memilih untuk berjalan kaki telah menyusuri kawasan rumah penduduk Kampong Bharu. Beliau juga telah meninjau tapak Pasar Minggu yang akan dibangunkan dengan bangunan iconic 'Puncak Baru'. Seterusnya beliau telah beramah mesra dengan orang ramai di Dewan Serbaguna Kampong Bharu. Dalam sesi *walk-about* ini, YAB. Perdana Menteri telah meminta supaya YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyediakan Memorandum Jemaah Menteri mengenai pembangunan Kampong Bharu. Selain dari itu, beliau telah mengumumkan pemberian peruntukan sebanyak RM2 juta bagi tujuan membaik pulih dan mengecat semula bangunan Flat PKNS yang kelihatan begitu usang.



Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri ke Mesyuarat Jemaah Menteri

Kementerian dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri mengenai Konsep dan Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Kampong Bharu. Memorandum Jemaah Menteri tersebut telah dibentangkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mei 2010.

Majlis Penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah di Putra World Trade Centre (PWTC)

Pada 29 Mei 2010, sesi penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Jumlah kehadiran adalah melebihi 1,000 orang. Tujuan sesi penerangan ini diadakan adalah bagi menerangkan kepada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu dan pihak-pihak yang berkepentingan di Kampong Bharu mengenai keputusan dasar pihak Kerajaan terhadap cadangan pembangunan di Kampong Bharu.

Sesi-sesi Perjumpaan Kampong Bharu

Beberapa sesi perjumpaan bagi menerangkan semula cadangan pihak Kerajaan untuk membangunkan Kampong Bharu telah diadakan:

1. Perjumpaan bersama tokoh anak tempatan Kampong Bharu telah diadakan pada 14 Jun 2010;
2. Perjumpaan dan perbincangan bersama pihak berkepentingan Kampong Bharu dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu telah diadakan pada 9 Jun 2010. Terdapat tiga (3) NGO utama di Kampong Bharu iaitu Lembaga Pentadbiran 'Malay Agricultural Settlement (MAS)', Persatuan Anak-anak Kampong Bharu (PAKAM) dan Persatuan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB); dan
3. Perjumpaan dan perbincangan bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) telah diadakan masing-masing pada 17, 20 dan 26 Mei 2010.

Lab Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Salah satu daripada keputusan Kerajaan ialah untuk menubuhkan 'Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu' di bawah suatu Akta Parlimen. Sehubungan dengan itu, satu Lab bagi membincangkan mengenai isi kandungan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah diadakan di Hotel Renaissance, Melaka pada 1 hingga 5 Ogos 2010. Pelbagai pihak telah dilibatkan termasuklah wakil-wakil pemilik dan pewaris, NGO, jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan, Institusi Pengajian Tinggi dan pihak yang berkepentingan.

Pembentangan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu ke Mesyuarat Jemaah Menteri

Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang dihasilkan itu telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Disember 2010 dan telah dipersetujui supaya dibentangkan di Parlimen.

Pembentangan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu adalah Rang Undang-Undang kali pertama diwujudkan dan dibentangkan di Parlimen pada 14 Disember 2010.





Bahagian Perancangan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang



UNIT PENYELARASAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN WILAYAH LEMBAH KLANG

PENGENALAN

Tugas Utama Unit

1. Menyelaras cadangan penambahbaikan kepada sistem penyampaian melalui pengukuhan dan pewujudan jawatankuasa-jawatankuasa bagi membincangkan isu-isu sistem penyampaian Kerajaan (PEMUDAH dan Taskforce PEMUDAH di peringkat Kementerian).
 2. Menyelaras, menilai dan mengkaji semula Akta-Akta/Undang-undang/Kaedah/Peraturan yang sedang diguna pakai oleh agensi-agensi bagi tujuan penambahbaikan.
- Antara objektif Lab adalah untuk:
 - a. Membenteng laporan penambahbaikan oleh *Task Force* dan laporan prestasi setiap penambahbaikan;
 - b. Cadangan penambahbaikan baru berpandukan praktis dari negeri atau negara lain serta dari syarikat swasta; dan
 - c. Cadangan penambahbaikan 2011.
 - Peserta yang terlibat dengan lab ini adalah terdiri daripada semua pengerusi dan ahli setiap *Task Force* yang merupakan pegawai kanan Kementerian dan agensi.

Aktiviti Sepanjang Tahun 2010

1. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) Pemudah Cara Perniagaan atau PEMUDAH yang dipengerusikan oleh KSU.
 - Dua (2) kali mesyuarat (1/2010–6 April dan 2/2010–29 Oktober) telah diadakan.
 2. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) Pemudah Cara Perniagaan atau PEMUDAH yang dipengerusikan oleh TKSU (P).
 - Lima (5) kali mesyuarat (1A/2010 – 25 Januari, 1B/2010-15 Mac, 2A/2010-13 Julai, 2B/2010-20 Julai, dan Buletin PEMUDAH-28 Ogos) telah diadakan.
 3. Mengadakan Lab Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) Pemudah Cara Perniagaan atau PEMUDAH.
 - Lab telah diadakan buat pertama kalinya semenjak ia ditubuhkan pada 5 April 2007, oleh Kementerian ini. Lab telah diadakan di Legend Resort Cherating, Kuantan, Pahang Darul Makmur, pada 14 hingga 15 Disember 2010.
- Laporan oleh lapan (8) *Task Force* tahun 2010, telah dibentangkan:
 - a. *Task Force* Pelesenan;
 - b. *Task Force* Kawalan Bangunan;
 - c. *Task Force* Kutipan Hasil;
 - d. *Task Force* Urusan Berkaitan Tanah;
 - e. *Task Force* Penggunaan Aplikasi ICT dalam Pengurusan;
 - f. *Task Force* Perkhidmatan Bandar;
 - g. *Task Force* Perumahan; dan
 - h. *Task Force* Pembangunan Sukan.
 - Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PEMUDAH KWPKB ialah:
 - a. Menerbitkan buletin PEMUDAH Kementerian bagi memberi maklumat terkini mengenai penambahbaikan sistem penyampaian yang telah dilakukan oleh agensi di bawah KWPKB kepada orang awam dan *stake holders*. Sepanjang tahun 2010, dua (2) Buletin PEMUDAH KWPKB telah dikeluarkan iaitu keluaran Januari dan April 2010.

- b. Memperluaskan penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan dengan mewujudkan rangkaian sistem seperti:
 - e-lesen;
 - BLESS;
 - e-khidmat;
 - e-perumahan;
 - OSC;
 - e-cukai;
 - e- sewa;
 - sistem i-SPAA;
 - my-tempahan untuk kemudahan sukan; dan
 - lain-lain perkhidmatan secara on-line.
- c. Memendekkan tempoh masa penyampaian keputusan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dengan mempercepatkan pengeluaran keputusan permohonan kelulusan perancangan, pelan kejuruteraan dan pelan bangunan kepada pemohon oleh DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.
- d. Hebahan Cukai Tanah melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).
- e. Memaklumkan kutipan dokumen melalui emel kepada pejabat firma guaman;
- f. Semua perserahan urusan niaga dan bukan urusan niaga bagi pendaftaran hakmilik tanah dalam tempoh masa satu (1) hari bekerja;
- g. Pembayaran Cukai Taksiran dan Cukai Tanah di kaunter DBKL, PPj dan PTGWP. Boleh dibayar di ketiga-tiga agensi terlibat;
- h. Permohonan Permit Pengeluaran Bahan Batuan dikemukakan secara *online* melalui portal *Business Licensing Electronic Support System* atau BLESS; dan
- i. Menyediakan kedudukan petak khas motosikal untuk mengurangkan kemalangan di Bandaraya Kuala Lumpur.



- j. Lawatan Kerja ke Pusat Penyembelihan Burung di Bangkok, Thailand, pada 17 Oktober hingga 21 Oktober 2010.
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Pusat Sembelihan Ayam) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2007, perlu diteliti semula dan dimuktamadkan.
 - Satu lawatan ke Bangkok, Thailand telah diatur bagi mendapatkan input-input terperinci, terutama dari aspek penguatkuasaan/pemakaian undang-undang, permohonan lesen bagi rumah sembelihan, kesalahan di bawah undang-undang, syarat-syarat yang akan dikuatkuasakan bagi pusat dan rumah sembelihan, jadual/kategori ternakan/burung/ unggas untuk dikuatkuasakan.



Lawatan Ke Bangkok Metropolitan Administration

4. Menyelaras, menilai dan mengkaji semula Akta/Undang-undang/Kaedah/Peraturan yang sedang diguna pakai oleh agensi-agensi bagi tujuan penambah baikkan.
- Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan (Fi Pengalihan dan Penahanan Kenderaan Motor Menurut Seksyen 64 (WPKL) 2010;
 - Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan (Fi Pengalihan dan Penahanan Kenderaan Motor Menurut Seksyen 65 (WPKL) 2010;
 - Deraf Kaedah-kaedah Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)(Pindaan) 2010;
 - Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 Perintah Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Pengisytiharan 2008;
 - Akta Kerajaan Tempatan 1976 Undang-Undang Kecil Pusat Internet dan Kafe Internet (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2009;
 - Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) WP Putrajaya 2010;
 - Deraf Kaedah-kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010 di bawah Akta (Perancang) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267] ;
 - Notis di bawah Subseksyen 70(2); dan
 - Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (Pindaan) 2010.

Bahagian Perkhidmatan Teknikal dan Geospasial



DASAR BARU TAHUN 2010

OBJEKTIF BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL DAN GEOSPATIAL

Memperkemas perancangan dan rancangan pembangunan, meningkatkan sistem penyampaian dan membangunkan pangkalan data bagi memberi khidmat nasihat teknikal yang berkesan, tepat dan cepat ke arah memenuhi keperluan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Fungsi Unit Perkhidmatan Teknikal

1. Menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal kepada KWPKB berteraskan pengetahuan bagi tujuan perancangan inovatif dan pembangunan sejagat;
2. Memberi pandangan dan ulasan bagi menambah baik penyediaan pelan-pelan pembangunan di Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang;
3. Memantau dan menilai pencapaian pelaksanaan dasar, program dan strategi pelan-pelan pembangunan di Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang;
4. Melaksana dan menyelaras kajian dan penyelidikan strategik dalam aspek-aspek perancangan fizikal di Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang;
5. Melaksana dan membantu tugas-tugas keurusetiaan retreat Penggubalan dan Penambahbaikan Dasar KWPKB; dan
6. Memantau pelaksanaan program petunjuk bandar bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi menilai impak program-program perbandaran yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kementerian ke arah warga Wilayah Persekutuan yang maju dan sejahtera.

Fungsi Unit Geospacial

1. Membangun, menyelaras dan mempertingkatkan pangkalan data Sistem Maklumat Geografi Wilayah dan Lembah Klang (AGISwlk) bagi membantu tugas-tugas dan tanggungjawab Kementerian;

2. Membangunkan dan mempertingkatkan aplikasi "Integrated Land Use" (ILA) sebagai sistem sokongan perancangan kepada aktiviti perancangan dan pembangunan tanah serta pengurusan sumber jaya;
3. Mengumpul dan menganalisis data secara saintifik untuk menghasilkan konsep dan idea perancangan dan pembangunan yang kondusif;
4. Melaksana dan menyelaras program perkongsian data-data perancangan dan pembangunan di antara jabatan dan agensi-agensi di Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang; dan
5. Menjalankan tugas keurusetiaan jawatankuasa-jawatankuasa utama KWPKB iaitu;
 - Jawatankuasa Penyelaras MyGDI di Peringkat Wilayah Persekutuan.
 - Jawatankuasa Nama Geografi Wilayah Persekutuan.

PENGENALAN URUS SETIA JAWATANKUASA KERJA TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN

Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP) merupakan salah sebuah unit di bawah organisasi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Ia diletakkan secara terus di bawah seliaan Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. UJKTWP KWPKB ditubuhkan pada 8 November 2006 berikutan keputusan Jemaah Menteri meletakkan pentadbiran tanah Wilayah Persekutuan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Sebelum itu, UJKTWP diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejak 27 Mac 2004. Antara perkara-perkara utama yang dibincangkan dan dipertimbangkan UJKTWP adalah seperti berikut:

- Permohonan tanah daripada individu atau syarikat;

- Permohonan pengambilan tanah;
- Permohonan pembangunan tanah;
- Serah balik tanah dan beri milik semula;
- Pecah sempadan dan penyatuan lot-lot tanah;
- Pindahmilik tanah dan perolehan hartanah oleh warganegara asing;
- Permohonan perizaban tanah bagi maksud awam; dan
- Rayuan bayaran premium dan cukai tanah (pengurangan/lanjutan tempoh).

Pencapaian Tahun 2010

1. Laporan Pelan Strategik KWPKB 2010-2014 dan Laporan Rangka Tindakan Pelan Strategik KWPKB 2010-2014.
2. Laporan Bandar Contoh Putrajaya 2009 dan Pembentangan Bandar Contoh Putrajaya Sebagai Bandar Selamat Pada Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bil. 12/2010.
3. Laporan Petunjuk Bandar Sejahtera Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tahun 2009.
4. Laporan Eksekutif Petunjuk Bandar Sejahtera Bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tahun 2009.
5. Garis Panduan Permohonan Tabung Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah Swasta (TP-1Malaysia) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
6. Nota Pemakluman Setiap Bulan YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada YAB. Perdana Menteri Mengenai Status Cadangan Pembangunan Yang Telah Dibawa Ke Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Khas DBKL.

Aktiviti Tahun 2010

Lab Perancangan, Penetapan Strategi dan Pendekatan Pelaksanaan Program Kemiskinan dan Kesejahteraan Bandar

Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan menjadi urus setia bagi Biro Peralatan dan Pengangkutan oleh Bahagian Dasar dan Kesejahteraan Bandar bagi melaksanakan Lab Perancangan, Penetapan Strategi dan Pendekatan Pelaksanaan Program Kemiskinan dan Kesejahteraan Bandar. Lab ini telah diadakan pada 4 Januari hingga 9 Januari 2010 di Awana Kijal Resort, Kemaman, Terengganu dan telah dirasmikan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Majlis Pelancaran Tabung TP-1Malaysia Bersempena Majlis Sambutan Hari Kuala Lumpur

Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan Majlis Pelancaran Tabung TP-1Malaysia Bersempena Majlis Sambutan Hari Kuala Lumpur yang telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, pada 31 Januari 2010 dan telah dilancarkan oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.



Bengkel Pindaan Akta Wilayah Persekutuan (Perancangan) Kuala Lumpur 1982 (Akta 267)

Program bengkel ini telah diadakan pada 3 hingga 5 Februari 2010 di Casuarina Hotel Ipoh Perak. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Teknikal dan Geospasial (fasilitator) dan disertai oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang KWPKB serta agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang diwakili oleh Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pelan Induk dan Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk membuat penyelarasan Akta Wilayah Persekutuan (Perancangan) Kuala Lumpur 1982 (Akta 267) dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan 2010

Pelancaran Program Penanaman Pokok Secara Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah diadakan pada 27 Mac 2010 (Sabtu) jam 8.30 pagi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Program tersebut juga telah melibatkan komuniti, persatuan penduduk, rukun tetangga, pelajar sekolah, NGO, pihak media dan sebagainya bagi mendapatkan sokongan dan memberi kesedaran mengenai kepentingan penanaman dan pemeliharaan pokok untuk



mengekalkan penghijauan. Jenis pokok yang ditanam adalah daripada jenis pokok teduhan seperti pulai, merawan siput jantan, tembusu, penaga lilin, jelutong, bunga tanjung, cempaka putih, rhu dan sebagainya.

Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar iaitu di PPR Kerinchi yang melibatkan 1500 pokok yang ditanam. Bilangan keseluruhan pokok yang ditanam secara serentak di 25 lokasi tersebut adalah sebanyak 12,060 pokok.

Manakala Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan di Labuan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Yusof Bin Mahal, Ahli Parlimen Labuan di Pantai Kg. Sg. Miri. Bilangan pokok yang ditanam adalah sebanyak 1000 pokok di mana sebanyak 500 pokok ditanam di tempat pelancaran Pantai Kg. Sg. Miri manakala di Pantai Layang-Layangan dan Pantai Tg. Aru sebanyak 250 pokok telah ditanam bagi setiap kawasan. Jumlah keseluruhan pokok yang akan ditanam di bawah program penghijauan Labuan adalah lebih kurang 1,750 pokok bagi keseluruhan kawasan Labuan.

Bagi majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan di Putrajaya telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Presiden Perbadanan Putrajaya di Taman Wawasan, Presint 2 Putrajaya. Bilangan pokok yang ditanam semasa pelancaran program tersebut adalah sebanyak 100 pokok iaitu sebagai simbolik. Jumlah keseluruhan pokok yang sedang ditanam di bawah program penghijauan Putrajaya adalah hampir 10,000 pokok bagi keseluruhan kawasan Putrajaya.

Majlis Pelancaran Pelan Strategik dan Pelan Strategik ICT Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Tahun 2010-2014

Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan bersama Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Bahagian Pengurusan Maklumat bagi melaksanakan Majlis Pelancaran Pelan Strategik dan Pelan Strategik ICT KWPKB telah diadakan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pada 14 April 2010 dan telah dilancarkan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin bersempena dengan setahun menerajui Kementerian.

Program Local Agenda 21

1. Program "Green Generation Exhibition" bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Bumi ke 40 (40th Anniversary of Earth Day) diadakan selama sebulan dari 19 April hingga 15 Mei 2010 di atas inisiatif Hotel Federal Kuala Lumpur dengan kerjasama KWPKB, DBKL, badan-badan swasta serta orang perseorangan. Pelancaran program ini telah diadakan pada 22 April 2010 oleh YBhg. Dato' Ahmad Phesal bin Hj. Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan untuk menjaga alam sekitar dan menggalakkan penyertaan orang ramai dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



- Program Gotong Royong Bukit Bintang Central 2010 di Plaza Low Yat, Bukit Bintang bertemakan “Kebersihan Menjamin Bandar Raya Gemilang” telah diadakan pada 29 Mei 2010. Gotong royong ini telah berjaya menarik ramai penyertaan dari NGO, pihak swasta dan pihak kerajaan bagi menjaga kebersihan dan menjayakan sambutan Hari Bumi.



- Lawatan ke Sukunan, Yogyakarta anjuran Perbadanan Putrajaya dari 1 hingga 3 Oktober 2010 untuk melihat aktiviti kitar semula yang dijalankan oleh penduduk Kg. Sleman, Sukunan. Penduduk menjalankan usaha mengitar semula bahan buangan untuk dijadikan beg, hiasan dan sebagainya.
- Lawatan Kembara Ilmu Local Agenda 21 Putrajaya ke Perak dan Pulau Pinang dari 20 hingga 22 Disember 2010. Lawatan ini dihadiri oleh pegawai KWPKB, PPj dan rakan kongsi LA21PPj dimana ianya merupakan lawatan sambil belajar untuk mendapatkan maklumat dan pengalaman daripada Majlis Daerah Kerian, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan sekitar kawasan pelancongan dan warisan di Pulau Pinang.
- Bengkel E-Bandar Raya ‘Merapatkan Jurang Digital dan Membangunkan Intelek Komuniti’ telah diadakan di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 12 hingga 13 Jun 2010 dengan dihadiri oleh seramai 130 orang peserta. Bengkel ini merupakan anjuran DBKL dengan kerjasama KWPKB dan rakan kongsi dalam merancang aktiviti ke arah pembangunan teknologi maklumat dengan penyediaan program bertujuan merapatkan jurang digital antara masyarakat terutamanya bagi golongan yang kurang berkemampuan.

Program Teach-In dan Hands-On Aplikasi SEPADU dan ILA AGISwlk

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dalam peringkat akhir pembangunan dua projek peningkatan Sistem Aplikasi Maklumat Geografi Wilayah Lembah Klang (AGISwlk) di bawah RMKe-9 iaitu Program Pembangunan Pangkalan Data (GIS) Bersepadu Wilayah Persekutuan dan Kajian Pembangunan Guna Tanah Bersepadu (ILA).

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Aplikasi SePADU dan ILA ini, satu sesi *teach-in* dan *hands-on* yang bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pegawai pentadbir sistem telah diadakan pada 7 hingga 9 Jun 2010. Pelaksanaan Program Sesi *Teach-in* dan *Hands On* Sistem SePADU dan ILA adalah bagi membincangkan dan mendapat maklum balas keseluruhan sistem SePADU dari pengguna yang terdiri dari Jabatan Teknikal, agensi di bawah Kementerian dan juga PBT Lembah Klang.



Majlis Pelancaran Program Skim Amanah Saham Wawasan Bandar, Astaka Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur

Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan menjadi urus setia bagi Jawatankuasa Logistik oleh Bahagian Kemiskinan Bandar bagi melaksanakan Majlis Pelancaran Program Skim Amanah Saham Wawasan Bandar yang telah diadakan di Astaka Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur, pada 24 Jun 2010 dan telah dilancarkan oleh YAB. Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

Sesi Penerangan dan Promosi Tabung TP-1Malaysia

Sesi penerangan berkenaan tatacara permohonan dana Tabung TP-1Malaysia telah diadakan pada 20 April dan 16 Ogos 2010. Selain itu, sesi hebahan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) juga dilaksanakan Sempena Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Tahun 2010 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur Pada 9 Oktober 2010.

Pameran Pelan Strategik dan Pelan Strategik ICT Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Tahun 2010-2014

Bahagian ini terlibat dalam Pameran Pelan Strategik dan Pelan Strategik ICT, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Tahun 2010-2014 yang diadakan pada 1 hingga 5 Mei 2010 di Labuan. Manakala pada 12 Mei 2010 di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Persidangan dan Pameran GIS Kebangsaan Ke 4

Persidangan dan Pameran GIS Kebangsaan (NGIS) merupakan salah satu aktiviti dwi tahunan anjuran Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Persidangan kali ke empat ini diadakan pada 28 hingga 29 Jun 2010. Penganjuran kali ini adalah secara bersama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan juga Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan sokongan International Symposium and Exhibition on Geoinformation (ISG).



Matlamat utama penganjurannya sebagai usaha membantu kerajaan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan dengan menggunakan teknologi GIS Kerajaan Menggunakan Teknologi Geoinformasi. Antara bahan yang dipamerkan

adalah yang berkaitan dengan Sistem AGISwK dan Sistem Penilaian Pembangunan Guna tanah Bersepadu (ILA).

Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Yang Ke-27 Tahun 2010

Bahagian ini telah diberi tanggungjawab menjadi urus setia bagi Jawatankuasa Kecil Pameran yang diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2010. Antara bahan-bahan yang dipamerkan adalah Sistem Fail Meja, Sistem Anugerah Pingat, Sistem Petunjuk Bandar Sejahtera, Sistem AGISwK dan Sistem Penilaian Pembangunan Guna tanah Bersepadu (ILA) serta laporan-laporan yang dihasilkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Selain daripada itu bagi agensi di bawah Kementerian. Sistem e-submission, Sistem e-tempahan, Sistem e-lesen, Sistem 'One Piece Flow' juga di pameran.



Urus Setia SUKMA XIII bagi Kontinjen Wilayah Persekutuan

Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan beberapa urusan berkaitan SUKMA antaranya jawatankuasa pengangkutan, makanan dan penginapan untuk pegawai-pegawai dan peserta SUKMA XIII pada 5 Jun hingga 20 Jun 2010 di Melaka. Kontinjen Wilayah Persekutuan telah berjaya mendapat tempat ke tiga dalam temasya sukan tersebut.



Bahagian Kemiskinan Bandar



PENGENALAN

Bahagian Kemiskinan Bandar diwujudkan untuk merancang dan melaksana program dan aktiviti-aktiviti yang dapat membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan di bandar melalui pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

Objektif

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dilaksanakan mulai tahun 2006 bertujuan meningkatkan kualiti hidup dan membina keupayaan keluarga miskin tegar dan miskin di bandar.

Fungsi Bahagian Kemiskinan Bandar

1. Merancang program dan aktiviti berkaitan pembasmian kemiskinan bandar;
2. Menyelaras, melaksana dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti pembasmian kemiskinan bandar;
3. Merancang dan menyediakan peruntukan bagi melaksanakan PPKB dengan efisien;
4. Membuat penilaian keberkesanan PPKB dan mencadangkan tindakan penambahbaikan;
5. Mengemaskini data bantuan dan daftar profil keluarga miskin bandar yang menerima bantuan PPKB;
6. Menyalurkan peruntukan bantuan PPKB kepada kumpulan sasaran;
7. Menyediakan pelbagai laporan dan maklumbalas yang berkaitan dengan program kemiskinan bandar; dan
8. Memantau status keluarga miskin melalui tindakan verifikasi dan pemutihan.

Golongan Sasar

- Golongan sasaran adalah warganegara Malaysia dari keluarga miskin dan miskin tegar yang tinggal di bandar di dalam kawasan operasi

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan telah disahkan status kemiskinan dalam sistem eKasih.

- Isi rumah miskin merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah adalah kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat
- Isi rumah miskin tegar merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah adalah kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat.

Bantuan dan Projek-Projek di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)

1. Bantuan Sewa Rumah

Diberikan kepada isi rumah miskin dan miskin tegar daftar ekasih yang menyewa rumah. Meliputi semua jenis rumah kecuali rumah setinggan serta rumah program sewa beli milik Kerajaan Negeri. Kadar bantuan bulanan adalah sebanyak RM124.00 sebulan atau kadar yang diluluskan.



2. **Pembangunan Minda Insan**
Motivasi dan jati diri bertujuan mengubah sikap golongan sasaran kearah memajukan diri serta keluarga.
3. **Latihan Kemahiran**
Memberi kemahiran dan pengetahuan bagi membolehkan keluarga miskin memperolehi pekerjaan yang lebih baik.
4. **Jana Pendapatan**
Bantuan peralatan dan sewaan ruang niaga kepada golongan sasaran di bandar bertujuan membantu golongan sasaran menjalankan perniagaan atau mengembangkan perniagaan sedia ada.
5. **Bantuan Kesejahteraan Bandar**
Bantuan bagi meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin di bandar.

Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan dalam Tahun 2010

1. Program turun padang YB. Menteri dan YB. Timbalan Menteri bertujuan mendekati masyarakat setempat di lokasi berikut:

BIL.	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PENERIMA
1	21 April 2010	Hulu Selangor	200
2	14 Mei 2010	Bandar Sibu	150
3	16 Jun 2010	Johor Bahru	171
4	24 Jun 2010	Taman Tasik Titiwangsa KL	Pelancaran ASW Bandar
5	28 Ogos 2010	PPR Desa Petaling	Program Jom Sahr
6	4 September 2010	Tapah (Sempena Hari Raya Aidil Fitri)	250
7	30 Oktober 2010	Tapah (Sempena sambutan Deepavali)	500
8	1 November 2010	Gua Musang	150
9	16 November 2010	Langkawi	200
10	16 November 2010	Kuala Lumpur	250



2. Aktiviti naziran dan pemutihan daftar miskin tegar bandar.
3. Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.
4. Program Pepadanan Pekerjaan.
5. Pendaftaran penerima Amanah Saham Wawasan-Bandar (ASW-Bandar).
6. Pencarian dan bancia penerima baik pulih/bina baru rumah.

PROJEK	SUB PROJEK	BIL. PENERIMA
Bantuan Sewa Rumah	Bantuan Sewa Rumah	8332
Pendidikan dan Latihan	Jana Pendapatan, Program Motiovasi dan Latihan Kemahiran	1345
	Bantuan Peralatan	35
Bantuan Kesejahteraan Bandar	<i>Food Basket</i>	1165
	Baik pulih dan Bina Baru Rumah	28
	Bantuan Tunggakan Sewa Rumah	6
	Kiosk Penjaja/Ruang Perniagaan	515
JUMLAH		11,423

Bilangan Penerima Bantuan PPKB Tahun 2010



Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia



SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGENALAN

Berdasarkan Waran Perjawatan S130/2007 bertarikh 4 Julai 2007, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (PSM) telah diluluskan sebanyak 33 perjawatan dengan pengisian sebanyak 30 perjawatan. Seksyen PSM diterajui oleh PTD Gred M52 dan dibantu oleh dua (2) orang PTD Gred M48. Fungsi Seksyen PSM dilaksanakan menerusi pembahagian lima (5) unit kecil seperti berikut:

1. Unit Perkhidmatan;
2. Unit Pengurusan Prestasi dan Tatatertib;
3. Unit Pembangunan Organisasi dan Perancangan Tenaga Manusia;
4. Unit Pembangunan Kompetensi; dan
5. Unit HRMIS

Seksyen PSM bertanggungjawab dari segi perancangan dan pembangunan sumber manusia, pembangunan organisasi serta pengurusan perkhidmatan anggota Kementerian. Pembangunan modal insan menjadi keutamaan

Seksyen ini dalam melahirkan warga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan luas serta memiliki etika kerja yang positif. Ianya akan dapat dicapai melalui latihan dan pembelajaran berterusan.

PELAN STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pelan Strategik Sumber Manusia KWPKB digubal bertujuan membangun dan membentuk modal insan secara strategik dan sistematik bagi melengkapkan modal insan dengan sikap (attitude), kemahiran (skill) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian bagi membantu menjajarkan sumber manusia KWPKB kepada strategi korporatnya. Pelan Strategik Sumber Manusia KWPKB menetapkan lapan (8) teras strategik seperti berikut:

Mesyuarat-Mesyuarat Wajib di Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

NAMA MESYUARAT	BIL. MESYUARAT DITETAPKAN	BIL. MESYUARAT DIADAKAN
Persidangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	Empat (4) kali setahun	Empat (4) kali 31 Mac 2010 5 Mei 2010 12 Mei 2010 22 Disember 2010
Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Empat (4) kali setahun	Empat (4) kali 8 Mac 2010 28 Jun 2010 21 September 2010 28 November 2010
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS	Satu (1) kali setahun	Satu (1) kali 19 Februari 2010
Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS	Dua (2) kali	Dua (2) kali 29 Mac 2011 21 Oktober 2010

- Teras 1 - Memperkasa Peranan Pengurus Bakat;
- Teras 2 - Meningkatkan Kapasiti Organisasi PSM;
- Teras 2 - Menguruskan Pengambilan dan Penempatan yang Berpadanan;
- Teras 4 - Merancang Pembangunan Modal Insan;
- Teras 5 - Merancang Pembangunan Kerjaya;
- Teras 6 - Memberi Pengiktirafan dan Ganjaran;
- Teras 7 - Membentuk Budaya Kerja Berprestasi Tinggi; dan
- Teras 8 - Menyediakan Perkhidmatan Prihatin dan Penyayang.



Penetapan lapan (8) teras strategik ini adalah berdasarkan kepada bidang fokus utama pengurusan sumber manusia yang perlu diambil kira dalam pelan strategik sumber manusia KWPKB bagi mewujudkan pengurusan sumber manusia yang komprehensif dan menyeluruh. Pengurusan strategik sumber manusia KWPKB ini dijajarkan dengan Pelan Strategik KWPKB bagi memastikan sumber manusia KWPKB difokuskan kepada bidang yang paling kritikal terutama pencapaian objektif strategik organisasi dan penyampaian perkhidmatan.

Bagi merealisasikan kelapan-lapan teras tersebut, strategi digubal bagi setiap teras berkenaan. Ini diikuti dengan pembentukan pelan tindakan yang menggariskan program dan aktiviti secara terperinci bagi setiap strategi berkenaan. Seterusnya, petunjuk prestasi utama (KPI) dibangunkan bagi setiap pelan tindakan dengan sasaran-sasaran tertentu bagi membolehkan keberhasilan yang ingin dicapai diukur dengan berkesan.

UNIT PERKHIDMATAN

Aktiviti Unit Perkhidmatan, Pengurusan Prestasi dan Tatatertib

BIL.	AKTIVITI																																																							
1.	Melaksanakan Kajian Kepuasan Bekerja [<i>Staff Satisfaction Survey (SSS)</i>] warga KWPKB bagi Tahun 2009 dari 18-29 Januari 2010. Berdasarkan kajian, didapati tahap kepuasan bekerja warga KWPKB pada tahun 2009 secara keseluruhan adalah sebanyak 82.47% iaitu berada di tahap "Berpuas Hati".																																																							
2.	Minggu Pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dan HRMIS telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 18 hingga 24 Mei 2010 dan 18 hingga 22 Oktober 2010. Tujuan minggu pengemaskinian ini diadakan adalah untuk membolehkan pegawai dan staf KWPKB menyemak data-data perkhidmatan seperti cuti, kursus, pergerakan gaji dan lain-lain supaya lengkap dan dikemas kini.																																																							
3.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2009 telah diadakan pada 24 Jun 2010 bertempat di Putrajaya Ballroom, Marriot Putrajaya. Seramai 923 orang pegawai dan staf KWPKB dan agensi-agensi telah dianugerahkan APC. 24 orang daripada jumlah penerima adalah daripada KWPKB.																																																							
4.	Retreat Halatuju dan Aspirasi KWPKB Tahun 2011 bagi penyediaan SKT Tahun 2011 dan pencapaian SKT Tahun 2010 telah diadakan pada 25 hingga 29 November 2010 bertempat di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak.																																																							
5.	Melaksanakan kenaikan pangkat Kumpulan Sokongan I dan II mengikut pecahan berikut:																																																							
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jawatan</th> <th>Gred Asal</th> <th>Gred Naik Pangkat</th> <th>Tarikh Naik Pangkat</th> <th>Bilangan Pegawai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penghantar Notis</td> <td>N12 (M)</td> <td>N12</td> <td>1.3.2009</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Penghantar Notis</td> <td>N6</td> <td>N12 (KUP)</td> <td>1.7.2009</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Pembantu Am Pejabat</td> <td>N4 (M)</td> <td>N4</td> <td>1.3.2009</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Pembantu Am Pejabat</td> <td>N1</td> <td>N4 (KUP)</td> <td>1.7.2009</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Pemandu Kenderaan</td> <td>R3</td> <td>R6 (KUP)</td> <td>1.7.2009</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Pembantu Tadbir (Kewangan)</td> <td>N17</td> <td>N22</td> <td>29.7.2010</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Pembantu Tadbir (P/O)</td> <td>N17</td> <td>N22 (M)</td> <td>11.10.2010</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Pembantu Tadbir (P/O)</td> <td>N17</td> <td>N22 (M)</td> <td>22.11.2010</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Pembantu Tadbir (P/O)</td> <td>N17</td> <td>N22 (KUP)</td> <td>26.6.2010</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Pembantu Tadbir (P/O)</td> <td>N17</td> <td>N22 (KUP)</td> <td>29.7.2010</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table>	Jawatan	Gred Asal	Gred Naik Pangkat	Tarikh Naik Pangkat	Bilangan Pegawai	Penghantar Notis	N12 (M)	N12	1.3.2009	1	Penghantar Notis	N6	N12 (KUP)	1.7.2009	1	Pembantu Am Pejabat	N4 (M)	N4	1.3.2009	2	Pembantu Am Pejabat	N1	N4 (KUP)	1.7.2009	2	Pemandu Kenderaan	R3	R6 (KUP)	1.7.2009	2	Pembantu Tadbir (Kewangan)	N17	N22	29.7.2010	1	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (M)	11.10.2010	2	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (M)	22.11.2010	1	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (KUP)	26.6.2010	1	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (KUP)	29.7.2010	1
Jawatan	Gred Asal	Gred Naik Pangkat	Tarikh Naik Pangkat	Bilangan Pegawai																																																				
Penghantar Notis	N12 (M)	N12	1.3.2009	1																																																				
Penghantar Notis	N6	N12 (KUP)	1.7.2009	1																																																				
Pembantu Am Pejabat	N4 (M)	N4	1.3.2009	2																																																				
Pembantu Am Pejabat	N1	N4 (KUP)	1.7.2009	2																																																				
Pemandu Kenderaan	R3	R6 (KUP)	1.7.2009	2																																																				
Pembantu Tadbir (Kewangan)	N17	N22	29.7.2010	1																																																				
Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (M)	11.10.2010	2																																																				
Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (M)	22.11.2010	1																																																				
Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (KUP)	26.6.2010	1																																																				
Pembantu Tadbir (P/O)	N17	N22 (KUP)	29.7.2010	1																																																				

AKTIVITI HRMIS 2010

MESYUARAT DAN PROGRAM HRMIS ANJURAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (JPA)		
1.	Mesyuarat Penyelarasan Pemantauan Rangkaian HRMIS Bil.1/2010 Mesyuarat ini dijalankan bertujuan memantau dan membincangkan beberapa permasalahan yang berlaku seperti kestabilan capaian dan pemasangan talian EG*Net di Kementerian dan PSUK.	13 April 2010 Tempat: Bilik Utama Bunga Raya, JPA, Cyberjaya
2.	Forum Pengguna HRMIS 2010 Forum ini bertujuan meningkatkan perkongsian pengalaman dan pemahaman Unit HRMIS mengenai modul/sub modul yang telah dilaksanakan di samping memberi penghargaan kepada agensi-agensi cemerlang dalam pelaksanaan HRMIS.	19-20 April 2010 Tempat: Hotel Equatorial, Bangi
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Pemantauan HRMIS Bil. 1/2010	20 Mei 2010 Tempat: Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, JPA, Putrajaya
4.	Program Pemantauan Pelaksanaan HRMIS Bersama Kementerian/Pejabat Setiausaha Kerajaan (HRMIS Implementation Status-ImStat)	14 Jun 2010 Tempat: JPA, Cyberjaya
5.	Dialog HRMIS 2010 Sesi anjuran Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) JPA dengan kerjasama PSUK Kelantan ini memberi peluang kepada pegawai Unit HRMIS mengemukakan kemusykilan yang dihadapi semasa melaksanakan operasi pengurusan sumber manusia melalui HRMIS.	11-13 Julai 2010 Tempat: Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan
6.	Sesi Latihan Modul Penamatan Perkhidmatan Sesi latihan ini memberi latihan dan pendedahan bagi urusan persaraan meliputi Maklumat Asas Bakal Pesara, Penamatan Perkhidmatan Paksa, Penamatan Perkhidmatan Sukarela, Kematian dalam Perkhidmatan dan Percantuman Perkhidmatan Lepas.	17-18 Ogos 2010 Tempat: BPM, JPA Cyberjaya
7.	Taklimat Khas Pelaksanaan Submodul Pengurusan Cuti HRMIS Hujung Tahun 2010 Peringkat Kementerian/SUK/Agensi	9 November 2010 Tempat: JPA, Cyberjaya
8.	Mesyuarat Kerja Submodul Pengurusan Cuti Aplikasi HRMIS	22-24 November 2010 Tempat: JPA, Cyberjaya
9.	Mesyuarat Pelaksanaan Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) HRMIS	2 Disember 2010 Tempat: Bilik Mesyuarat Hikmah, JPA, Putrajaya
10.	Sesi Penerangan bagi Pelaksanaan Submodul LNPT HRMIS untuk Kementerian dan PSUK	3 Disember 2010 Tempat: Hotel Palm Garden, Putrajaya
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Pemantauan HRMIS Bil. 2/2010	20 Disember 2010 Tempat: PICC, Putrajaya

2) MESYUARAT JAWATANKUASA DAN PROGRAM HRMIS ANJURAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR		
1.	Sesi Taklimat dan Perbincangan Penyelarasan Penilaian Landasan Kerjaya Serta Profiling Pegawai P.T.D Gred M54 & M52 di KWPKB	12 Februari 2010
2.	Taklimat Sub Modul Pembangunan Organisasi (OD) bagi Pejabat Tanah & Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP)	13 April 2010
3.	Sesi Taklimat Modul Pengurusan Rekod Peribadi dan Submodul Pengisytiharan Harta untuk Pegawai-pegawai Baru	14-15 April 2010 26 Mei 2010 7 Julai 2010 26 Ogos 2010 16 Oktober 2010
5.	Taklimat dan Latihan Aplikasi HRMIS bagi Sub Modul LNPT dan Perisytiharan Harta bagi Perbadanan Labuan (PLb)	6-7 Mei 2010
6.	Minggu Pengemaskinian Buku Perkhidmatan dan HRMIS (Submodul Perisytiharan Harta)	18-24 Mei 2010
7.	Sesi Taklimat Pelaksanaan Penilaian Landasan Kerjaya Serta Profiling P.T.D M48 (Hakiki) di KWPKB dan Agensi	15-16 Jun 2010
8.	Sesi Latihan Submodul Pengurusan Cuti	21 Jun-31 Julai 2010 3-4 Ogos 2010 9-10 Ogos 2010 23 Ogos 2010 24 September 2010
9.	Latihan Aplikasi HRMIS Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	1 Oktober 2010
10.	Mesyuarat Kerja Bagi Submodul Penamatan Perkhidmatan dan Pengurusan Cuti (PLb dan PPTGWP)	28-29 Oktober 2010
11.	Taklimat/Latihan Modul Sasaran Kerja Tahunan dan Perisytiharan Harta (PPTGWP)	3-4 November 2010
12.	Taklimat dan Latihan Kemasukan Maklumat Perisytiharan Harta ke Data HRMIS Bagi Pegawai dan Kakitangan PPTGWP	24 Disember 2010



LAPORAN AKTIVITI UNIT PEMBANGUNAN ORGANISASI (DATA PERJAWATAN) DAN UNIT KOMPETENSI

Data Perjawatan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar


Bilangan Perjawatan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada tahun 2010 adalah menurut Waran Perjawatan Bil. S130 Tahun 2007 yang dikuatkuasakan mulai tarikh 4 Julai 2007. Jumlah Perjawatan di KWPKB dan MSWP sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak 369.

Kedudukan Pengisian Perjawatan KWPKB dan MSWP sehingga 31 Disember 2010 mengikut Kumpulan Perkhidmatan seperti di Jadual 1. Daripada 369 perjawatan sedia ada, terdapat sebanyak 42 jawatan yang belum diisi yang terdiri daripada 20 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 22 jawatan Kumpulan Sokongan I dan Sokongan II.

JADUAL 1: Kedudukan Pengisian Perjawatan di KWPKB dan MSWP sehingga 31 Disember 2010


KUMPULAN PERKHIDMATAN	BIL. JAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Anggota Pentadbiran	3	3	0
Pengurusan Tertinggi	3	3	0
Pengurusan dan Profesional	123	103	20
Sokongan I	202	182	20
Sokongan II	38	36	2
JUMLAH	369	327	42

CARTA 1a: Bilangan Pengisian dan Kekosongan Jawatan Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Sehingga 31 Disember 2010




Pengisian Perjawatan Perkhidmatan Gunasama Mengikut Kumpulan Perkhidmatan


KUMPULAN PERKHIDMATAN	SKIM PERKHIDMATAN	SEDIA ADA	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Jusa / Gred Khas	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	3	3	0
	JUMLAH KECIL	3	3	0
Pengurusan dan Profesional	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	76	66	10
	Pegawai Teknologi Maklumat	10	9	1
	Pegawai Psikologi	1	1	0
JUMLAH KECIL	87	76	11	
Sokongan	Penolong Pegawai Tadbir	12	11	1
	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	12	12	0
	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	91	88	3
	Juruteknik Komputer	4	3	1
	Pembantu Tadbir (Kewangan)	19	19	0
	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	20	18	2
	Pegawai Khidmat Pelanggan	2	2	0
JUMLAH KECIL	160	153	7	
JUMLAH KESELURUHAN	250	232	18	




Carta 2(a): Bilangan Pengisian dan Kekosongan Perjawatan Perkhidmatan Gunasama sehingga 31 Disember 2010



Carta 2(b)(i): Bilangan pengisian dan kekosongan JUSA / Gred Khas sehingga 31 Disember 2010



Carta 2(b)(ii): Bilangan pengisian dan kekosongan Kumpulan Pengurusan & Profesional sehingga 31 Disember 2010



Carta 2(b)(ii): Bilangan pengisian dan kekosongan Kumpulan sokongan sehingga 31 Disember 2010

UNIT PEMBANGUNAN KOMPENTENSI

Prestasi Perbelanjaan untuk Latihan Bagi Tahun 2010

BIL	PERKARA	AMAUN
1.	Jumlah Peruntukan Keseluruhan Emolumen Kementerian	16,098,900.00
2.	Jumlah Peruntukan bagi Tujuan Latihan	720,000.00
3.	Jumlah Perbelanjaan Sebenar untuk Latihan	707,449.95

Prestasi Kehadiran Latihan Bagi Tahun 2010

KATEGORI	BILANGAN PEGAWAI CAPAI SASARAN 7 HARI LATIHAN		BILANGAN PEGAWAI TIDAK MENCAPI SASARAN 7 HARI LATIHAN		JUMLAH PEGAWAI
	Bilangan	Persentase	Bilangan	Persentase	
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	98	98%	2	2%	100
SOKONGAN	195	90%	22	10%	217
KESELURUHAN	293	92%	24	8%	317

Pelan Pelaksanaan Latihan Bagi Tahun 2010

PERKARA	PERANCANGAN KURSUS	STATUS PERLAKSANAAN	
		Telah Laksana	Belum Laksana
Kursus Anjuran Luar/Swasta	59 Siri	59	0
		100.00%	0.00%
Kursus Anjuran KWPKB	13 Siri	13	0
		100%	0.00%
Kursus Anjuran INTAN	8 Siri 16 Peserta	8	0
		100%	0.00%
Kursus Luar Negara	6 Siri 7 Peserta	6	0
		100%	0.00%
Lawatan Pembelajaran Luar Negara	1 Siri 2 Peserta	1	0
		100%	0.00%
Pendekatan Islam Hadhari	2 Siri	2	0
		100%	0.00%
Penerapan Nilai Islam	Bicara Rohani Perdana 2 Siri	2	0
		100%	0.00%
	Bicara Rohani 4 Siri	4	0
		100%	0.00%
Program Penghayatan Al-Quran	Kuliah Tafsir Al-Quran 9 Siri	9	0
		100%	0.00%
Latihan/Kursus Anjuran Jakim dan Agensi Lain	3 Siri	3	0
		100%	0.00%
Program Ihya' Ramadhan	3 Siri	3	0
		100%	0.00%
Ceramah Integriti	4 Siri	4	0
		100%	0%
Program Tambahan	Majlis Bacaan Yasin Siri	16	0
		100%	0%



Pencapaian Plan Latihan Unit Pengurusan Psikologi

PERANCANGAN KURSUS	STATUS PERLAKSANAAN	
	Telah Laksana	Belum Laksana
10 SIRI	10	0
	100%	0%

UNIT FUNGSI KHAS MENTERI

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2010

Pengurniaan DKBPWP

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Wilayah Persekutuan (DKBPWP) merupakan acara induk bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat ini telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan istiadatnya telah berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 1 Februari 2010.

Istiadat pengurniaan darjah kebesaran telah disempurnakan oleh KDYMM Sultan Kedah, Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Timbalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang bermula pada tahun 2008 adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa membangunkan wilayah ini, termasuk mereka yang bukan bermastautin tetapi turut memberi sumbangan dan khidmat yang cemerlang dan terbilang untuk Wilayah Persekutuan.

Bilangan Penerima DKBPWP Tahun 2010

DKBPWP	PENERIMA
Seri Utama Mahkota Wilayah S.U.M.W.	2
Seri Mahkota Wilayah S.M.W.	7
Panglima Mahkota Wilayah P.M.W.	27
Johan Mahkota Wilayah J.M.W.	32
Kesatria Mahkota Wilayah K.M.W.	39
Ahli Mahkota Wilayah A.M.W.	43
Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah P.P.W.	90
JUMLAH	240



UNIT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Pengenalan

Perpustakaan KWPKB mempunyai koleksi bahan rujukan yang pelbagai dengan tumpuan utama kepada bidang perancangan bandar dan wilayah, pentadbiran tanah, pengangkutan awam dan teknologi maklumat yang berkaitan. Di samping itu terdapat juga koleksi lain seperti pengurusan, ekonomi, sains, teknologi, undang-undang dan sebagainya.


Objektif

1. Bertanggungjawab mengurus, mentadbir dan melaksanakan aktiviti dan perkhidmatan perpustakaan sebagai pusat rujukan yang berkesan.
2. Merancang prosedur berkaitan kemajuan perpustakaan melalui:
 - Pembinaan koleksi;
 - Pendokumentasian;
 - Perkhidmatan;
 - Penyelenggaraan koleksi;
 - Pendigitan; dan
 - Program pendidikan pengguna.
3. Bertanggungjawab mengurus dan mengawal selia sistem perpustakaan (Sistem ILMU) dan peralatan perkakasan yang berkaitan.
4. Merancang, mengurus pembangunan dan perkembangan teknologi maklumat serta komunikasi perpustakaan; dan
5. Menjalin hubungan strategik dan kerjasama dengan perpustakaan luar.




Laporan Aktiviti


Rajah 1: Menunjukkan Jumlah Koleksi Bahan Rujukan Perpustakaan KWPKB Mengikut Kategori Sehingga 31 Disember 2010



Rajah 2: Menunjukkan Jumlah Pinjaman Mengikut Kategori Ahli Tahun 2010



Rajah 3: Menunjukkan Jumlah Pinjaman Mengikut Kategori Bahan Tahun 2010



UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

STATISTIK PROGRAM YANG DILAKSANAKAN

Bilangan Penggunaan Ujian-ujian Psikologi

BIL	JENIS UJIAN PSIKOLOGI/ INVENTORI	TARIKH PELAKSANAAN	BIL. PENJAWAT MENGAMBIL UJIAN (ORANG)
1	Ujian e-Psikologi Indikator Perwatakan Unggul (IPU)	25 Februari 2010	9
2	Ujian e-Psikologi Indeks Bimbingan Kerjaya (IBK)	25 Februari 2010	9
3	Soal Selidik Ringkas: Kadar Kepantasan Hidup	25 Februari 2010	14
4	Ujian Personality Plus	28 April 2010	51
5	Indikator Stres Personal	29 Julai 2010	37
6	Indeks Personaliti (KEIRSEY)	28 Oktober 2010	30
7	Indeks Personaliti Warna (IPW)	8 Disember 2010	39
JUMLAH PEGAWAI MENGAMBIL UJIAN			189

Senarai Program/Aktiviti Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Akrab KWPKB (Tahun 2010)

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	TEMPAT
1	Ceramah Siri Latihan Dalaman: Mengenali Jenis Tingkah Laku melalui alat ukur 'Kadar Kepantasan Hidup'	25 Februari 2010	Bilik Mutiara, KWPKB
2	Konvensyen Majlis Rakan Pembimbing Kebangsaan (MAK)	7 Mei 2010	Dewan Serbaguna, Bheu, JPM
3	Konvensyen Seminar Kaunseling 1 Malaysia	31 Mei - 1 Jun 2010	Dewan Tun Husain Onn, Pusat Dagangan Dunia Putera, Kuala Lumpur (PWTC)
4	Program Wacana Minda Siri 1: Membudayakan Masyarakat Penyayang	10 Jun 2010	Bilik Persidangan KWPKB, Aras 1
5	Konvensyen Rakan Pembimbing JPM 2010	26 Oktober 2010	Kompleks JPM, Putrajaya
6	Program Pementoran (Ahli AKRAB sebagai Mentor)	November 2010 hingga Mei 2011	—



SEKSYEN KEWANGAN

PENGENALAN

Seksyen Pengurusan Kewangan adalah salah satu seksyen yang berada di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia. Seksyen Kewangan bertanggungjawab ke atas semua aspek pentadbiran kewangan dan perakaunan Kementerian. Peranan seksyen ini meliputi penyeliaan pelaksanaan polisi, arahan dan prosedur kewangan. Terdapat tiga (3) unit di Seksyen Kewangan iaitu Unit Belanjawan, Unit Perolehan dan Unit Akaun.


UNIT BELANJAWAN

Unit Belanjawan berperanan menyelaras, memantau dan menilai pengurusan perbelanjaan tahunan Kementerian supaya ia selaras dengan visi, misi dan objektif Kementerian. Antara fungsi utama Unit ini adalah menyelaras permohonan peruntukan mengurus tahunan, pengagihan dan pemantauan perbelanjaan peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian dan Agensi di bawahnya, menyelaras pelaporan dan maklum balas terhadap


pengauditan tahunan oleh Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Audit Negara dan juga MAMPU (Sistem Star Rating). Di samping itu, Unit Belanjawan turut berperanan memastikan urusan pentadbiran di Seksyen Kewangan diselaraskan dengan cekap dan berkesan.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Bagi tahun 2010, Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kementerian dan Agensi adalah pada 96.9% iaitu sejumlah RM248,571,831 berbanding jumlah peruntukan asal sebanyak RM256,548,700. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2010 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 1% berbanding tahun 2009. Daripada jumlah itu, peratus perbelanjaan mengurus berdasarkan OA bagi tahun 2010 menunjukkan OA10000 dicatat pada 89.08%, OA20000 sebanyak 90.38%, OA30000 sebanyak 96.76% dan OA40000 telah mencapai 99.99%. Secara amnya, peratus perbelanjaan mengurus mengikut OA bagi tahun 2010 telah meningkat.




Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kementerian Tahun 2008, 2009, 2010



Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Seksyen Kewangan juga menguruskan hal-hal pembayaran yang menggunakan peruntukan pembangunan melalui sistem e-SPKB yang telah di perakui oleh Bahagian Pengurusan Pembangunan. Seksyen Kewangan memegang data-data perbelanjaan peruntukan pembangunan dalam e-SPKB manakala Bahagian Pengurusan Pembangunan pula menguruskan data perbelanjaan ini dalam sistem SPPII. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Kementerian dan Agensi pada tahun 2010 adalah sebanyak 99.18%, iaitu sejumlah RM766,069,185.10 berbanding jumlah peruntukan asal diluluskan iaitu RM772,368,460.



Perbandingan Prestasi perbelanjaan Pembangunan Kementerian Tahun 2008, 2009, 2010

Hala Tuju Pentadbiran Kewangan

Selaras dengan pelaksanaan amalan perbelanjaan secara berhemat, beberapa langkah penjimatan telah diambil sepanjang tahun 2010. Semua aspek pembaziran telah diberi perhatian. Kawalan telah dilaksanakan terhadap tuntutan kerja lebih masa, perjalanan-perjalanan rasmi dalam dan luar negeri, pemberian door gift bagi majlis rasmi dan keraian, penggunaan kuasa elektrik dan urusan seharian yang lain.

Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Sebanyak 8 mesyuarat JPKA telah diadakan sepanjang tahun 2010 iaitu 4 mesyuarat peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu pada 16 April 2010, 15 Julai 2010, 28 Januari 2010 dan 21 Januari 2011. Manakala, bagi peringkat Kementerian, terdapat 4 mesyuarat yang telah dilaksanakan iaitu pada 7 Mei 2010 (Suku Tahun Pertama), 23 Julai 2010 (Suku Tahun Kedua), 23 Julai 2010 (Suku Tahun Ketiga) dan 7 Februari 2011 (Suku Tahun Keempat).

UNIT PEROLEHAN

Unit Perolehan bertanggungjawab mengurus, menyelaras dan melaksanakan urusan perolehan di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dengan memastikan perolehan yang laksanakan sama ada Pembelian Terus, Rundingan Terus, Sebut Harga atau Tender adalah mematuhi peraturan dan prosedur kewangan yang ditetapkan. Di samping itu, Unit ini juga memperaku Nota Minta bagi pengeluaran Pesanan Tempatan (LO) untuk pembelian terus bekalan/ perkhidmatan/ kerja. Unit Perolehan turut merancang, menyelaras dan melaksanakan e-Perolehan di peringkat Kementerian. Tatacara yang dilaksanakan oleh unit ini adalah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Surat-Surat Pekeliling Perbendaharaan serta Pekeliling yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pelaksanaan Mesyuarat-Mesyuarat Perolehan di KWPKB

Sebanyak 38 kali mesyuarat perolehan di Kementerian telah dilaksanakan pada tahun 2010, seperti berikut:

PERKARA	BILANGAN
Mesyuarat Lembaga Perolehan A & B	29 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga	9 kali

Prestasi Pelaksanaan Perolehan

Pelaksanaan perolehan yang dirancang sepanjang tahun 2010 telah mencapai 100% bagi semua Bahagian/ Seksyen/Unit di bawah KWPKB seperti berikut:

Jadual Perancangan Perolehan Bagi Tahun 2010 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

BAHAGIAN	BELANJA DILULUSKAN (RM)	TELAH BELANJA (RM)	PERATUS BELANJA BERMULA 1 JANUARI 2010 SEHINGGA 30 DISEMBER 2010 (SASARAN: 100.00%)	BELUM BELANJA (RM)	PERATUS BELUM BELANJA SEHINGGA 30 DISEMBER 2010 (%)
Bahagian Pengurusan Maklumat	1,665,354.80	1,665,354.80	100.00	-	-
Bahagian Khidmat Teknikal dan Geospasial	744,231.00	744,231.00	100.00	-	-
Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Perhubungan Awam	448,880.00	448,880.00	100.00	-	-
Bahagian Pembangunan	79,945.64	79,945.64	100.00	-	-
Unit Aset	595,120.00	595,120.00	100.00	-	-
Jumlah	3,533,531.44	3,533,531.44	100.00	-	-

Pengiktirafan

Unit Perolehan KWPKB telah dianugerahkan sebagai pemenang Anugerah Apresiasi eP 10Tahun bersempena dengan Majlis Sambutan Malam Apresiasi ePerolehan 10 Tahun yang diadakan pada 17 Januari 2011 di Hotel Marriot, Putrajaya. Di majlis yang sama, sebanyak tujuh (7) kategori anugerah telah disampaikan kepada pemenang-pemenang iaitu Anugerah Perdana eP, Anugerah Khas ePSC, Anugerah Pelaksanaan eP, Anugerah Penggunaan eP, Anugerah Transaksi eP Online, Anugerah Harapan eP dan Anugerah Apresiasi eP 10Tahun. Anugerah Apresiasi eP 10 Tahun yang dimenangi telah menyaksikan KWPKB membawa pulang sijil pengiktirafan berserta wang tunai sebanyak RM3,000.



UNIT AKAUN

Unit Akaun bertanggungjawab melaksanakan pengurusan kewangan KWPKB dan agensi. Di antara peranan utama Unit ini adalah menguruskan semua hal berkaitan pemprosesan pembayaran gaji kakitangan, elaun, tuntutan, bayaran balik, terimaan dan hasil Kerajaan. Selain itu, Unit ini turut menguruskan Akaun Belum Terima serta memantau dan menyelia Akaun Amanah/Deposit KWPKB.

Laporan Prestasi Pembayaran Bil Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Bagi Tahun 2010

TEMPOH BAYARAN/ BULAN	JANUARI	FEBRUARI	MAR	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
Dibayar dalam tempoh 7 hari	74.14	49.81	61.93	48.80	61.42	45.20	66.53	66.43	58.44	65.62	57.02	65.32
Dibayar dalam tempoh 8 hingga 14 hari	25.86	41.38	30.29	41.42	33.79	45.42	31.42	33.39	31.49	34.38	41.32	31.34
Dibayar melebihi 14 hari	0.00	8.81	7.77	9.79	4.79	9.38	2.05	0.17	10.06	0.00	1.65	3.34
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



Bahagian Pengurusan Maklumat



PENCAPAIAN TAHUN 2010

PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN SISTEM-SISTEM BARU

Pada tahun 2010, sebanyak empat (4) sistem baru telah dibangunkan. Kesemua sistem telah dibangunkan berdasarkan perisian sumber terbuka. Satu (1) dari empat (4) sistem tersebut telah dibangunkan sendiri oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

BIL.	SISTEM	PERISIAN
1.	Sistem Pewartaan Tanah-tanah Rizab Wilayah Persekutuan	PHP, MySQL
2.	Modul ILMU Perintis dan NeuSync	PHP, MySQL
3.	Sistem Naziran Projek-projek Pembangunan	PHP, MySQL
4.	Sistem Pendaftaran Ahli-ahli KLGCC Penjawat Awam	PHP, MySQL

Perkhidmatan-Perkhidmatan Online KWPKB

Sehingga tahun 2010, sebanyak 82 perkhidmatan online telah ditawarkan oleh KWPKB dan agensi-agensinya di bawahnya seperti DBKL, PPj, PL dan PTGW. Lima (5) dari 82 perkhidmatan tersebut adalah perkhidmatan *online* KWPKB. Manakala terdapat 23 perkhidmatan *intranet* ditawarkan kepada pelanggan dalaman KWPKB.

Perkhidmatan-perkhidmatan *online* KWPKB kepada rakyat adalah:

- Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan (e-Sukan);
- Penjualan Rumah CSRU di Putrajaya (Internet Banking);
- Portal Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan;
- Petunjuk Bandar Sejahtera; dan
- iSPAAA KWPKB.

Perkhidmatan-perkhidmatan *intranet* kepada pelanggan dalaman adalah:

- Perpustakaan KWPKB;
- Pengurusan Fail Meja;
- Pemantauan Bil KWPKB;
- Pemantauan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek ICT;
- Forum KWPKB;
- Tuntutan Elaun Perjalanan, Lebih Masa dan Lain-lain;
- Tempahan Bilik Mesyuarat, Peralatan ICT dan Kenderaan Pejabat;
- Kompendium KWPKB;
- Buletin KWPKB;
- Pengurusan Fail dan Surat KWPKB;
- *Helpdesk* ICT;
- Permohonan dan Pengurusan Latihan;
- Profail Kakitangan KWPKB;
- *Webmel* KWPKB;
- Pangkalan Ilmu KWPKB;
- Pengurusan Anugerah Pingat;
- Perekodan dan Maklumbalas Jemaah Menteri; dan
- Pengesanan Soal Jawab Parlimen.

Latihan Penggunaan Sistem

Sebanyak 21 latihan penggunaan sistem telah dijalankan sepanjang tahun 2010. Latihan-latihan tersebut merangkumi sistem-sistem berikut:

- Sistem COE (eTempahan, eLatihan, eTuntutan, eBuletin, eKakitangan, eKompendium, eSukan, eFail, eMesyuarat, eHelpdesk);
- Sistem Pengesanan Soal Jawab Parlimen;
- Sistem Pengesanan Maklum Balas Kertas Jemaah Menteri;
- Sistem Perpustakaan ILMU;
- Sistem Anugerah Pingat;
- Portal Anugerah DKBPWP;

- Sistem SISPRO;
- Sistem Pengurusan Fail Meja;
- Sistem Perakam Waktu *ProTime*;
- Sistem Pengurusan Aset;
- Sistem Pemantauan Pegawai Kontrak;
- Sistem Naziran Projek Pembangunan; dan
- Sistem Pemantauan Bil.

Pertandingan 36 Hrs Open Source Web Development 2010

BPM telah berjaya mendapat tempat kedua di bawah kategori sektor awam di dalam Pertandingan 36 Hrs Open Source Web Development 2010 yang telah berlangsung pada 6 hingga 8 Oktober di Institut KWSP Bangi. Di samping membawa pulang RM600, pengiktirafan ini telah menaikkan imej dan *Star Rating* KWPKB.

Perolehan dan Sewaan Peralatan ICT

Pada tahun 2010 BPM telah membuat beberapa perolehan peralatan ICT secara sebut harga dan pembelian terus di samping meneruskan dan menambah sewaan peralatan ICT bagi memastikan semua pengguna Kementerian mendapat kemudahan ICT yang sepatutnya. Perolehan dan sewaan peralatan ICT pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

BIL.	ITEM	KUANTITI
1	Notebook	20
2	PC (Sewaan)	95
3	Scanner	2
4	Pencetak MFP	12
5	LCD Projector	4
6	ESX Server (VM)	3
7	Storan Backup (SAN)	2

Helpdesk (Khidmat Sokongan dan Bantuan Teknikal)

Pada tahun 2010, sebanyak 1200 masalah/aduan mengenai ICT telah direkodkan di dalam Sistem e-aduan (Helpdesk) yang merupakan salah satu komponen sistem *Common Office Environment* (COE) KWPKB.

Kesedaran Keselamatan ICT KWP

Pada tahun 2010, BPM telah meneruskan lagi usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan pengguna KWPKB terhadap Dasar Keselamatan ICT. Dasar Keselamatan ICT KWPKB Versi 3.0 (DKICT KWPKB) telah didokumenkan dan empat (4) Sesi Kesedaran mengenai Dasar Keselamatan ICT telah dijalankan. Sehingga akhir tahun sebanyak 90% dari pengguna kementerian telah menandatangani Sijil Pematuhan ICT yang terdapat di dalam DKICT.

Retreat ICT

Pada 19 hingga 22 November 2010, BPM telah mengadakan *retreat* ICT yang dilaksanakan di Melaka. Antara pengisian *retreat* adalah mengenai pemantapan Dasar Keselamatan ICT KWPKB, penentuan skop ke arah pensijilan MS ISO/IEC 27001 : 2007 (ISMS) dan juga pengukuhan SOP (Standard Operating Prosedur (SOP) ICT.





Bahagian Perkhidmatan Korporat



PENGENALAN

UNIT INOVASI

Penubuhan Unit Inovasi pada tahun 2010 adalah sejajar dengan visi Kerajaan dalam mewujudkan jentera perkhidmatan awam yang cekap, efisien, berproduktiviti tinggi, lebih kreatif dan inovatif. Unit Inovasi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mempunyai misi yang penting dalam memandu Kementerian ke arah transformasi seperti yang di war-warkan oleh Perdana Menteri dalam mempercepatkan lagi Malaysia menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2010

Ke Arah Penarafan 5 Bintang - Sistem *Star Rating*

Tahun 2010 adalah merupakan tahun penilaian bagi penarafan Sistem *Star Rating*. Kerjasama erat dan komitmen tinggi yang diberikan oleh seluruh warga Kementerian telah melonjak kedudukan KWPKB dari tangga ke-25 ke tangga ke-14 dengan penarafan empat (4) Bintang oleh MAMPU.

BIL	TARIKH	TAJUK AKTIVITI	TEMPAT
1.	15 Januari	Mesyuarat Penyelarasan <i>Star Rating</i> Bil. 1 Tahun 2010 Kementerian	(9.00 pg) Bilik Berlian
2.	10 Februari	Mesyuarat Penyelarasan <i>Star Rating</i> Bil. 2/2010	(9.00 pg) Bilik Berlian
3.	25 Februari	Mesyuarat Pra "Lab" Pelaksanaan Penilaian Sistem <i>Star Rating</i> (SSR) Peringkat Kementerian dan Agensi bagi Tahun 2010	(9.30 pg) Bilik Persidangan, Aras 1
4.	1-30 Mac	Paparan di LED: Ke Arah Pengiktirafan 5 Bintang dan Pensijilan MS ISO 9001:2008 – Bersama Kita Jayakannya	Setiap Aras (G-4)
5.	2-5 Mac	Bengkel Penyelarasan Sistem <i>Star Rating</i> Kementerian	AnCasa Allsuites, PD
6.	12 Mac	Paparan Promosi SSR dan MS ISO 9001:2008 Melalui <i>Desktop</i> Warga Kementerian	
7.	12 Mac	Papar Poster Promosi SSR dan Pengemaskinian Fail Meja – (Siri 1) Pada Setiap Papan Kenyataan	Aras G-4 & 6)
8.	15 Mac	Pra-Mesyuarat bagi Penyelarasan Sistem <i>Star Rating</i> 2010 Bil. 3 Tahun 2010	(2.30 ptg) Bilik Berlian
9.	17 Mac	Mesyuarat Penyelarasan Sistem <i>Star Rating</i> Bil. 3 Tahun 2010.	(2.30 ptg) Bilik Berlian
10.	18 Mac	Sesi <i>Knowledge Sharing</i> : KWPKB Ke Arah Penarafan 5 Bintang dan Pensijilan MS ISO 9001:2008 – Satu Matlamat Satu Tujuan Nota: Kerjasama dengan Unit Pembangunan Sumber Manusia	(9.00-11.00 pg) (2.30-4.30 ptg) Bilik Persidangan
11.	19 Mac	Sesi <i>Knowledge Sharing</i> : KWPKB Ke Arah Penarafan 5 Bintang dan Pensijilan MS ISO 9001:2008 – Satu Matlamat Satu Tujuan Nota: Kerjasama dengan Unit Pembangunan Sumber Manusia	(9.00-11.00 pg) (2.30-4.30 ptg) Bilik Persidangan

BIL	TARIKH	TAJUK AKTIVITI	TEMPAT
12.	25 Mac	Mesyuarat Penyelarasan Kriteria A dan C bagi Sistem <i>Star Rating</i> 2010	(9.00 pg) Bilik Persidangan
13.	30 Mac	Mesyuarat Pasukan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 Bil. 1/2010	(9.00 pg) Bilik Baiduri
14.	13 April	Pengumpulan Dokumen Bukti SSR dan Penyerahan Draf Slaid Persembahan SSR	
15.	26 April	Mesyuarat Penyelarasan Sistem <i>Star Rating</i> Komponen A dan C	(11.30 pg) Bilik Persidangan
16.	6 Mei	Mesyuarat <i>Exit Conference</i> Audit Dalam MS ISO	(9.00 pg) Bilik Persidangan, Aras 1
17.	7 Mei	Mesyuarat Penyelarasan Sistem <i>Star Rating</i> Bil. 4 Tahun 2010.	(9.00 pg) Bilik Persidangan, Aras 1
18.	11 Mei	Mesyuarat Penyelarasan Sistem <i>Star Rating</i> Bil.4 Tahun 2010 (Samb.)	(8.00 mlm) Bilik Persidangan, Aras 1
19.	18 Mei	Perbincangan Sistem <i>Star Rating</i> Kriteria A1.3, A1.7, A3.5 dan C2	(9.00 pg) Bilik Berlian, Aras 4
20.	18 Mei	Mesyuarat Penyelarasan Sistem <i>Star Rating</i> Bil.5 Tahun 2010	(8.00 mlm) Bilik Persidangan
21.	20-22 Mei	Bengkel Semakan Semula dan Pengemaskinian MS ISO 9001:2008	Colmar Tropicale, Bukit Tinggi
22.	11 Jun	Tarikh Akhir Mengemukakan Slaid dan Dokumen SSR bagi Menghadapi Audit SSR	-
23.	14-23 Jun	Penyediaan dan Penyelarasan Pembentangan SSR	Seluruh Kementerian
24.	25 Jun	Mesyuarat Penyelarasan SSR Bil. 6 / 2010	(8.00 mlm) Bilik Persidangan, Aras
25.	1 Julai	Taklimat Tanggungjawab L.O Semasa Audit SSR Pada 5-8 Julai 2010	(9.30 pg) Bilik Persidangan, Aras 1
26.	1 Julai	Taklimat bagi Pembaca Doa KWPKB	(9.30 pg) Bilik Persidangan, Aras 1
27.	1 Julai	Sesi Rehearsal Bersama Pengurusan Atasan Bagi Penyampai Taklimat Sistem <i>Star Rating</i> Tahun 2010	(8.00 mlm) Bilik Berlian, Aras 4
28.	2 Julai	Program Kemuncak SSR – Gotong Royong KWPKB	(2.45 ptg) Seluruh KWPKB
29.	5 Julai	<i>Entrance Conference</i> bagi Pengauditan SSR MAMPU Tahun 2010	(9.00 pg) Bilik Berlian, Aras 4
30.	8 Julai	<i>Exit Conference</i> bagi Pengauditan SSR MAMPU Tahun 2010	(5.00 ptg) Bilik Berlian, Aras 4
31.	5-8 Julai	Pengauditan SSR MAMPU Tahun 2010	Seluruh Kementerian
32.	4-5 Ogos	Konvensyen KIK Peringkat WP Tahun 2010 bagi Sektor Awam Tahun 2010	(7.30 pg) Dewan Serbaguna & Auditorium KWPKB, Blok 1
33.	9 Ogos	Sesi Latihan Sub Modul Pengurusan Cuti Melalui Aplikasi HRMIS kepada BPK	(10.30 pg) Bilik Jed, Aras 2
34.	10 Ogos	' <i>Courtesy Call</i> ' daripada pihak INTAN kepada KSU, TKSU(O), SUB(PK) dan PSU(I) Berhubung Penganjuran KIK Sektor Awam Peringkat Kebangsaan Tahun 2010	(3.30 ptg) Bilik KSU, Aras 4

Kumpulan KIK Kementerian

KWPKB dalam memainkan peranan untuk mengalakkan pemikiran secara kreatif dan inovatif bagi warga kementerian dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pengurusan atasan berjaya menubuhkan empat kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Kumpulan Qaizen, Ber1, Paragon dan G2 keanggotaannya meliputi pelbagai gred jawatan dan bahagian/unit yang berbeza. Kumpulan sedang dalam proses menyiapkan projek untuk menyediakan kumpulan dalam menyertai mana-mana pertandingan kelak.



Konvensyen KIK Kebangsaan

Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan ke-27 menyaksikan KWPKB selaku tuan rumah bersama INTAN menjayakan acara ini yang bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya. Kedua-dua kumpulan yang mewakili Wilayah Persekutuan telah menjuarai kedua-dua kategori Pengurusan dan Teknikal. Masing-masing Kumpulan B13 (Kategori Teknikal) dan Kumpulan Evolusiterra (Kategori Pengurusan) membawa pulang RM10, 000.00 dan Anugerah Ketua Setiausaha Negara.




Pensijilan MS ISO 9001:2008

Pensijilan MS ISO 9001:2008 bertujuan untuk menetapkan satu tahap kualiti bagi Kementerian di mana pelaksanaannya akan mendatangkan faedah kepada sesebuah organisasi. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah memulakan perjalanan mendapatkan pensijilan ISO ini pada Oktober 2009. Sebanyak 50 prosedur yang akan terlibat di dalam pengauditan dan perlu dimuktamadkan. Bengkel dan audit dalam bagi pensijilan ini dilihat akan membuahkan hasil dan pensijilan dijangka akan diperolehi oleh KWPKB pada tahun 2011. Satu *Soft Launch* MS ISO 9001:2008 yang dirasmikan oleh YB. Menteri KWPKB diadakan pada 5 Januari 2010 menandakan Kementerian telah bersedia untuk dipersijilkan.

Sistem Pengurusan Fail Meja untuk Warga KWPKB

Sistem Pengurusan Fail Meja (SPFM) telah mula digunakan pada 5 November 2009. Beberapa aktiviti bagi menyemarakkan penggunaan telah diadakan antaranya seperti berikut:

BIL	TARIKH	TAJUK AKTIVITI	TEMPAT
1.	8 Jan	Perbincangan Mengenai Fail Meja Pejabat Menteri	(9.00 pg) Bilik PSUK (Q)
2.	13 Jan	Mengumpul dan Membuat Semakan Fail Meja Seperti Senarai yang Diperlukan oleh Audit	(4.30 ptg) Bilik KPSUK (BPK)
3.	14 Jan	Mengumpul dan Membuat Semakan Terakhir Fail Meja Sebelum Diserah Seperti Senarai yang Diperlukan oleh Audit	(8.30 ptg) Bilik KPSUK (BPK)
4.	25 Jan	Mangumpul dan Membuat Semakan Fail Meja untuk Teguran ke-2 Seperti Senarai Yang Diperlukan oleh Audit	
5.	27 Jan	Perbincangan Sistem Pengurusan Fail Meja	(2.30 ptg) Bilik KPSUK (BPK)
6.	10 Mac	Emel Makluman Awal Bulan Pengemaskinian Fail Meja Tahun 2010 kepada Semua Warga Kementerian	
7.	31 Mei	Promosi Bulan Pengemaskinian Fail Meja bagi Bulan Jun 2010 Melalui <i>Desktop</i> Warga Kementerian	
8.	20 Dis	Hebahan Bulan Fail Meja Bulan Disember	Seluruh Kementerian



UNIT PROTOKOL DAN MAJLIS-MAJLIS RASMI

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2010

Sambutan Hari Wilayah

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2010 telah diadakan dengan pelaksanaan majlis-majlis seperti berikut:

- Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan pada 20 Januari 2010.
- Khutbah Khas Solat Jumaat pada 1 Februari 2010
- Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan di Istana Negara oleh SPB YDP. Agong pada 1 Februari 2010.
- Majlis Pelancaran Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 31 Januari 2010 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.
- Festival Hari Wilayah Persekutuan pada 1 hingga 2 Februari 2010 .
- Pertandingan Golf Diraja pada 21 Februari 2010.
- Majlis Penutupan Hari Wilayah Persekutuan pada 28 Februari 2010 di Labuan.
- Majlis Jamuan Teh Sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 6 Mac 2010 di Presint 3 Putrajaya.

Majlis-majlis rasmi lain anjuran KWPKB yang turut diselenggarakan oleh Bahagian Perkhidmatan Korporat adalah:

- Program Jom Sahur bersama YB. Menteri Wilayah Persekutuan pada tahun ke-2 diadakan telah berjaya menarik kehadiran yang memberangsangkan dari penduduk di PPR Desa Petaling untuk bersama-sama menjayakan program ini yang telah diadakan pada 29 Ogos 2010.
- Majlis Berbuka Puasa Peringkat Wilayah Persekutuan bersama YAB. Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah diadakan pada 16 Ogos 2010 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.
- Majlis Nur Ramadhan KWPKB dan Agensi telah diadakan pada 2 September 2010 di Ruang Legar, Menara PjH, KWPKB.
- Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2010 telah diadakan pada 9 Oktober 2010 di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.
- Floria Putrajaya 2010 telah diadakan dari 10 hingga 18 Julai 2010 dengan kerjasama PPj dan Program telah mendapat sambutan yang baik.

Perhimpunan bulanan warga KWPKB bersama dengan YB. Menteri dan Ketua Setiausaha telah diadakan pada:

- Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama YB. Menteri WPKB telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada bulan Januari, April, Oktober dan Disember 2010.
- Majlis Perhimpunan Bulanan YBhg. Dato' KSU telah diadakan sebanyak lima (5) kali iaitu pada bulan Mac, Mei, September, dan November 2010.

Selain itu, Bahagian Perkhidmatan Korporat turut menyelaras penyertaan kontinjen KWPKB ke majlis-majlis peringkat kebangsaan seperti berikut:

- Perhimpunan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada 26 Februari 2010 bertempat di Putrajaya.
- Perhimpunan Hari Perkerja Sektor Awam 2010 pada 14 Mei 2010 berempat di PICC, Putrajaya.
- Sambutan Hari Belia Negara pada 15 Mei 2010.
- Majlis Perhimpunan YAB. Perdana Menteri Bersama Pegawai Perkhidmatan Awam (MAPPA).
- Majlis Doa Selamat dan Bacaan Yassin Sempena Hari Keputeraan SPB YDP. Agong.
- Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 7 Disember 2010 melibatkan keanggotaan seramai 40 orang.

UNIT HAL-EHWAL KORPORAT DAN ANTARABANGSA

KWPKB turut menerima delegasi luar yang melawat untuk mendapatkan maklumat berhubung pembangunan Wilayah Persekutuan. Delegasi yang telah melawat KWPKB sepanjang tahun 2010 adalah:

- Lawatan Rasmi Delegasi Brunei Darussalam ke KWPKB dan Agensi pada 8 April 2010.
- Lawatan Kerja Ahli-Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Tindakan Daerah Batang Padang
- Lawatan Kerja Rasmi Delegasi Kementerian Pembangunan Metropolitan Nairobi, Kenya pada 7 Julai 2010.
- Lawatan Rasmi Perdana Menteri India ke Malaysia pada 26 hingga 28 Oktober 2010. (Menyelaras Majlis Perasmian 'Little India' oleh YAB. Perdana Menteri dan TYT Perdana Menteri India pada 27 Oktober 2010.

Agensi-Agensi
Kementerian Wilayah Persekutuan
dan Kesejahteraan Bandar





DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



PERBADANAN PUTRAJAYA



PERBADANAN LABUAN



PEJABAT PENGARAH TANAH
DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN



MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



PENGENALAN

Daripada sebuah pekan kecil Kuala Lumpur telah menjadi Ibu Kota Negara dan sebuah bandar yang terbesar di Malaysia. Bandar Raya Kuala Lumpur kini menjadi penting dan menjalankan peranan dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, kewangan, pentadbiran, pendidikan, agama, kebudayaan dan sukan. Hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbirkan oleh satu perbadanan tunggal (*corporation sole*) sejak 1 April 1961 iaitu Pesuruhjaya Ibu Kota yang kemudian diubah kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur apabila Kuala Lumpur dianugerahkan taraf Bandar Raya pada 1 Februari 1972.

AKTIVITI TAHUN 2010

Pengurusan Sumber Manusia

Sebanyak 1,506 pegawai/kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dilantik bagi tahun 2010 menerusi 59 siri temuduga yang melibatkan pelbagai jawatan. Di mana daripada jumlah tersebut, 40 orang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Profesional, 38 orang Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B), 234 orang bagi Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C), 366 orang Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D) dan 828 orang Kumpulan Sokongan II (IMG). Selain itu, bagi tahun 2010 juga sebanyak 8756 perjawatan tetap telah diisi dan seramai 2,240 orang untuk perjawatan kontrak.

DBKL telah melaksanakan 170 kursus, iaitu 32 kursus kendalian dalaman yang melibatkan penyertaan seramai 6755 orang dan 138 kursus kendalian luar (anjuran agensi luar) yang melibatkan lebih daripada 500 orang disamping 10 program *ad-hoc* yang melibatkan 1354 orang peserta.

Secara keseluruhannya, peratus pegawai dan kakitangan DBKL yang menghadiri kursus minima tujuh (7) hari setahun adalah sebanyak 93% daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional,

50% bagi Kumpulan Sokongan I dan 23 peratus bagi Kumpulan Sokongan II. Jumlah pegawai dan kakitangan yang mencapai minima 7 hari menghadiri kursus tahun 2010 telah meningkat kepada 36.1% jika dibandingkan pada tahun 2009 iaitu 10% sahaja daripada jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan DBKL.

DBKL juga telah melaksanakan *Kuala Lumpur Regional Training Centre* (KLRTC) atau CIFAL Kuala Lumpur yang merupakan satu pusat latihan untuk melaksanakan program-program latihan dan pembangunan yang mana disertai oleh agensi-agensinya dalam negara dan negara-negara di rantau Asia Pasifik. Program tersebut memfokuskan kepada isu-isu perbandaran seperti perancangan dan pembangunan bandar, pengangkutan dan pengurusan sisa pepejal. Untuk tahun 2010, sebanyak dua (2) siri kursus telah berjaya dijalankan di Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertindak sebagai sekretariat utama.

Tahun 2010 merupakan tahun pertama pengekalan pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi keseluruhan DBKL setelah mendapat pensijilan pada 18 September 2009 yang lalu. Pada tahun ini juga, skop pensijilan "Penilaian Cukai Taksiran" oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah dimasukkan di dalam pensijilan keseluruhan DBKL berbanding tahun sebelumnya menjadikan skop pensijilan keseluruhan adalah 36 skop.



Audit Pemantauan ini telah dilaksanakan pada 21 September 2010 sehingga 30 September 2010 melibatkan empat orang Juruaudit SIRIM. Sesi audit ini dibuat bagi menilai keberkesanan sistem serta penambahbaikan-penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh DBKL dari semasa ke semasa.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah disyorkan untuk melaksanakan Amalan 5S. Penubuhan dan Pelaksanaan Jawatankuasa Pemandu bermula 17 Mei 2010. Sebanyak tiga (3) sesi lawatan kerja Amalan 5S ke Sektor Awam telah dilakukan sebagai penandaarasan agensi yang telah melaksanakan serta mendapat pensijilan Amalan 5S.

DBKL telah menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Putrajaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Wilayah Persekutuan dan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bagi menjalankan beberapa program yang telah diaturkan bersempena kempen perangi rasuah peringkat kebangsaan. Kerjasama itu bukan sahaja meliputi ceramah tetapi merangkumi kursus bagi peningkatan tahap kesedaran tentang bahayanya rasuah. Pada tahun ini, sebanyak lima (5) program telah dijalankan.

Peningkatan Kualiti dan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Bermula pada 4 Januari 2010, *call centre* DBKL telah mula beroperasi sepenuhnya. Melalui *call centre* ini, semua panggilan daripada orang awam sama ada berbentuk aduan atau pertanyaan berkaitan DBKL akan dilayan atau diberi penerangan oleh satu pasukan petugas yang khusus dan terlatih.

Sehingga 31 Disember 2010, *call centre* ini telah menyelesaikan sebanyak 20,816 (82%) aduan daripada 25,361 aduan yang diterima manakala 4,545 (18%) aduan masih dalam tindakan. Berdasarkan statistik ini, majoriti aduan yang diterima telah berjaya diselesaikan.



Pada tahun lepas juga, DBKL telah merangka Pelan Strategik DBKL 2010-2020. Pelan Strategik ini berperanan sebagai panduan halatuju pengurusan dan pembangunan DBKL agar selari bersama Pelan Strategik KWPKB. Pelan ini menggariskan lima (5) Matlamat Utama dengan disokong oleh lapan belas (18) teras yang membentuk Kerangka Strategi. Lima (5) matlamat tersebut adalah seperti berikut:

1. Bandaraya Milik Warga Kota;
2. Kemakmuran Ekonomi;
3. Bandaraya Saling Berhubung;
4. Bandaraya Eko; dan
5. Tadbir Urus Cepak dan Berkesan.

Pada 18 Oktober 2010, DBKL telah melancarkan KUL-Submission iaitu satu sistem penyerahan permohonan pembangunan ke *One Stop Centre* (OSC) dalam talian secara elektronik. Melalui *KUL-Submission* ini, permohonan-permohonan cadangan pembangunan seperti permohonan Kebenaran Perancangan, kelulusan Pelan Bangunan dan kelulusan Pelan-pelan Kejuruteraan yang memerlukan kelulusan dari DBKL dibawah keperluan undang-undang berkenaan boleh dikemukakan diproses dan dipantau secara *online*. Kejayaan melancarkan *KUL-Submission* ini merupakan satu inovasi penting DBKL dalam memudahcara urusan-urusan orang awam bersama DBKL. Adalah menjadi tanggungjawab DBKL untuk memastikan segala urusan berkaitan orang awam dapat dipercepatkan dan dilaksanakan dengan berkesan.



Sistem MyID (e-LESEN) juga dilancarkan bertujuan bagi mempromosikan perkhidmatan permohonan dan semakan status permohonan lesen penjaja. Sistem ini merupakan langkah inisiatif menggunakan nombor kad pengenalan sebagai nombor rujukan tunggal untuk warganegara Malaysia berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan.

Local Agenda 21 (LA21) pula merupakan suatu program yang menekankan penglibatan tiga

(3) pihak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (DBKL), masyarakat dan sektor swasta bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Terdapat empat (4) Tema Program LA 21 KL iaitu Bandar Raya Bersih dan Indah, Bandar Raya Sejahtera, Bandar Raya Selamat dan E-Bandar Raya. Berikutan dengan ini, berapa program dan bengkel telah diadakan sempena Local Agenda 21 (LA21). Antaranya ialah Majlis Pelancaran Kempen 'No Plastic Bag' bersama AEON JUSCO, Bengkel *Train the Trainer* 'Bandar Raya Sejahtera' dan Bengkel E-Bandar Raya 'Pembentukan Wawasan Masyarakat' dan Pelan Tindakan.

Undang-undang dan Penguatkuasaan

Dari segi pewartaan perundangan, sebanyak empat (4) perundangan telah diwartakan sepanjang tahun 2010 iaitu:

1. Akta (Perancang) Wilayah Persekutuan 1982
 - Perlantikan pengerusi dan timbalan pengerusi lembaga rayuan
 - P.U(B) 73/10
2. Akta Ibu Kota Persekutuan 1960
 - Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989
 - Perlantikan Ahli Lembaga Penasihat
 - P.U(B) 39/10
 - P.U(B) 293/10
 - P.U(B) 332/10
 - P.U(B) 332
3. Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan & Tatatertib) 1989
 - GN 13512/10
 - GN 31540/10
 - GN 27048/10
 - GN 18960/10
4. Akta Pengangkutan Jalan 1982
 - Pelantikan warden lalulintas
 - GN 31379/10

Sebanyak sembilan (9) cadangan pemansuhan perundangan yang telah dikemukakan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk semakan dan kelulusan kerana ianya tidak lagi digunapakai iaitu:

1. UUK Jalan, Parit dan Bangunan (Caj-Caj Pembedungan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985.

2. UUK Jalan, Parit dan Bangunan (Caj Pembersihan Tangki Najis dan Tangki Imhoff) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1983.
3. UUK Loji Pembedungan Persendirian (Membaiki dan Menyenggara) 1961.
4. UUK Pembedungan dan Parit 1957.
5. *Private Sewage Plant Construction By-Laws* 1960.
6. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Kutipan Tol) (Jalan Pahang) 1995.
7. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Kutipan Tol) (Jalan Cheras) 1991
8. Pemberitahuan di bawah seksyen 7 (Dato Bandar menurut perwakilan kuasa oleh Menteri Kerja Raya membenarkan Metramac Corporation Sdn. Bhd., tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian konsesi bertarikh 13/2/1992, menyerahkan haknya di bawah perjanjian tersebut dan hak untuk meminta, mengutip dan menyimpan tol kepada pihak-pihak yang dibenarkan)
9. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Jalan Kuching – Jalan Kepong) 1987.

Jumlah saman sivil sepanjang tahun 2010 adalah sebanyak 3,165 kes tuntutan sivil iaitu sebanyak 3,109 kes tuntutan yang dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur manakala kes-kes tuntutan daripada pihak luar adalah sebanyak 56 kes.

Penguatkuasaan Undang-undang

Notis kesalahan yang dikeluarkan kepada pesalah yang gagal mematuhi undang-undang sepanjang tahun 2010 adalah berjumlah 1,432,016 notis kesalahan telah dikeluarkan berbanding 1,224,757 pada tahun 2009. Kenaikan sebanyak 207,259 bersamaan 14.5%.

Penguatkuasaan Kawalan Kebersihan Premis dan Pengendalian Makanan

Pada tahun 2010, sebanyak 13,902 pemeriksaan telah dijalankan ke atas 4,388 buah premis makanan. Manakala pemeriksaan ke atas premis bukan makanan pula adalah sebanyak 6,992.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 3,798 notis kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mematuhi peruntukan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil yang digunapakai oleh DBKL.

Sepanjang tahun 2010, DBKL telah menjalankan operasi kebersihan di mana sasaran utama operasi ini adalah premis makanan. Dalam operasi yang diadakan sekali seminggu itu, sebanyak 3,445 premis telah diperiksa dan 1,325 kompaun telah dikeluarkan ke atas pelbagai kesalahan.

Penguatkuasaan Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2010, sejumlah 2,828 pemeriksaan telah dilakukan ke atas 2,058 premis. Sebanyak 473 aduan diterima dan kebanyakannya berkaitan dengan bunyi bising, habuk dan pembakaran terbuka.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 202 notis penguatkuasaan telah disampaikan kepada pemilik premis, manakala 127 notis kesalahan kompaun telah dikeluarkan.

Pengurusan Aduan

DBKL melalui Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan telah menerima sebanyak 3,559 aduan awam berbanding sebanyak 3,476 aduan dalam tahun 2010. Kenaikan sebanyak 83 aduan bersamaan 2.3%. Pecahan aduan mengikut bulan adalah seperti berikut:

Jenis Aduan Mengikut Kategori adalah seperti berikut:


BIL	JENIS ADUAN	JUMLAH
1.	Kesalahan Lalulintas	1,310
2.	Penjaja	538
3.	Setinggalan (Tanah Kerajaan)	267
4.	Halangan (Berhubung Tred)	495
5.	Jalan Kotor/Pengangkutan Bahan	247
6.	Kebersihan	370
7.	Taman	80
8.	Penjaga Kereta Tanpa Kebenaran	76
9.	Vandalisme	37
10.	Burung Gagak	11
11.	Halangan Struktur (Khemah/ Kabin)	-
12.	Lain-lain	128
JUMLAH		3,559

Selain itu, DBKL melalui Jabatan Seni Taman dan Kawalam Pembersihan Bandar juga menerima aduan awam melalui i-SPAAA, Pengaduan Awam Kuala Lumpur (PAKL), surat, akhbar, telefon, radio dan email. Berikut adalah statistik aduan yang diterima mengikut kategori bagi tahun 2010:

BIL	JENIS ADUAN	JUMLAH
1.	Pembersihan Jalan	738
2.	Pembersihan Longkang	815
3.	Sampah Longgok / Illegal Dumping	2124
4.	Sampah Kebun/ Pokok	470
5.	Pusat Tong	117
6.	Sampah Premis	267
7.	Longgokan Tanah / Pelbagai	173
JUMLAH		4704

Perancangan dan Pembangunan

DBKL menerima sebanyak 5,588 permohonan perancangan yang melibatkan permohonan kebenaran merancang. Ini menunjukkan terdapat peningkatan jumlah permohonan sebanyak 1,443 permohonan jika dibandingkan pada tahun 2009 iaitu sebanyak 4,145. Permohonan perancangan bagi tahun 2010 adalah seperti di Carta 2:



Pembangunan Kemudahan Awam

DBKL terlibat di dalam menjayakan projek *Little India*. Kawasan *Little India* ini telahpun dirasmikan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia bersama Perdana Menteri India pada 27 Oktober 2010. Projek yang dilaksanakan di sekitar kawasan Brickfields ini bertujuan untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur dan gerai-gerai penjaja dan kedai sedia ada di kawasan tersebut.



Taman Botani juga dibangunkan untuk dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan dan kebanggaan negara di peringkat antarabangsa dengan mempamer dan memperagakan kepelbagaian keunikan tanaman tropika.

Pembangunan Taman Botani ini melibatkan tiga (3) peringkat pembangunan iaitu Fasa Segera (*Immediate Phase*), Fasa Pertengahan (*Intermediate Phase*) dan Fasa Akhir (*Final Phase*). Buat masa ini, pembangunan taman tersebut bakal masuk ke fasa pertengahan.

DBKL turut telah menyediakan kemudahan pondok berteduh untuk 24 buah sekolah serta Projek Pedestrian Linkages yang menghubungkan stesen LRT ke kawasan komersial/bangunan di bawah projek NKRA. Syarikat Prasarana Negara Berhad telah dilantik untuk melaksanakan projek ini. Lokasi-lokasi projek adalah seperti berikut:

- Stesen LRT Bandaraya ke Menara DBKL 1;
- Stesen LRT Pasar Seni ke Pasar Seni; dan
- Stesen Monorel Hang Tuah ke Masjid Al-Bukhari.



Perkhidmatan Perbandaran dan Penyelenggaraan Bandar Raya

Pengurusan Tempat Letak Kereta

DBKL adalah bertanggungjawab untuk menguruskan tempat-tempat letak kereta di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti berikut:

- Tempat letak kereta P&D (Pay and Display atau Bayar dan Peraga)
- Tempat letak kereta terkawal
- Tempat letak kereta bermusim

Bilangan petak letak kereta dan kutipan hasil yang diperolehi pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

BIL	JENIS TEMPAT LETAK KERETA	BILANGAN PETAK	KUTIPAN TAHUN 2010 (RM)
1.	P&D	31,938	8,228,973.20
2.	Terkawal (21 buah tapak)	4,134	1,915,183.61
3.	Bermusim	689	1,452,450.70

Pengurusan Sisa Pepejal dan Kerja-kerja Pembersihan

DBKL melalui Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar (BKPB) memantau kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah yang dilaksanakan oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. (SFSB). Sebanyak RM 204,877,000.00 telah diperuntukan pada tahun 2010 yang merangkumi pengurusan kutipan sampah, pembersihan jalan, longkang dan illegal dumping bagi memastikan Bandaraya Kuala Lumpur berada dalam keadaan bersih dan selesa.



Penyelenggaraan Lampu Awam, Sistem Mekanikal dan Elektrikal

DBKL telah memasang dan menyelenggara lampu-lampu awam berdasarkan kategori seperti berikut:

- Kategori A
Dimana tiang 15 meter, 12 meter dan 9 meter tinggi dipasang dengan lampu berkuasa 400 watt, 250 watt dan 150 watt di jalan-jalan utama.
Anggaran bilangan tiang lampu : 28, 140 bilangan
Anggaran bilangan lampu : 36, 229 bilangan
- Kategori B
Lampu berkuasa 70 watt dan 150 watt dipasang pada tiang SAVR (sesalur atas voltan rendah) TNB, biasanya terdapat di kawasan perumahan.
Anggaran bilangan tiang lampu : 37, 000 bilangan
Anggaran bilangan lampu : 37, 000 bilangan
- Kategori C
Lampu hiasan jenis dekoratif/ antik dipasang di jalan-jalan terpilih seperti di Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja, Jalan Parlimen, Jalan Ampang, Jalan P.Ramlee, Jalan Raja Laut, Jalan Perdana/Lembah Perdana, Jalan Syed Putra dan sebagainya.
Anggaran bilangan tiang lampu : 3, 000 bilangan
Anggaran bilangan lampu : 5, 000 bilangan
- Kategori D
Lampu-lampu High Mast dengan ketinggian 25 meter, 30 meter, 35 meter dan 40 meter terdapat di persimpangan jalan dan persimpangan bertingkat.
Anggaran bilangan tiang lampu : 30 bilangan
Anggaran bilangan lampu : 240 bilangan
- Kategori E
Lampu-lampu hiasan yang dipasang di tiang-tiang lampu jalan sempena sesuatu pesta/festival dan perayaan tahunan seperti lampu 'Light Box', 'Net Light', Lampu Jurai, 'Strobe Light', 'Icycle Light' dan 'Colour Bulb', Lampu Ketupat/ Bintang, Lampu Tanglung dan Lampu Bunga Manggar yang dipasang di jalan-jalan terpilih di sekitar Kuala Lumpur bagi mengindahkan lagi suasana malam di sekitar Kuala Lumpur.

Pengurusan Landskap

DBKL telah menerima 120 permohonan dan sebanyak 119 permohonan Kelulusan Pelan Landskap telah diluluskan dengan kutipan hasil sewaan sebanyak RM16,850.00. Selain itu, Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan telah diadakan sempena sambutan Hari Landskap Negara yang disambut pada setiap 3 Mac pada setiap tahun. Program ini melibatkan sebanyak 12,060 pokok ditanam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di 11 kawasan parlimen.



Penilaian dan Pengurusan Hartanah

Penilaian Harta

DBKL bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2010 ialah 463,033 harta. Jumlah nilai tahunan pada tahun 2010 ialah RM8,258.40 juta berbanding RM7,854.80 juta pada tahun 2009 iaitu pertambahan sebanyak RM403.21 juta atau 5.13%.

Sumbangan Membantu Kadar (SMK)

Pada tahun 2010, persetujuan Nilai Tahunan bagi kerja-kerja Penilaian Semasa harta-harta Sumbangan Membantu Kadar yang mana berkuatkuasa mulai dari 1 Januari 2010 telah dicapai di antara DBKL dengan pihak Kerajaan Persekutuan. Jumlah sumbangan bagi Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.04% iaitu daripada RM19,214,990.40 bagi tahun 2009 kepada RM19,221,914.40 bagi tahun 2010. Secara keseluruhannya, ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.03% berbanding dengan tahun 2009.

Pengurusan Tanah

Sebanyak sepuluh (10) permohonan hak milik, lima (5) permohonan lesen menduduki sementara dan 31 permohonan perizaban tanah telah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian WPKL bagi tahun 2010. Dari jumlah permohonan tersebut, lima (5) permohonan hak milik, lima (5) permohonan lesen menduduki sementara dan sembilan (9) permohonan perizaban tanah telah diluluskan.

Projek Pembangunan dan Penilaian Outcome

Peruntukan RMK-9

Terdapat 55 projek RMK-9 di bawah tanggungjawab DBKL meliputi perbelanjaan sebanyak 92.86% dari peruntukan yang diterima iaitu sebanyak RM221.774 juta. Prestasi fizikal pelaksanaan projek pembangunan RMK-9 sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti dalam jadual 9:

BIL	STATUS	BIL. PROJEK	PERATUS (%)
1.	Siap	29	52.72
2.	Pembinaan	20	36.36
3.	Tender	-	-
4.	Dokumen Tender	2	3.64
5.	Reka Bentuk	2	3.64
6	Batal	2	3.64
JUMLAH		55	100

Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II)

Terdapat sepuluh (10) projek di bawah PRE II, iaitu sebanyak tujuh (7) projek telah disiapkan dan tiga (3) projek masih dalam pembinaan serta dijangka

siap pada suku ketiga 2011. Sebanyak 84.81% iaitu RM139.808 juta telah dibelanjakan dari peruntukan yang diterima iaitu sebanyak RM164.852 juta.

Peruntukan Khas Tebatan Banjir

Sebanyak RM35.55 juta telah diperuntukan pada tahun 2010 untuk 11 projek pembangunan yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf kolam takungan banjir dan sistem perparitan. Daripada 11 projek di bawah Peruntukan Khas Tebatan Banjir, sebanyak lima (5) projek telah siap, empat (4) projek dalam pelaksanaan dan dua (2) projek dibatalkan. Sebanyak RM30.82 juta telah dibelanjakan dengan prestasi perbelanjaan sebanyak 91.87%.



Peruntukan Khas RM250 juta

Peruntukan Khas RM250 juta disalurkan oleh Kerajaan Pusat bagi membiayai kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan perumahan bagi tempoh 2009-2010. Sejumlah RM202,286,262 atau 94.09% daripada RM214,961,100 peruntukan tahun 2010 telah dibelanjakan untuk tiga (3) projek pembangunan bagi menaiktaraf Kemudahan Perumahan Jual DBKL serta menaiktaraf dan baikpulih Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat DBKL. Ketiga-tiga projek masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2011.

Peruntukan Bidang Keberhasilan Utama Nasional

Sejumlah RM2,205,000 telah diperuntukan pada tahun 2010 untuk tiga (3) projek-projek *National Key Result Area* (NKRA) iaitu membina bangunan 'park & ride' di Stesen Transit-Pekan Sungai Besi dan Stesen Transit-Bandar Tasik Selatan serta membina Hentian Akhir Bandar untuk Bas Henti-Henti. Ketiga-tiga projek ini

masih dalam peringkat reka bentuk. Daripada jumlah peruntukan yang disediakan, sebanyak RM2,115,779 telah dibelanjakan dengan prestasi perbelanjaan mencapai 95.95%.



Pembiayaan Swasta

Peruntukan ini disalurkan oleh Petronas bertujuan membiayai kerja-kerja pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di sekitar Kuala Lumpur. Sehingga Disember 2010, sebanyak RM0.17 juta telah dibelanjakan bagi membina satu laluan pejalan kaki dari Berjaya Times Square ke Plaza Sungai Wang serta Lot 10 ke Hotel Park Royal sejauh 0.9 km dan dijangka siap pada November 2011.

Program Pembangunan Komuniti

Seminar Persatuan Penduduk

Seminar Persatuan Penduduk telah diadakan pada 24-26 April 2010 bertempat di PNB Ilham Resort, Port Dickson. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Ahmad Fuad bin Ismail, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Seramai 250 orang wakil Persatuan Penduduk telah menghadiri seminar tersebut dan sebanyak 12 kertas kerja telah dibentangkan semasa seminar tersebut berlangsung.

Majlis Sumbangan DBKL kepada Persatuan Penduduk

Majlis pemberian sumbangan DBKL kepada persatuan penduduk telah diadakan pada 13 Mei

2010 bertempat di Pusat Komuniti Sentul Perdana yang telah disempurnakan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal, Menteri WP dan Kesejahteraan Bandar. Sumbangan ini diberikan kepada seluruh Persatuan Penduduk yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sumbangan sebanyak RM5,000.00 bagi setiap persatuan ini bertujuan membantu persatuan mengadakan program berbentuk kemasyarakatan yang melibatkan seluruh komuniti setempat agar semangat perpaduan dan Gagasan 1Malaysia dapat diterapkan sehingga ke peringkat akar umbi.

Program Komuniti Harmoni 1Malaysia

Program ini telah diadakan pada 13 hingga 14 Mac 2010 bertempat di Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak Jaya dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah DBKL. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada persatuan penduduk setempat menganjurkan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan di kalangan penduduk berbilang kaum. Matlamat utama program ini adalah supaya masyarakat setempat dapat bergaul mesra serta melihat kepentingan perpaduan dan kerjasama dalam menjayakan sesuatu program dan tanggungjawab yang perlu.

Perancangan dan Pembangunan Komersial

DBKL telah menerima sejumlah 6,979 permohonan lesen baru dan mengeluarkan sejumlah 9,737 Lesen Penjaja Sementara musim perayaan. Pecahan lesen adalah 418 (4.30%) untuk Perayaan Tahun Baru Cina, 810 (8.32%) untuk Perayaan Deepavali dan 8509 (87.38%) lesen untuk Bazar Ramadan. Lesen Sementara Musim Perayaan dikeluarkan bagi memberi peluang kepada orang ramai yang berminat untuk mendapatkan pendapatan tambahan bagi menyambut perayaan.

Sejumlah 1724 lesen paparan iklan luar telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelesenan (Iklan) serta sebanyak 8,071 permohonan lesen premis perniagaan dikemukakan pada tahun 2010 dan hanya 3,318 permohonan lesen premis perniagaan telah diluluskan.

Aktiviti-aktiviti Pelancongan Kuala Lumpur

Festival Kuala Lumpur

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersama dua (2) rakan penganjur iaitu Kementerian Pelancongan dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) telah bersama-sama menganjurkan Festival Kuala Lumpur 2010 yang merupakan satu festival kesenian yang diadakan khusus untuk Kuala Lumpur. Pemilihan bulan Julai ini adalah berdasarkan kepada statistik kehadiran pelancong ke Malaysia khususnya Kuala Lumpur pada bulan Julai adalah yang tertinggi berbanding dengan bulan-bulan yang lain.



8th KL Vintage and Classic Car Concourse

Acara ini merupakan salah satu pengisian acara di bawah *KL Grand Prix City Festival 2010* bersempena acara sukan *Malaysian Petronas F1 Grand Prix*. Pameran serta pertandingan kereta vintaj, klasik dan klasik moden keluaran tahun 1920an hingga 1980an disertai oleh para pemilik kereta vintaj, klasik dan klasik moden dari seluruh Malaysia.



Formula 1 Malaysia Cultural Festival 2010

Persembahan kebudayaan daripada pelbagai etnik dan kaum di Malaysia ini adalah sebagai salah satu pengisian bagi bagi program '*KL Grand Prix City Festival 2010*' bersempena dengan *Malaysian PETRONAS Formula One Grand Prix*.



Mesyuarat *Council of Promotion for Tourism (CPTA)* in Asia kali ke-9

Mesyuarat CPTA ke-9 telah dihoskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jawatankuasa yang giat mempromosikan kegiatan pelancongan di beberapa buah ibu negara di Asia telah dianggotai oleh Tokyo, Bangkok, Hanoi, Kuala Lumpur, Jakarta, Delhi, Taipei dan Beijing. Di antara pengisian ialah mesyuarat yang telah diadakan di Perpustakaan Kuala Lumpur, Majlis Makan Malam bagi meraikan para delegasi, pameran pelancongan di KL Central dan juga lawatan sambil belajar ke Melaka.

Prestasi Kewangan

Akaun Mengurus yang Disatukan

Pada tahun 2010, Akaun Mengurus Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang Disatukan memperoleh hasil sebanyak RM 1,451.3 juta berbanding dengan tahun 2009 sebanyak RM 1,273.5 juta iaitu pertambahan sebanyak RM 177.8 juta. Peruntukan Perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM 1,103.0 juta dan sejumlah RM1,043.0 atau 94.6% telah dibelanjakan berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak RM 1,229.8. Oleh itu terdapat lebih sebanyak RM409.1 juta dibandingkan dengan tahun 2009 iaitu lebih sebanyak RM44 juta. Jadual 4 dan Carta 1 menunjukkan punca hasil DBKL tahun 2010 manakala Jadual 5 dan Carta 2 menunjukkan jenis-jenis perbelanjaan DBKL untuk tahun 2010.

JADUAL 4: Punca-Punca Hasil DBKL Tahun 2010

JENIS HASIL	(RM JUTA)
Cukai Pintu Am	770.5
Kawalan Binaan dan Perancangan	240.6
Lesen dan Denda	69.7
Faedah daripada Pelaburan	48.8
Sewa Rumah Kos Rendah	76.0
Bantuan Kerajaan Pusat	48.8
Hasil-hasil Lain	196.9
JUMLAH	1,451.3

JADUAL 5: Jenis-Jenis Perbelanjaan DBKL Tahun 2010

JENIS PERBELANJAAN	(RM JUTA)
Perkhidmatan	196.3
Pentadbiran Am	497.2
Kemudahan Sosial	34.1
Penyenggaraan Rumah Kos Rendah, Bangunan, Jalanraya dan Lain-lain	144.5
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	170.9
JUMLAH	1,043.0

Perbelanjaan Pembangunan

DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM1,017.3 juta untuk melaksanakan projek-projek pembangunan berbanding RM798.6 juta pada tahun 2009. Daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak RM789.2 juta atau 77.6% telah dibelanjakan, iaitu sebanyak RM336.8 juta untuk pembinaan jalan raya dan perparitan, RM253.3 juta untuk pembangunan am, RM197.9 juta untuk perumahan awam dan RM1.2 juta untuk tempat letak kereta. Daripada jumlah peruntukan RM1,017.3 juta, sebanyak RM687.6 juta adalah bantuan langsung Kerajaan Persekutuan. Jenis perbelanjaan untuk projek pembangunan adalah seperti di Jadual 6 dan Carta 2.

JADUAL 6: Jenis-Jenis Projek DBKL Tahun 2010

JENIS PROJEK	(RM JUTA)
Pembangunan Am	253.3
Jalanraya dan Perparitan	336.8
Rumah Pangsa dan Rumah Panjang	197.9
Tempat Letak Lereta	1.2
JUMLAH	789.2



Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Belanjawan Pembangunan dibahagi kepada dua (2) sumber peruntukan iaitu pembiayaan oleh DBKL dan pembiayaan daripada Kerajaan Pusat, untuk projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia KeSembilan (RMK-9), Tebatan Banjir, Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2 dan Peruntukan Khas Perumahan. DBKL telah memperuntukan sebanyak RM1,017.3 juta untuk melaksanakan projek pembangunan bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM687.6 juta adalah bantuan langsung Kerajaan Persekutuan. Pecahan sumber-sumber kewangan bagi projek pembangunan adalah seperti di Jadual 7.

JADUAL 7: Sumber Kewangan Bagi Projek Pembangunan 2010

BIL.	JENIS PROJEK	RM (JUTA)
1.	Bantuan Langsung Kerajaan Persekutuan	687.6
2.	Caruman daripada Pemaju	22.9
3.	Tempat Letak Kereta	9.5
4.	Dana Cukai Am	297.3
JUMLAH		1,017.3

Prestasi Kewangan Projek Pembangunan DBKL Sehingga 31 Disember 2010

BIL.	NAMA KUMPULAN WANG	PERUNTUKAN 2010 (RM)	BELANJA SEHINGGA 31 DISEMBER 2010 (RM)
(I)	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN AM		
1.	Bangunan Pejabat	27,428,000	32,838,032
2.	Bangunan Kemudahan Awam	20624,000	15,340,443
3.	Bangunan Komersial Pasar dan Gerai	35,650,000	3,766,293
4.	Bangunan Kemudahan Sukan	6,390,000	6,333,393
5.	Bangunan untuk Kemudahan Kakitangan	3,000,000	161,525
6.	Bangunan-bangunan Lain	7,830,000	6,793,289
7.	Kemudahan Kampung-kampung	6,500,000	5,803,559
8.	Kemudahan-kemudahan Rekreasi	65,670,300	64,736,566
9.	Pelbagai	74,128,320	83,488,737
10.	Kemudahan Lalu Lintas	42,530,000	26,106,332
11.	Kenderaan, Jentera, Aset dan Komputer	31,299,900	11,396,811
JUMLAH KECIL		331,050,520	253,264,980
(II)	KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN KEMAJUAN		
1.	Jalan Raya	333,840,860	275,752,270
2.	Perparitan	103,596,100	61,073,385
JUMLAH KECIL		437,436,960	336,825,655
(III)	KUMPULAN WANG PERUMAHAN		
1.	Rumah Pangsa – Perumahan Awam	171,593,500	132,797,381
2.	Rumah Panjang – Projek Perumahan Rakyat Pembinaan oleh Kerajaan Pusat	67,775,400	65,096,826,
JUMLAH KECIL		239,368,900	197,894,208
(IV)	KUMPULAN WANG LETAK KERETA		
JUMLAH BESAR		1,017,306,380	789,159,873



Perbadanan Putrajaya



PENGENALAN

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Contoh, tumpuan pada tahun 2010 adalah bagi meningkatkan tahap tadbir urus yang baik, sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan perkhidmatan perbandaran yang efisien bertujuan menjadikan Putrajaya sebuah Bandar Mampan.

Sehubungan itu, PPj meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan perkhidmatannya melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- Merangka Pelan Strategik PPj 2011-2015, Pelan Strategik ICT dan Pelan Strategik Kewangan;
- Merangka Pelan Tindakan Pengurusan Sumber Manusia, menyediakan draf Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dan PPj *Risk Management Framework*;
- Merancang pelaksanaan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS); dan
- Melaksanakan inisiatif dan strategi pengangkutan awam berpandukan dasar-dasar yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pengangkutan Awam (*Transport Action Plan*).

Inisiatif-inisiatif ini adalah merupakan langkah jangka sederhana bagi memastikan PPj sentiasa berada di landasan yang betul dalam mencapai visinya, serta pada masa yang sama memenuhi kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholders*).

DASAR BARU

PPj telah menggubal beberapa perundangan baru serta menggunakan garis panduan berikut sebagai sumber rujukan dan panduan dalam mentadbir dan membangunkan kawasan Putrajaya, antaranya adalah seperti berikut:

Penggubalan Perundangan Baru

- Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Putrajaya);
- Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Putrajaya);
- Peraturan-Peraturan Perbadanan Putrajaya (Rawatan dan Perubatan);
- Peraturan-Peraturan Perbadanan Putrajaya (Pengurusan Aset);
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Perniagaan (Wilayah Persekutuan Putrajaya);
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan Putrajaya);
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya); dan
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta).

Garis Panduan

- Garis Panduan Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya; dan
- Garis Panduan Pemasangan Papan Tanda Nama Bangunan Kerajaan.

PENCAPAIAN TAHUN 2010

Tahun 2010 mencatatkan rekod yang amat memberangsangkan apabila PPj memperolehi beberapa anugerah dan pengiktirafan dalam pelbagai aspek. Berikut adalah antara anugerah dan pengiktirafan yang diperolehi iaitu:

- Memperolehi pengiktirafan standard antarabangsa MS ISO 9001:2008 pada 1 Mac 2010 bagi Perkhidmatan Pelesenan, Cukai Taksiran dan Pengurusan Alam Sekitar;
- Menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2009 pada 27 September 2010 dengan memperolehi 4 bintang (skor sebanyak 93%);
- Pencapaian tahap Bandar Mampan dalam Program Pelaksanaan Petunjuk Bandar Malaysia (MURNInet) bagi tahun 2010 (skor sebanyak 94% - iaitu tertinggi berbanding bandar-bandar mampan yang lain); dan

- Anugerah Cemerlang Malaysia *Government Portals and Website Assessment* 2010 oleh Malaysian Development Corporation (MDeC) pada 11 November 2010 dengan mendapat penarafan lima (5) bintang.

Dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggannya, PPj juga turut berusaha untuk meningkatkan kecekapan dari beberapa aspek utama. Antaranya adalah seperti berikut:

Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Pada tahun 2010, Nadi Putra telah menerima sebanyak 80 buah bas tambahan menjadikan jumlah keseluruhan bas kepada 150 buah, 151 buah bas adalah berkuasa gas asli manakala selebihnya berkuasa diesel. Bas-bas ini berukuran 12 meter panjang dengan kapasiti 40 penumpang duduk dan 20 hingga 23 orang penumpang berdiri. Dengan jumlah bas sedia ada, tahap perkhidmatan bas dapat ditingkatkan iaitu bagi sebahagian laluan yang menyediakan perkhidmatan daripada 30 minit setiap satu kepada 20 minit dan di sebahagian lain dari 20 minit setiap satu kepada 15 minit kekerapannya. Laluan perkhidmatan juga ditambah dari 12 laluan kepada 19 laluan.



PPj juga telah berjaya memasang "Advanced Public Transportation System" (APTS) bagi menguruskan perkhidmatan bas-bas Nadi Putra secara cekap. Melalui sistem ini, perjalanan bas dapat diatur secara sistematik serta dipantau dan dikawal dengan berkesan menggunakan sistem penentu kedudukan global (GPS). Sistem ini juga membolehkan pemaparan maklumat mengenai ketibaan bas dibuat secara *real-time* di perhentian bas tertentu di Putrajaya. Sistem yang seumpama ini adalah yang pertama di Malaysia, dan sistem ini akan ditambahbaik lagi sehingga orang ramai dapat menyemak jadual perjalanan bas melalui khidmat SMS dan laman web.

Program Kitar Semula

Putrajaya boleh berbangga kerana terus mendahului bandar-bandar lain dari segi kejayaan dalam pelaksanaan program kitar semula di kalangan penduduk, sekolah dan pejabat. Dalam tahun 2010, sebanyak 7.5% daripada jumlah sisa pepejal di Putrajaya telah dikutip sebagai bahan kitar semula berbanding di bandar-bandar lain yang tidak sampai 5%. Dari segi kuantiti, kutipan tahun 2009 berjumlah 1,068 tan manakala bagi tahun 2010 jumlah kutipan dijangka melepasi 1,300 tan iaitu peningkatan melebihi 20%.

Dalam tahun 2010 juga, PPj telah melaksanakan dua (2) projek perintis untuk mengkompos sisa makanan. Projek pertama melibatkan pengasingan sisa makanan di kalangan 440 buah rumah untuk menjadikan kompos. Projek perintis yang kedua adalah pengkomposan sisa makanan dari Medan Selera yang diuruskan oleh PPj menggunakan sistem haba. Projek ini juga berjaya menghasilkan baja yang berkualiti.

Di samping itu, PPj juga melaksanakan aktiviti membuat kompos menggunakan bahan sisa buangan tumbuhan yang diambil di sekitar Putrajaya telah dimulakan pada tahun 2010 di Nurseri Pusat Taman Wetland dan sebanyak 1,000kg kompos telah dihasilkan pada tahun berkenaan. Bahan kompos yang dihasilkan ini digunakan semula sebagai bahan organik kepada tanaman dan dapat mengurangkan penggunaan baja kimia. Ia juga dijadikan sebagai sungkupan kepada tanaman yang boleh menahan kehilangan air dari proses air larian permukaan dan transpirasi.

Program Penghijauan Putrajaya

Program Penghijauan Putrajaya dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2009 yang melibatkan empat aktiviti utama iaitu:



1. Menanam pokok teduhan di kawasan-kawasan lapang dan di bahu jalan-jalan utama di bawah penyenggaraan PPj yang belum bertanam dengan pokok;
2. Menanam dan menyulam pokok teduhan yang sesuai di kawasan-kawasan yang dikenalpasti boleh meningkatkan kesan teduhan kepada persekitaran yang telah membangun;
3. Menaiktaraf kawasan-kawasan lapang berhampiran dengan kawasan kediaman untuk dijadikan kawasan rekreasi bagi penduduk, pekerja dan pelawat; dan
4. Meningkatkan amalan terbaik arborikultur dan hortikultur dalam pengurusan penjagaan pokok ameniti seperti pemangkasan, penggalakkan pertumbuhan akar pokok, pembajaan, kawalan perosak dan penyakit pokok dan sebagainya.

Sehingga akhir tahun 2010 jumlah pokok yang ditanam adalah sebanyak 8,463.

Program Perintis Teknologi Hijau

YAB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, menyatakan bahawa Putrajaya dan Cyberjaya akan dijadikan sebagai bandar perintis dalam teknologi hijau yang menjadi model kepada bandar-bandar lain.

Sehubungan itu, kajian *Towards Putrajaya Green City 2025 (PGC 2025) - Feasibility Study* telah dijalankan secara usaha sama antara Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia Green Technology Corporation, PPj, Kyoto University, Okayama University dan National Institute for Environmental Studies, Japan serta Asia Pacific Integrated Model team dan kajian tersebut telah diterbitkan pada Oktober 2010. Kajian bertujuan menyediakan pelan tindakan Putrajaya Bandar Hijau menjelang tahun 2025.



Projek Pembangunan

PPj telah menyiapkan beberapa projek pada tahun 2010 iaitu TADIKA Anak PERMATA di Presint 16, 11 gelanggang Futsal di Presint 18, 538 petak tempat letak kereta (TLK) terbuka di luar Kompleks E di Presint 1, I-Centre di Dataran Putra, 12 unit perhentian bas di Persiaran Perdana dan padang bola di Presint 1.

Menjadikan Putrajaya Lebih Vibrant

Bagi menjadikan Putrajaya lebih ceria, PPj telah menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti yang telah berjaya menggamit lebih dari tiga (3) juta pelancong dan pelawat datang ke Putrajaya.

PPj juga telah bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menganjurkan pelbagai acara lain seperti sambutan Hari Belia Negara, *Putrajaya Night Marathon*, Larian Ekiden dan sebagainya. Di samping itu, PPj juga bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia dan Tourism Malaysia serta Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk mempromosi Putrajaya dengan lebih agresif di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Pengurusan Risiko

Menyedari bahawa PPj juga berhadapan dengan beberapa jenis risiko semasa melaksanakan aktiviti atau program yang dipertanggungjawabkan kepadanya, kursus kesedaran berkaitan pengurusan risiko telah dilaksanakan kepada warga kerja PPj. Dokumen Kerangka Kerja Pengurusan Risiko yang di dalamnya mengandungi dasar dan strategi pengurusan risiko masih dalam peringkat akhir penyediaannya. Kaedah pengurusan risiko yang sistematik ini dijangka akan mula dilaksanakan dalam tahun 2011 sebaik sahaja Kerangka Kerja yang disediakan diluluskan oleh Anggota Perbadanan.

Penambahbaikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Kemajuan ICT telah banyak memberi manfaat kepada PPj dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam tahun 2010, antaranya ialah:

- Penggunaan CCTV bagi membantu kawalan keselamatan Polis berkonsepkan *MSafe City*;
- Integrasi CCTV dengan Mers 999;
- Facebook PPj bagi tujuan hebahan aktiviti yang dianjurkan di Putrajaya; dan
- Pelaksanaan bil berpusat (e-Bil).

AKTIVITI TAHUN 2010

International Hot Air Balloon Fiesta

International Hot Air Balloon Fiesta kali ini telah berjaya menarik seramai 250,000 orang pengunjung. Pada tahun ini sebanyak 23 buah belon telah menghiasi ruang udara Putrajaya di mana 5 daripadanya dibuka untuk orang ramai merasai pengalaman menaiki belon udara panas secara *tethered*. Belon-belon tersebut telah didatangkan khas dari beberapa buah Negara seperti Jepun, Jerman, Amerika Syarikat, Belgium, Switzerland, New Zealand, Belanda, Poland, Britain, Perancis, Thailand, Sri Lanka dan tidak ketinggalan Malaysia selaku tuan rumah. Selain daripada itu, beberapa acara sampingan telah turut diadakan bagi memeriahkan lagi suasana pesta.



Karnival Wow! Putrajaya

Penganjuran Karnival Wow! Putrajaya 2010 merupakan penganjuran kali pertama oleh PPj. Walaupun ia merupakan penganjuran kali pertama, namun sambutan yang diterima daripada orang ramai amat memberangsangkan. Dianggarkan lebih daripada 40,000 orang telah menghadiri karnival dua hari ini iaitu mulai 20-21 Februari 2010 yang dirasmikan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 20 Februari 2010.

Selain memperkukuhkan imej dan mempromosikan Putrajaya sebagai 'Bandar Raya Bersemangat dan Bertenaga', penganjuran karnival ini juga adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri untuk menjadikan Putrajaya lebih ceria dan bertenaga selepas waktu pejabat dan waktu malam. Antara komponen utama karnival ini ialah pameran sejarah perancangan dan pembangunan Putrajaya bertempat di khemah utama yang diadakan sepanjang tempoh karnival berkenaan. PPj turut mengagihkannya kalendar acara 2010 kepada para pengunjung bagi memaklumkan orang awam mengenai acara-acara yang berlangsung sepanjang tahun di Putrajaya. Berkonsepan sambutan yang meriah dan berwarna warni, karnival ini dipenuhi dengan pelbagai gerai jualan dan pameran seperti *Big Boys Toys*, *Hot Air Balloon*, *Auto Shows*, *Laman Seni*, *Car Boot Sale* dan lain-lain lagi. Untuk golongan belia, karnival ini menyediakan pertunjukan *car drift*, *remote control*, pertandingan futsal dan banyak lagi.



Majlis Pelancaran Karnival Wow! Putrajaya dan sambutan daripada orang ramai di tapak karnival

Floria Putrajaya 2010

Festival Bunga dan Taman Putrajaya atau lebih dikenali sebagai Floria Putrajaya telah berlangsung selama sembilan hari bermula 10 Julai 2010 dan berakhir pada 18 Julai 2010 bertempat di Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya. Tanaman *Heliconia* telah dipilih sebagai bunga tema FLORIA 2010 di mana pelbagai spesies *Heliconia* dipamer dan disusun dalam reka bentuk taman dan landskap, hiasan dan gubahan bunga. Spesies lain yang dipamerkan juga adalah *Alpinia* (Halia), *Canna*, *Costus* (Setawar), *Musacea* (Pisang) dan *Strelitziaceae* (Bird of Paradise).



Majlis Perasmian Festival Bunga dan Taman (Floria) Putrajaya oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia



Sesi Lawatan YAB. Perdana Menteri ke Tapak Pameran Festival Bunga dan Taman (Floria) Putrajaya

Persidangan Antarabangsa Bandar Hijau Putrajaya

YAB. Perdana Menteri Malaysia yang berucap semasa pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 telah mengumumkan polisi kerajaan untuk menjadikan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai perintis Bandar Hijau. Selaras dengan hasrat Kerajaan, maka PJP dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah mengadakan Persidangan Antarabangsa Bandar Hijau Putrajaya (Green Cities International Conference) pada 23 hingga 24 Februari 2010.


Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin dan dihadiri oleh 300 orang. Sebanyak 12 orang pembentang jemputan dari dalam dan luar negeri telah membentangkan kertas kerja dalam seminar ini. Antaranya, Mr. Hiroaki Suzuki dari World Bank Washington DC, Mrs. Debra Just dari Adelaide City Council, YBhg. Dato' Paduka (Dr) Ir. Hj Keizrul bin Abdullah iaitu mantan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.



Majlis Perasmian dan Sidang Akhbar Persidangan Bandar Hijau



Perbadanan Labuan



PENCAPAIAN TAHUN 2010

ASPEK SOSIAL DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Perbadanan Labuan telah melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti program peningkatan kemahiran Ketua-ketua Kampung, peningkatan kecemerlangan pendidikan dan Ko kurikulum, peningkatan pendapatan dan taraf hidup, menyediakan infrastruktur asas seperti jalan kampung, jambatan, tempat perniagaan dan sebagainya. Sejumlah lapan (8) program telah dilaksanakan berdasarkan teras menjana masyarakat berilmu iaitu:

1. Gotong-royong 1Malaysia Kg. Lubuk Temiang;
2. Gotong-royong 1Malaysia Kg. Sg. Miri;
3. Program Keagamaan;
4. Program Pembangunan Minda Insan I;
5. Program Pembangunan Minda Insan II;
6. Program Keusahawanan Pencetus Usahawan Unggul;
7. Program Lalu Lintas Shell Peringkat Sekolah WP Labuan; dan
8. Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Shell dengan Agensi-Agensi Kerajaan di WP Labuan.

Pada tahun ini selaras dengan KPI jabatan, PL telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu menjadikan WP Labuan berstatus sifar miskin tegar. Sebanyak 34 orang (100%) miskin tegar yang direkodkan dalam senarai e-kasih berjaya dikeluarkan manakala 60 orang (35%) lagi dari golongan miskin. Sejumlah sembilan (9) program pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Program Kemahiran dan Latihan;
2. Program Pembangunan Minda Insan;
3. Program Kemahiran Pendidikan;
4. Program Pembangunan Minda Insan II;
5. Program Membaiki Telefon Bimbit;
6. Program Kimpalan;
7. Program Amanah Saham Bandar;
8. Program Bantuan Sewa Rumah; dan
9. Program Bantuan Peralatan.

Projek pembangunan

Sejumlah sembilan (9) projek pembangunan telah siap dilaksanakan di bawah peruntukan RMKe9 Perbadanan Labuan dan lain-lain peruntukan kerajaan termasuk peruntukan pembangunan dari pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu:

1. Masjid Kg. Sg. Labu

Bangunan masjid ini telah beroperasi sepenuhnya di bawah seliaan pihak JAWI dan AJK surau al-Ikhsan, Kg. Sg. Labu. Masjid ini berkapasiti 200 orang jemaah pada satu masa yang turut dilengkapi dengan kemudahan dewan solat berasingan antara lelaki dan wanita, bilik imam, bilik sistem pembesar suara, bilik pengurusan jenazah, bilik air, menara, ruang wudhu' dan dapur/utiliti. Sesuai kos pembinaannya berharga RM2.4 juta dengan lokasinya menghadap ke laut memberikan pemandangan menarik terutama apabila masuk waktu solat maghrib.

2. Halal Hub Fasa Pertama

Projek yang melibatkan kos sebanyak RM26.0 juta ini melibatkan kawasan seluas lima (5) ekar yang terletak di Kiamsam telah dapat disiapkan pada 14 Disember 2010. Komponen utamanya projek ini ialah bangunan kilang dua (2) tingkat dengan keluasan lantai 2,380 meter persegi dengan kemudahan pemunggahan kontena dan 90 lot petak letak kereta.



3. Kerja Lencongan Jalan Baharu di Jalan Ranca-Ranca untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Projek ini melibatkan kerja-kerja membina jalan raya lencongan berturap sepanjang 450 meter untuk menggantikan laluan Jalan Ranca-Ranca sedia ada di atas tapak IKS serta kerja-kerja berkaitan seperti membina tembok penahan, longkang konkrit dan pemasangan penghadang jalan dan lampu jalan dengan kos keseluruhan pembinaan berjumlah RM1.8 juta. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 6 September 2010.

4. Pembinaan 4 Unit Kedai Teres 1 Tingkat

Lokasi projek ini terletak di kawasan penempatan semula setinggan di Kg. Sg. Bangat dan telah siap sepenuhnya pada 21 Mei 2010. Projek ini melibatkan kerja-kerja membina dan menyiapkan empat (4) unit bangunan kedai teres seluas 72 meter persegi setiap unit serta kerja-kerja membina infrastruktur asasnya dengan kos pembinaan berjumlah kira-kira RM500,000.00.

5. Pembinaan Kemudahan Tandas dan Pengindahan Pantai Tg. Batu

Projek yang melibatkan kos sebanyak RM800,000.00 ini telah siap pada 20 Oktober 2010. Terdapat pelbagai kemudahan bangunan yang telah disediakan bagi kemudahan OKU. Terdapat ruang mandi terbuka yang berasingan lelaki dan perempuan, kerusi menunggu yang berbumbung, kaunter, serta sistem pengumpulan air hujan (SPAH). Projek ini juga menyediakan kawasan mini rekreasi dengan menempatkan gazebo dan taman permainan kanak-kanak bersebelahan tempat meletak kereta.

6. Gerai Makan Kg. Lubok Temiang

Projek ini siap sepenuhnya pada 31 Disember 2010 dengan kos projek sebanyak RM0.9 juta. Projek ini menyediakan kemudahan bangunan gerai makan dilengkapi empat (4) unit gerai, dua (2) unit mangkuk cuci tangan dan ruang makan terbuka. Turut disediakan bangunan tandas lelaki dan perempuan dengan setiap unit dilengkapi dua (2) unit tandas, satu (1) unit urinal (lelaki) dan mangkuk cuci tangan yang terletak di luar gerai.

7. Laluan Berbumbung di Jalan Merdeka

Projek yang melibatkan kos sebanyak RM90,000.00 ini telah disiapkan pada 10

November 2010 merupakan kemudahan kepada pejalan kaki yang melalui Jalan Merdeka. Jarak laluan sepanjang 30 meter di antara Siswazah Corner ke Terminal Feri Penumpang Antarabangsa.

8. Projek Beach Renourishment

Melibatkan pembinaan dua (2) buah Groyne iaitu pemecah ombak bersaiz 200 meter panjang dan 20 meter lebar di pantai Kg. Batu Manikar. Projek yang siap pada 26 November 2010 ini melibatkan kos sebanyak RM6.6 juta.

9. Penyediaan Tapak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta Stor Sepusat

Projek ini melibatkan kerja-kerja pemotongan dan penambakkan tanah serta kerja-kerja tanah yang lain seluas 25 ekar serta kerja-kerja berkaitan seperti membina tembok penahan, penanaman rumput di cerun bukit, jalan konkrit, longkang dan mengeluarkan lebihan tanah ke Kg. Pengkalan Kapor, Ranca-Ranca. Kos pembinaan berjumlah RM3.0 juta yang menyediakan sejumlah 43 lot tapak IKS. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 6 Ogos 2010.

Penilaian Outcome Projek Pembangunan RMKe9

Perbadanan Labuan telah menyediakan penilaian *outcome* bagi projek-projek pembangunan di bawah RMKe9. Sesi pembentangan hasil penilaian *outcome* telah dibentangkan dalam Mesyuarat Teknikal *Outcome* PL dan pada Sesi Pembentangan Kertas Penilaian *Outcome* Program/Projek Pembangunan RMKe9 Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* ICU, JPM (JKPO). Senarai projek siap yang dibentangkan adalah seperti berikut:

- Cadangan membina dan menyiapkan sebuah bangunan dua (2) tingkat Pusat Aktiviti Kebudayaan;
- Cadangan pembangunan semula tapak pasar sedia ada; dan
- Cadangan pembinaan *X-Treme Arena*.

Penganjuran Acara Pelancongan

Usaha menggalakkan pelancongan, kebudayaan dan kesenian terus dipergiat dalam tahun 2010. Tumpuan diberikan khusus terutamanya dalam penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan domestik yang banyak menyumbang kepada ketibaan pelancong ke WP Labuan. Acara-acara yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL ACARA PERINGKAT ANTARABANGSA

1. **Labuan International Sea Challenge (LISC) 2010**
Pengisian acara adalah seperti berikut:
 - a. *Labuan International Games Fishing Tournament*
 - b. Pertandingan Joran Pesisir Pantai
 - c. *Cross Channel Swimming Challenge*
 - d. Pertandingan Bayi Sihat
 - e. Pertandingan Arca Bertemakan Marin
 - f. Pertandingan Pukul Bantal
 - g. *Round Island Kayak Challenge*
 - h. *Kayak Sprint*
 - i. Pertandingan Model XXXL
 - j. Pertandingan Memanjat Tiang Licin
 - k. Pertandingan Tarik Tali Berperahu
 - l. Pertandingan Joran Pantai
 - m. Pertandingan Mewarna
2. **Borneo International Yachting Challenge (BIYC) 2010**
3. **Remembrance Day 2010**
4. **WWII Memorial Ceremony 2010**

**BIL ACARA PERINGKAT KEBANGSAAN**

1. **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2010**
Pengisian acara adalah seperti berikut:
 - a. Pertandingan Kibar Bendera Wilayah
 - b. Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Hari Wilayah Persekutuan
 - c. Pertandingan Takraw Tertutup W.P Labuan
 - d. Pertandingan Futsal Tertutup W.P. Labuan
 - e. Pertandingan Bowl Integrasi dan Terbuka W.P Labuan
 - f. Pertandingan Tarik Tali Integrasi W.P Labuan
 - g. Pertandingan Gasing Pangkah Jemputan Borneo
 - h. Golf Terbuka W.P Labuan
2. **Sambutan Hari Kemerdekaan/Hari Malaysia**
Pengisian acara adalah seperti berikut:
 - a. Pertandingan Lagu-lagu Patriotik Peringkat W.P Labuan
 - b. Pertandingan Takraw Tertutup W.P Labuan
 - c. Pertandingan Memancing Pesisir Pantai
 - d. Majlis Tahlil dan Doa Selamat Kemerdekaan
 - e. Pertandingan Kibar Jalur Gemilang
3. **Program Ekspedisi Berkayak Cabaran Borneo 2010**
4. **Program Perarakan Berjubah Graduan Sempena Majlis Konvo UMS**
5. **Program Derau Bahasa dan Sastera**



Persijilan MS ISO 9001:2008

Persijilan MS ISO 9001:2008 untuk Perbadanan Labuan disambung bermula 18 November 2010 hingga 17 Disember 2013. Aktiviti yang dipersijilkan iaitu Proses Kawalan Perniagaan dan Penguatkuasaan, Pengurusan Tandas Awam dan Kawalan Perancangan dan Kawalan Bangunan. Hasil auditan yang dilaksanakan pada 13 hingga 15 November, melaporkan bahawa pihak audit telah berpuas hati dan mendapati Sistem Pengurusan Kualiti di PL adalah mengikut keperluan proses organisasi. Bagi meningkatkan kefahaman mengenai ISO, sebanyak tiga (3) siri kursus telah diadakan pada tahun 2010.

Portal Bertaraf 5 Bintang

Perbadanan Labuan telah disenaraikan antara Agensi kerajaan yang terlibat dalam projek *ICT Managed Portal Services* (MPS). MPS merupakan teknologi komunikasi informasi (ICT) bagi membangun dan meningkatkan laman web/portal Kementerian dan Agensi Kerajaan serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Melalui projek ini juga, laman web PL telah menunjukkan peningkatan yang sangat membanggakan apabila mendapat penarafan Lima (5) Bintang dan berada di kedudukan ke-10 daripada 1,145 portal/laman web yang dinilai oleh *Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd* (MDeC) dalam tahun 2010. Pencapaian laman web PL sejak dibangunkan adalah seperti di bawah.

TAHUN	2010	2009	2007	2006	2005
Markah Keseluruhan	82	59	43	26	15.5
Kedudukan	10	22	31	48	72
Penarafan Bintang	5	3	3	2	1

Lawatan Kerja YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengadakan lawatan kerja ke WP Labuan sempena pelbagai program yang dianjurkan di peringkat WP Labuan sepanjang tahun 2010. Senarai lawatan kerja YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ke WP Labuan adalah seperti di bawah:

BIL	ACARA/PROGRAM	TARIKH
1.	Majlis Penutup Hari Wilayah Persekutuan	28 Februari
2.	<i>Labuan International Sea Challenge</i> /Pesta Air dan Perhimpunan Bersama Ketua-Ketua Jabatan di Labuan	30 April-3 Mei
3.	Program Media di WP Labuan	7-8 Ogos
4.	Pecah Tanah Padang Golf WP Labuan	9 Ogos
5.	Majlis Berbuka Puasa PL / Bersahur	3-4 Sept.
6.	Majlis Sambutan Hari Raya PL	7 Okt.
7.	Mesyuarat Exco Tanah	26 Okt.



Program Penanaman Pokok Serentak

Program Penanaman Pokok Serentak peringkat WP Labuan telah diadakan di Pantai Kg. Sg. Miri pada 27 Mac 2010. Program ini adalah bersempena dengan Sambutan Hari Landskap Negara peringkat WP Labuan. Sebanyak 1000 pokok telah ditanam di sekitar kawasan pantai Kg Sg Miri, Kg Layang-Layangan dan Kg Tg. Aru/Lubuk Temiang. Program Penghijauan Labuan ini telah dilancarkan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

Program Kitar Semula

Program kitar semula yang dilaksanakan terbahagi kepada Program Kesedaran dan Program Pendidikan. Program Kesedaran Kitar Semula ini melibatkan 27 kampung, 57 taman perumahan dan beberapa agensi kerajaan dengan pengisian aktiviti seperti pameran, mengedarkan risalah dan jual beli barangan kitar semula. Manakala program pendidikan kitar semula pula memberi tumpuan kepada para pelajar sekolah dengan aktiviti ceramah, pameran, mengedarkan risalah, pemberian cendermata dan jual beli barangan kitar semula. Sejumlah 26,633.50 kg barangan kitar semula telah dikumpul sehingga bulan Disember 2010.

Sistem Penggredan Premis Makanan

Bagi tahun 2010, sebanyak 135 premis (Restoran dan Kedai Kopi) telah dinilai dari aspek kebersihan makanan dan digred A dan B.

Penggredan Premis Makanan (Restoran/Kedai Kopi)

BIL	BILANGAN PREMIS MAKANAN (BUAH)	PERATUSAN PREMIS DINILAI (%)	PERATUSAN MARKAH PENILAIAN (%)	GRED
1.	38	28.2	85-100	A
2.	85	62.9	75-84.9	B
3.	12	8.9	0-74.9	Tiada Gred

Perkhidmatan Perpustakaan Awam Labuan (PAL) dan Perpustakaan Desa (PD)

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh Perpustakaan Awam Labuan bagi menggalakkan warga Labuan berkunjung ke Perpustakaan Awam Labuan yang baru iaitu di Menara PL. Perpustakaan Awam Labuan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 September 2010 yang merangkumi tiga (3) bahagian iaitu tingkat satu (1) untuk bahagian kanak-kanak, tingkat dua (2) untuk bahagian dewasa dan bahagian multimedia di tingkat tiga (3). Secara khususnya bangunan baru perpustakaan ini telah menyediakan lebih kemudahan kepada pengguna berbanding sebelumnya seperti bilik perbincangan khas, ruang multimedia yang lebih luas dan selesa serta bilik audio visual. Kemudahan ini dapat memenuhi kehendak pengguna perpustakaan yang berjumlah lebih 30,000 setahun. Bangunan baru Perpustakaan Awam ini telah dirasmikan pembukaannya oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 7 Oktober 2010. Aktiviti yang telah dilaksanakan oleh PAL dan PD pada tahun ini adalah seperti berikut:

- Kursus Asas Pengurusan Pusat Sumber;
- Kempen Bulan Membaca;
- Aktiviti Peneguhan Kendiri Pendidikan Khas;
- Program Pintu ke Pintu; dan
- Program Taklimat Perpustakaan Desa.

Aktiviti ini telah menyumbang kepada peningkatan kepada jumlah ahli dan pengunjung ke Perpustakaan Awam Labuan dan Perpustakaan Desa. Statistik perbandingan adalah seperti di bawah.

Jadual: Statistik Perbandingan Penggunaan PAL dan PD

BIL	PERKARA	KEAHLIAN PERPUSTAKAAN			PENGUNJUNG (ORANG)			JUMLAH BUKU (NASKHAH)		
		2009	2010	%	2009	2010	%	2009	2010	%
1.	Perpustakaan Awam Labuan	6,397	7,112	+11	41,367	50,035	+21	83,180	87,288	+5
2.	Perpustakaan Desa Sungai Labu	463	526	+14	8,991	9,310	+4	2,980	3,980	+34
3.	Perpustakaan Desa Durian Tunjong	388	433	+12	7,562	7,704	+2	3,564	4,564	+28
4.	Perpustakaan Desa Lajau	108	337	+212	1,337	4,588	+243	1,000	2,988	+199
5.	Pusat Akademi Desa Batu Manikar	-	-	-	3,107	2,968	-4	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		7,356	8,408	+14	62,364	74,605	+20	90,724	98,820	+9






Menara PIH

البيان



Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan



PENCAPAIAN TAHUN 2010

Dalam usaha menjadi sebuah Jabatan yang unggul dalam urusan pentadbiran tanah, maka visi dan misi perlulah dijadikan sandaran untuk mencapai maklumat yang telah ditetapkan. Dalam tahun 2010, PPTG WP telah melaksanakan beberapa pembaharuan dan perubahan khususnya dalam mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan terutamanya bagi urusan pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan. Melalui penambahbaikan ke atas sistem penyampaian ini terutamanya yang berkaitan dengan proses kelulusan pembangunan tanah, industri hartanah di Wilayah Persekutuan dijangka akan dapat berkembang lagi.

Konsep 1 Hari Daftar Urusniaga Tanah PPTG WP merupakan konsep yang memberikan perkhidmatan yang lebih cepat dan tepat di mana urusan pindahmilik dapat diproses dalam jangka masa satu (1) hari bekerja sahaja, berbanding 30 hari sebelum ini. Dengan ini, proses penyerahan diharap dapat diselesaikan dalam tempoh yang minima selaras dengan usaha-usaha berterusan bagi memenuhi tuntutan pelanggan yang berurusan di PPTG WP.

PROGRAM CABUTAN BERTUAH PEMILIK TANAH

Selaras dengan hasrat Jawatankuasa Pemudah supaya kutipan hasil Kerajaan dipertingkatkan terutamanya di sekitar Lembah Klang, PPTG WP telah menganjurkan cabutan kepada pemilik tanah bertuah yang menjelaskan cukai tanah mereka secepat mungkin dengan menawarkan hadiah yang lumayan. Sehingga 31 Disember 2010, pungutan hasil ialah RM400 juta berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan iaitu RM221 juta. Ini membuktikan dengan adanya insentif dan promosi bayaran cukai tanah, kutipan hasil boleh ditingkatkan. Di samping itu, untuk menggalakkan pemohon-pemohon menjelaskan bayaran premium, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bersetuju memberikan insentif berupa Diskaun Premium Pemberilikan Tanah (Notis 5A) dan Diskaun Premium Tukar Syarat (Notis 7G). Diskaun ini adalah dalam bentuk pengurangan bayaran premium kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium di dalam tempoh ditetapkan.



Seminar Pengurusan Tanah 2010



Majlis Pelancaran Insentif Cukai Tanah "Jom Bayar dan Menang" dan 1Hari Daftar Urusniaga Tanah

PUSAT SETEMPAT

Dalam usaha PPTG WP meneruskan kesinambungan penambahbaikan ke atas sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, Pusat Setempat (OSC) telah dilancarkan. Ia merupakan satu inisiatif PPTG WP bagi mempercepatkan proses kelulusan berkaitan pemajuan hartanah di Wilayah Persekutuan. Selain itu, bagi membantu Kerajaan memudahcara proses penjualan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengecualikan beberapa bayaran yang terpaksa ditanggung oleh pembeli. Antaranya ialah kos kebenaran pindahmilik tanah, kos kebenaran menggadai, kos perserahan pindahmilik, kos permohonan hakmilik strata dan kos pendaftaran dan pengeluaran hakmilik strata.

PROGRAM PERKONGSIAN PINTAR

PPTG WP juga terus komited dalam meningkatkan kawalselia. Dalam hubungan ini, PPTG WP sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi operasi-operasi penguatkuasaan. Sebagai contoh OPS KAPAS yang dilaksanakan sepanjang tahun 2010 telah berjaya merampas serta menyita 35 buah lori pasir dengan nilai kompaun sebanyak RM73,500.00. Penguatkuasaan ini dijalankan bagi memastikan pengeluaran bahan batuan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Permit-permit pengeluaran bahan batuan perlu dikawal kerana ia juga melibatkan isu alam sekitar.

Tahun 2010 telah mencatatkan kejayaan yang amat membanggakan bagi PPTG WP. Pelbagai usaha ke arah penambahbaikan telah berjaya dilaksanakan. Semua kejayaan dan pencapaian ini adalah hasil daripada kerjasama yang erat di kalangan warga PPTG WP. Komitmen dan tumpuan yang cemerlang ini akan dapat diteruskan lagi bagi mencapai kejayaan yang lebih baik. Semoga pada tahun ini, warga PPTG WP akan terus mempergiatkan usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan.







Majlis Sukan Wilayah Persekutuan



AKTIVITI TAHUN 2010

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
31 Jan 2010	<p>Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan dan Insentif Atlet Elit</p> <p>Majlis ini diadakan adalah untuk menghargai para atlet dan jurulatih di atas usaha yang berterusan dan komitmen yang ditunjukkan dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan di Wilayah Persekutuan. Di samping itu, majlis ini juga bertujuan untuk menyalurkan bantuan peralatan bagi keperluan Persatuan dalam mempersiapkan pasukan ke SUKMA XIII, Melaka 2010 dan merupakan satu medium untuk mengiktiraf dan meningkatkan motivasi semua Persatuan terutamanya para atlet untuk terus berusaha ke arah kecemerlangan sukan dalam membawa visi Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera.</p>	Dewan Siantan 1, Perbadanan Putrajaya
4-6 Feb 2010	<p>Kem Motivasi Pengurus dan Jurulatih Kontinjen Wilayah Persekutuan</p> <p>Kem ini diadakan adalah bagi menilai semula pencapaian serta prestasi para atlet berdasarkan penjadualan latihan (periodization) yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009. Ia juga bertujuan untuk menilai semula tahap persediaan pasukan dalam menghadapi SUKMA XIII, MELAKA 2010 serta menetapkan sasaran pingat Kontinjen Wilayah Persekutuan.</p> <p>Di samping itu, kem ini juga membolehkan setiap pasukan merancang penambahbaikan dalam sistem latihan dan penjadualan mereka, terutamanya mengenal pasti kelemahan sedia ada bagi meningkatkan lagi prestasi pencapaian di SUKMA XIII, Melaka 2010. Dengan penganjuran kem ini juga dapat mengeratkan lagi semangat sepasukan dan kerjasama di antara pengurus dan jurulatih serta pegawai-pegawai dan juga Pengurusan Tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) serta Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).</p>	Sandy Beach Resort, Langkawi, Kedah
18 Feb 2010	<p>Majlis Penyerahan Geran Bantuan kepada Persatuan-Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan</p> <p>Majlis ini diadakan bagi menyalurkan geran bantuan untuk membolehkan pengurusan Persatuan melaksanakan keperluan dan aktiviti-aktiviti tahunan bagi membantu Persatuan melaksanakan perancangan untuk meningkatkan lagi pembangunan dan kemajuan sukan di Wilayah Persekutuan. Di samping itu, penyerahan geran bantuan ini juga diharap dapat membantu semua Persatuan Sukan melaksanakan urus tadbir Persatuan dengan lebih berkesan.</p>	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



16-19 Mac 2010	<p>Kem Motivasi Sukan Malaysia Ke-XIII, Melaka 2010 Kontinjen Wilayah Persekutuan</p> <p>Tujuan kem ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan semula tahap kesediaan para atlet, terutamanya dari aspek fizikal dan mental yang merangkumi daya ketahanan dan kecergasan dalaman para atlet dalam mempersiapkan diri menghadapi SUKMA XIII, Melaka 2010.</p> <p>lanya juga bagi memantapkan sahsiah diri terutamanya keupayaan atlet untuk menanamkan semangat juang dan daya saing yang tinggi dalam menghadapi sesuatu pertandingan. Kem ini juga dapat memupuk semangat 1 Wilayah dalam diri setiap alet dan semangat sepasukan serta kerjasama di antara pengurus, jurulatih dan atlet daripada pelbagai jenis sukan.</p> <p>la juga dapat mengeratkan lagi hubungan di antara para atlet, pengurus dan jurulatih serta pegawai-pegawai dan juga Pengurusan Tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).</p>	Kem Sentosa, Chendering, Tapah, Perak (Kem Pusat Latihan Khidmat Negara)
15 Mei 2010	<p>Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia Ke-XIII, Melaka 2010</p> <p>Mewujud dan melahirkan semangat berpasukan antara atlet-atlet pelbagai sukan demi mengukuhkan lagi Kontinjen Wilayah Persekutuan serta sentiasa berfikir sebagai satu pasukan yang mendukung jati diri, kecekalan dan daya saing yang berterusan. lanya juga memupuk kesedaran terhadap tanggungjawab untuk membawa nama Wilayah Persekutuan untuk mencapai kecemerlangan semasa SUKMA XIII, Melaka 2010 berlangsung. Di samping itu, majlis ini juga dapat memperkukuhkan lagi kerjasama antara atlet, pengurus, jurulatih serta Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Kontinjen Wilayah Persekutuan.</p>	Stadium Badminton Kuala Lumpur, Cheras
27 Mei 2010	<p>Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat Kontinjen Wilayah Persekutuan</p> <p>Majlis ini diadakan adalah bertujuan untuk memohon keredhaan dan keselamatan Kontinjen Wilayah Persekutuan sepanjang SUKMA XIII, Melaka 2010 berlangsung dan seterusnya mencapai sasaran pingat yang ditetapkan. la juga dapat memupuk kesefahaman dan kesepaduan antara Pengurusan Tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Ahli-ahli Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Kontinjen Wilayah Persekutuan dengan Pengurus, jurulatih dan atlet yang akan menyertai Temasya SUKMA XIII, Melaka 2010</p>	Surau Aras 2, Blok 1, Menara PJH, Presint 2, Putrajaya



TEMASYA SUKAN MALAYSIA XIII, MELAKA 2010

Kontinjen Wilayah Persekutuan telah mengambil bahagian di dalam Temasya SUKMA XIII, Melaka 2010 yang berlangsung pada 10 hingga 19 Jun 2010 di sekitar negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah. Penyertaan Kontinjen Wilayah Persekutuan merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPPj) dan Wilayah Persekutuan Labuan (WPL) termasuk juga urusetia kontinjen.

Pada SUKMA XIII, Melaka 2010 kali ini, Kontinjen Wilayah Persekutuan telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi iaitu sebanyak 40 pingat emas atau menduduki tangga ke-3 keseluruhan. Kontinjen Wilayah Persekutuan telah berjaya mengutip sebanyak 43 Emas, 42 Perak, dan 49 Gangsa dan telah menduduki tangga ke-3 keseluruhan daripada 15 kontinjen yang telah mengambil bahagian.

Bilangan pegawai dan atlet Kontinjen Wilayah Persekutuan yang terlibat semasa SUKMA XIII, Melaka 2010 adalah seramai 792 iaitu terdiri daripada 308 orang Jawatankuasa Kecil Kontinjen/Sekretariat, 176 orang Pengurus dan Jurulatih dan 573 orang Atlet. Sebanyak 33 jenis sukan telah di pertandingan pada SUKMA kali ini dan Kontinjen Wilayah Persekutuan menyertai kesemua acara yang di pertandingan.

Senarai acara sukan yang disertai oleh Kontinjen Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

		ACARA SUKAN	
ACARA SUKAN WAJIB	1.	Angkat Berat	10. Olahraga
	2.	Badminton	11. Perahu Layar
	3.	Lumba Basikal	12. Menembak
	4.	Bola Sepak	13. Sepak Takraw
	5.	Boling Padang	14. Pencak Silat
	6.	Wushu	15. Skuasy
	7.	Hoki	16. Tenpin Boling
	8.	Gimnastik a. Artistik b. Gimrama	17. Karate
	9.	Memanah	18. Akuatik Renang Terjun
		ACARA SUKAN	
ACARA SUKAN PILIHAN	1.	Bola Jaring	9. Kabaddi
	2.	Judo	10. Petanque
	3.	Lawan Pedang	11. Tinju
	4.	Ragbi	12. Silambam
	5.	Bola Tampar Bola Tampar Dewan Bola Tampar Pantai	13. Bola Keranjang
	6.	Golf	14. Pingpong
	7.	Kayak	15. Equestrian Show Jumping Dressage Endurance
	8.	Tenis	





KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia

☎ 603-888 97888 📠 603-8888 0375

www.kwpcb.gov.my